RAMADAN 1442

www.pmbk.gov.my

PERCUMA

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH

# KELANTAN
## KE PERSADA
## ANTARABANGSA

ISSN 2289-5418

9 772289 541000

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

# UNTUK DIJUAL



## RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK)

### MERANTI, PASIR MAS

**Lokasi**
700 Meter daripada Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas

Bersebelahan projek 59 unit Rumah Mampu Milik

| Jenis | Harga Jualan | Unit |
|---|---|---|
| Rumah Teres 1 Tingkat | RM85K | 16 |
| Rumah Teres 1 Tingkat | RM130K | 43 |
| Rumah Kedai 1 Tingkat | RM210K-RM340K | 6 |

No. Lesen Pemaju: 13797-2/09-2021/0871(P)
No. Permit Iklan & Jualan: 13797-2/09-2021/0871(L)



**DISKAUN RM10K**
UNTUK PEMBELI PERTAMA

1 Km Dari Pekan Melor

✓ 3 Bilik Tidur
✓ 2 Bilik Air

## 2 UNIT SEMI-D

### MELOR

**SEMI-D A (LOT11231)**
Harga Jualan - RM299,000
Luas Tanah - 3552kp
Luas Bangunan - 1200kp

**SEMI-D B (LOT11230)**
Harga Jualan - RM
Luas Tan - 3
Lua - 1200kp

SOLD OUT

**PROJEK AKAN DATANG**
✓ 4 UNIT SEMI-D
✓ 16 UNIT TERES SATU TINGKAT


Hubungi:
09-747 7227 / 019-217 4649
PMBK Development Sdn Bhd




# BANGLO MEWAH MESRA SYARIAH










**HARGA BERMULA DARI**

## RM428,500

✓4 BILIK TIDUR
✓4 BILIK AIR

## Spesifikasi Kediaman

- **Struktur**
  Rangka konkrit bertetulang
- **Bumbung**
  Jubin konkrit/kerangka keluli ringan
- **Dinding**
  Bata merah
- **Luas rumah**
  1,752 kp
- **Luas tanah**
  5,605 kp

## Kemudahan Kami

- Banglo berkapasiti 4 bilik tidur dan 4 bilik air
- Saiz rumah dan tanah yang luas
- Lokasi dekat dengan bandar Tanah Merah
- Sistem perparitan yang komprehensif
- Jalan berturap
- Perumahan lengkap dengan lampu jalan
- Sistem pungutan sampah berpusat
- Suasana persekitaran yang nyaman dan tenang
- Reka bentuk cantik, moden dan kontemporari
- Rumah yang sejuk oleh binaan bata merah

## Tawaran Kami

>Percuma yuran guaman
(Tanpa *disbursement*)
>Percuma perjanjian jual beli
>Deposit serendah RM500 sahaja
>Hadiah misteri untuk pembeli terawal

PELAN LOKASI
WADI IMAN PMBK II
PASIR GENDA

KOORDINAT LOKASI
5.831522148058898, 102.1221069689494

Hubungi segera:
**011-2546 9440**
**013-981 0054**

فربادنن منتري بسر كلنتن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my

**WADI IMAN PMBK II**
PASIR GENDA TANAH MERAH

Wadi Iman | WadiImanEksklusif | www.wadiiman.com

# AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL
# QIADAH EDISI KE-24

**KETUA EDITOR**
**Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**TIMBALAN KETUA EDITOR**
**Wan Mohd Husni Wan Osman**
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL**
**Zamakhshari Muhamad**
Pengurus Kanan Pemasaran &
Komunikasi Korporat Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**JAWATANKUASA EDITORIAL**
**Dr. Wan Nik Wan Yussof**
Pengarah Pusat Kajian Strategik

**Mohd Asri Mat Daud**
Setiausaha Politik
Menteri Besar Kelantan

**Mohd Khairul Padli Baduidin**
Setiausaha Akhbar
Menteri Besar Kelantan

**Hj. Mahadi Mokhtar**
Pengurus Kanan Pembangunan Korporat
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

**Mohd Haikal Rozaini**
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Muhammad Najid Abdullah**
Penolong Pengurus Modal Insan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Abdul Fatah Jaafar**
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**PENYELARAS EDITORIAL**
**Shariah Derahman**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL**
**Siti Norazami Mohamed Anuar**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**PENGARANG**
**Norzana Razaly (Zanazanzaly)**

**PENULIS BERSAMA**
**A. Ubaidillah Alias**
**Dr. Wan Adi Wan Yusoff**
**Nor Zainah Nordin**
**Nik Fauziah Nik Hussin**
**Wan Nor Azlezan Baharuddin**
**Ezani Haji Daud**
**M Faqih**
**Marzuki Mohd Nor El-Feringhati**
**Suraya Hussin**
**Lina Lizam**
**Mohd Zailani Abd Rahman**
**Shariah Derahman**
**Muhammad Najid Abdullah**
**Yusri Yaakub**
**Iman Mohd Yusoff**
**Siti Norazami Mohamed Anuar**
**Noorleyne Hamzah**
**Wan Muhammad Najahuddin**

**PEREKA PETAK & GRAFIK**
**Mohd Haikal Rozaini**
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Shariah Derahman**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Mustaqim Isa**
Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**JURUGAMBAR**
**Ahmad Nai'me Muhammad**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**JURUGAMBAR BERSAMA**
**Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)**
**Perbadanan Muzium Kelantan**
**Ruzely Abdullah**
**Shasliza Samsuddin**

**PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI**
**Jabatan Pemasaran**
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**DITERBITKAN OLEH**
**Perbadanan Menteri Besar Kelantan.**
Tingkat 6, Bangunan PMBK,
Jalan Kuala Kral, 15150
Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-747 4082
Faks: 09-747 7815
Portal: www.pmbk.gov.my

**DICETAK OLEH**
**Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.**
4200-A Simpang Tiga Telipot
Jalan Sultan Yahya Petra, P.O Box 67
15700 Kota Bharu
Kelantan.
No. Tel: 09-7481849

**Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.**

**Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian majalah ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian majalah, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.**

# *Pembuatan* KERIS



Keris digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan sebagai alat kebesaran diraja. Senjata ini juga merupakan lambang kedaulatan orang Melayu. Keris yang paling masyhur ialah keris Taming Sari yang merupakan senjata Hang Tuah, seorang pahlawan Melayu yang terkenal.

Seni ukir merupakan seni rupa tradisi Melayu yang terulung .Kita biasa mendengar, jika berkawan dengan penjual minyak wangi kita akan berbau wangi dan jika berkawan dengan tukang besi kita akan terasa bahangnya.

Demikian perjalanan kehidupan Mohd Zaki Husain, 55, seorang tukang besi yang berkemahiran membuat keris yang cukup tersohor di negeri Cik Siti Wan Kembang. Kemahiran ilmu pertukangan besi itu dipelajari ketika menjadi pembantu kepada arwah bapa mentuanya, Ibrahim Ismail. Minat mendalam terhadap barangan antik turut mendorong Mohd Zaki untuk terus terbabit dalam bidang ini sehingga kini.

Mohd Zaki atau nama komersialnya Zaki Purbo juga banyak memberi sumbangan untuk menaikkan industri kraftangan di negeri Kelantan secara amnya berkenaan pertukangan besi dengan membawa nama Kelantan ke seluruh negara dalam masa yang sama memasarkan produk-produk miliknya.









# QIADAH




**LAMAN HADAPAN:**
**KELANTAN KE PERSADA ANTARABANGSA**

OLAHAN TEKS BAGI LAMAN HADAPAN DI SINI


PERISTIWA


8 AMANAT KHAS TAHUN BAHARU 2021

FOKUS


12 KELANTAN DIWARNAI ULAMA ANTARABANGSA

FOCUS


17 STANDING IN THE EYES OF THE WORLD

VARIASI


22 PEMIMPIN KELANTAN DI MATA DUNIA

VARIASI


26 KARYA ANAK KELANTAN DI PERSADA ANTARABANGSA

VARIASI


30 DAKWAH SEJAGAT BERMULA DENGAN DODOIAN IBU

VARIASI


34 ATLET KELANTAN DI PENTAS DUNIA

VARIASI


38 POLA PEMIKIRAN USAHAWAN KELANTAN

VARIASI


41 KELANTAN DI MATA MEDIA ANTARABANGSA

VARIASI


44 AGRO-PELANCONGAN PIKAT PELANCONG

VARIASI


48 PRODUK KELANTAN KE PASARAN ANTARABANGSA

PEMIMPIN


52 MENTERI BESAR KELANTAN

HERITAGE

56 BATIK KELANTAN

MAKANAN

59 NASI DAGANG KELANTAN

DESTINASI

62 JELAWANG PIPE RESORT

TOKOH

66 PROF. DR. NIK HAZLINA NIK HUSSAIN

JENAMA KELANTAN

70 EMAS KELANTAN

KELANTAN SANA SINI

74 CAFÉ HIPSTER

INSPIRASI KELANTAN

78 SHAFIE JUSOH

FOKUS PMBK

82 USAHAWAN KELANTAN BERSAMA PMBK

AKTIVITI PMBK

86 BANTUAN BANJIR

AKTIVITI PMBK

87 SOLAT HAJAT DAN USRAH PMBK

AKTIVITI PMBK

88 TAJMEEL

AKTIVITI PMBK

90 PENYERAHAN KIT KESIHATAN KEPADA KKM

AKTIVITI PMBK

92 DIGITALISASI DINAR DAN DIRHAM KELANTAN

TEROWONG MASA

94 ISTANA KEPADA BAZAR

DIALEK KELANTAN

96 ALATAN DAN PERKAKASAN



# AMANAT KHAS TAHUN BAHARU 2021

## DAN PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM KELANTAN

1. PELAN STRATEGIK MENANGANI GEJALA SOSIAL NEGERI
2. PENGEMBANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR
3. PENGUKUHAN HASIL NEGERI
4. PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan menzahirkan penghargaan atas usaha, kerja gigih dan komitmen penjawat awam Kelantan dalam mendukung dan melaksanakan dasar serta program kerajaan negeri dengan penuh cemerlang. Kecemerlangan tersebut dibuktikan dengan pencapaian prestasi kewangan cemerlang kerajaan empat tahun berturut-turut dengan lebihan akaun semasa bagi tahun 2020 sebanyak RM44.54 juta.

Amanat dengan tema "Kebersamaan Demi Rakyat" ini diadakan di Kompleks Kota Darulnaim pada 21 Jamadil Awal 1442 bersamaan 05 Januari 2021 dengan norma baharu menfokuskan empat gerak kerja utama iaitu pelaksanaan Pelan Strategik Menangani Gejala Sosial Negeri, Pengembangan Ekonomi dan Pembangunan Infrastruktur, Pengukuhan Hasil Negeri dan Pemerkasaan Sistem Penyampaian Kerajaan.

Turut diumumkan inisiatif baharu kepada rakyat dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu (maksimum RM500 setiap penerima) bagi menyokong usahawan dalam talian. Menteri Besar turut menyatakan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan yang komited dengan tugasan mendepani wabak COVID-19. Rakyat Kelantan juga diminta untuk sentiasa patuh kepada garis panduan bagi mengekang penularan COVID-19.



# أمانات خاص تاهون بهارو 2021

## دان ڤرهيمڤونن ڤنجاوت عوام کلنتن

أستاذ داتوء بنتارا كانن منتري بسر کلنتن منظاهيرکن ڤڠهرݢاءن أتس اوسها، کرج ݢيݢيه دان کوميتمن ڤنجاوت عوام کلنتن مندوکوڠ دان ملقسانکن داسر سرتا ڤروݢرم کراجاءن نݢري دڠن ڤنوه چمرلڠ. کچمرلڠن ترسبوت دبوقتيکن دڠن ڤنچاڤاين ڤريستاسي ݢاواڠن چمرلڠ کراجاءن أمڤت تاهون برتوروت-توروت دڠن لبيهن أکاون سماس باݢي تاهون 2020 سباڽق RM44.54 جوتا.

أمانات دڠن تيما "کبرساماءن دي رعيت" اين دأداکن دکوملڤليکس کوت دارالنعيم ڤد 21 جماد الأول 1442 برسماءن 5 جانواري 2021 دڠن نورما بهارو ممفوکوسکن أمڤت ݢرق کرج أوتام يايت ڤلقسانأن ڤلن ستراتيجيک مناڠني کجالا سوسيال نݢري، ڤمباڠونن إيکونومي دان ڤمباڠونن إينفراستروکتور، ڤڠوکوهن حاصيل نݢري دان ڤمرکاساءن سيستم ڤڽمڤاين کراجاءن.

توروت دعمومکن إينيسياتيف بهارو کڤد رعيت دڠن ڤراونتوقن سباڽق RM500 ريبو (مکسيموم RM500 ستياڤ ڤنريما) باݢي ميوکوڠ أوسهاون دالم تالين. منتري بسر توروت مڽاتکن ڤڠهرݢاءن کڤد سموا ڤتوݢس باريسن هادڤن يڠ کوميتد دڠن توݢاسن منڠاني وابک COVID-19. رعيت کلنتن جوݢ دمينتا سنتياس ڤاتوه کڤد ݢاريس ڤندوان باݢي مڠکڠ ڤنولرن COVID-19.

# IHTIMAM DAN RESPONSIF TERHADAP *Konflik* DUNIA ISLAM

*Bismillahirrahmanirrahim,*

Tahmid dan syukur dipanjatkan kehadrat untuk Allah SWT pemilik kerajaan bumi dan samawi. Penguasa mutlak segala hal ehwal duniawi dan ukhrawi. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya, serta seluruh penyambung legasi *nubuwwah* sehingga akhir zaman.

Menjadi *sunnatullah* buat kaum Muslimin yang beriman, mereka akan sentiasa dihadapkan dengan tribulasi dan ujian. Tidak kira di penjuru dunia mana mereka berada, Allah akan mendatangkan konflik dan hujahan yang menghukum. Lebih-lebih lagi bagi umat Islam di akhir zaman, mereka akan digugat dalam pelbagai aspek sama ada ekonomi, sosial, politik dan keagamaan. Menjadi kewajipan setiap Muslimin bersikap *ihtimam* (prihatin) dan responsif terhadap isu umat Islam di seluruh dunia. Jangan sampai kita menjadi bisu, pasif dan berdiam diri memeluk tubuh seperti mayat sewaktu saudara seagama kita ditekan dan diperas dalam pelbagai dimensi.



Kita perlu bangkit bersuara, menyatakan bantahan kepada golongan konspirator yang sedang melebarkan hegemoni mereka dengan menanamkan Islamofobia ke seluruh negara di dunia. Pemimpin Islam dan umatnya tidak boleh berdiam diri, malah mereka perlu bersatu menyatakan suara bantahan menolak keganasan ini. Apabila berlakunya kes pembantaian jemaah masjid di Christchurh, New Zealand pada Mac 2019. Kemudian disusuli kes pengeboman gereja di Sri Lanka pada April 2019. Ada pihak mendakwa Islam punca berlakunya kedua insiden ini. Sedangkan kedua insiden ini adalah tindakan keganasan yang ditolak oleh Islam dan seluruh pemimpin Islam di dunia.

Sikap *ihtimam* dan responsif perlu konsisten setiap waktu. Suara dan pandangan Muslimin harus dilontarkan jauh ke pentas antarabangsa untuk mengimbangi suara liberal dan melawan arus Islamofobia. Umat Islam perlu berani berdiri pada posisi kritikal saat konflik antarabangsa tercetus. Dalam usaha mengadaptasikan diri dengan arus antarabangsa, agama perlu tetap kukuh dipegang dan semoga Kelantan kekal bergerak konsisten di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Insya-Allah.

**DATO' BENTARA KANAN**
**USTAZ DATO' HJ. AHMAD HJ. YAKOB**
S.J.M.K., D.J.M.K. (Kelantan), J.P., S.M.K.

MENTERI BESAR KELANTAN merangkap
PENGERUSI PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# Kelantan
# DI PERSADA ANTARABANGSA PMBK DI BARISAN HADAPAN

*Alhamdulillah,* segala pujian hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat serta umat Islam seluruhnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya, ayat 107 yang bermaksud: *"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

Kerasulan dan perutusan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia membawa kebahagiaan yang besar. Baginda Nabi membawa sinar menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kesengsaraan malah menjadi sebab tercapainya pelbagai kebaikan di dunia dan akhirat.

Asbab kepada ikutan inilah yang membawa kepada ketinggian ketamadunan Islam yang pernah mencapai kemuncak kegemilangan suatu masa dahulu. Ketamadunan yang dicatatkan sebagai kegemilangan yang pada hari ini hanyalah dikenali sebagai sejarah yang diingati. Hakikatnya semakin kabur dan umat Islam hari ini seakan hilang rentak dan arah tujuan.

Dalam menterjemah kegemilangan yang nyata, indikator yang boleh diukur melalui sosioekonomi, budaya setempat dan modal insan berintegriti seharusnya tidak diasingkan. Justeru, Kelantan sebagai sebuah negeri yang sudah tiga dekad memperjuangkan dasar Membangun Bersama Islam dilihat konsisten memperbaharui pentadbiran yang merangkumi pelbagai tonggak pemerintahan. Pelbagai elemen pelaksanaan yang disuntik ke dalam agenda bernegeri, malah jiwa bernegara yang kesannya secara langsung untuk rakyat. Ia bagaikan jalinan yang tersusun rapi seperti binaan yang kukuh, melatari gerak tindak sebagai sebuah kerajaan.

PMBK pula secara tidak langsung mengikuti rapat perjalanan tiga dekad Membangun Bersama Islam. Dalam melestarikan gagasan idea besar negeri, PMBK telah memperbaharui sistem pengurusan termasuk menilai kembali prestasi dengan mengambil kira kepatuhan UMI dan mempertingkat keupayaan serta mengurangkan birokrasi yang menghalang pengembangan operasi. Natijah besar yang disasarkan tentunya memberikan kesan positif kepada keupayaan dan integriti Modal Insan PMBK, sudah pasti memberikan lonjakan kepada prestasi Perbadanan.

Justeru, Qiadah edisi ke-24 kali ini akan mengetengahkan dokumen berkaitan dasar Kelantan yang Membangun Bersama Islam di persada antarabangsa. Dengan pelbagai segmentasi yang dilihat mampu dipersadakan, segala usaha jerih PMBK di barisan hadapan dalam mengetengahkan pendokumentasian ini diharap dapat memperlihatkan kesungguhan dan kejayaan negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga, demi merealisasikan cita-cita besar memartabatkan Islam sebagai asas pembangunan. Malah menjadi negeri yang menyerlahkan sisi perubahan berteraskan pentadbiran mengikut cara Islam.

Jutaan terima kasih kepada para penulis yang bertungkus lumus menyediakan bahan penulisan dan pastinya usaha murni ini akan memberikan manfaat besar untuk khalayak ramai. Rakaman terima kasih juga kepada sidang editorial yang memastikan Qiadah kali ini berjaya diterbitkan. Mewakili pengurusan PMBK, kiranya saya memohon maaf atas segala kekurangan dengan merafak doa sejahtera untuk semua. Hanya Allah jua yang layak membalas segala jerih keringat dan tunas idea yang dicurahkan.

Kelantan di persada antarabangsa dan PMBK akan sentiasa berada di barisan hadapan sebagai tongkat serandang.

Sekian, terima kasih.



**HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN



# KELANTAN DIWARNAI ULAMA HARAKI, MURABBI DAN DAI ANTARABANGSA

Oleh: A. Ubaidillah Alias

**Catatan sejarah di negeri-negeri semenanjung tidak banyak yang diketahui sumbernya secara tepat walaupun negeri tersebut mempunyai sejarah yang sangat panjang. Sesekali kita menemukan versi naratifnya berbeza dengan buku teks sejarah di sekolah. Begitu juga dengan negeri Kelantan, ia mempunyai catatan sejarah yang kurang jelas. Dipetik oleh Dr. W.A Graham dalam bukunya *"Kelantan - a state in Malay peninsula"* majoriti sejarah awal Kelantan tidak diketahui kerana disebabkan situasi masa lalu dalam kalangan penduduk setempat yang kerap berperang sesama saudara dan juga penjajah.**




**Walau demikian, beberapa pendapat ada menyebut dan meyakini bahawa Kelantan merupakan antara negeri paling awal di Tanah Melayu yang menerima kedatangan Islam. Dianggarkan sekitar abad ke-10 (lebih tepat pada tahun 977 Masihi), Kelantan sudah pun muncul sebagai kerajaan Islam terawal pada abad ke-11.**



**Kedudukan wilayah Pattani dan negeri Kelantan.**

**Kelantan negeri pertama terima Islam**

Salah satu teori yang menyatakan kedatangan Islam ke negeri ini berlaku disebabkan oleh kedatangan orang dari wilayah Pattani yang mempelajari agama Islam dan menyebarkannya kepada masyarakat Kelantan. Ada juga teori mengatakan Islam dibawa melalui kedatangan pedagang-pedagang Arab yang berlaku secara langsung di pelabuhan dan mereka memperkenalkan Islam kepada penduduk tempatan.

Walaubagaimanapun pendapat yang paling kukuh setakat ini ialah pengaruh yang datang dari kerajaan Champa. Sekiranya pendapat ini benar, bermakna kerajaan serta masyarakat Kelantan sebenarnya telah pun menerima Islam jauh lebih awal berbanding pendapat popular sejarah kita yang menyebutkan Islam tersebar semasa kesultanan Melayu Melaka di bahagian Pantai Barat sekitar abad ke-14.

Penulis tidak berhasrat untuk menyokong pendapat tersebut, sekadar memberi sebuah sudut pandang baharu kepada pembaca kerana ia bukan suatu yang mustahil memandangkan Islam sudah tersebar di tanah Arab semenjak 580 masihi lagi. Adalah logik untuk mengatakan Islam telah sampai ke Tanah Melayu setelah lebih 200 tahun kebangkitan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan terakhir buat umat akhir zaman.

Memandangkan sejarah adalah sesuatu yang penting untuk diketahui kerana di sana letak jatuh bangunnya sebuah identiti bangsa serta jati diri kaum. Maka ada baiknya rakyat Kelantan terus menilai, mengkaji dan menelaah rujukan lama bagi melihat betapa warisan agama Islam sudah bertunas di bumi Serambi Mekah ini sejak berpuluh dekad lamanya.

**Penubuhan institusi bercorak agama**

Sekitar abad ke-17 pada tahun 1650, kerajaan Kelantan mula menggunakan dan melaksanakan undang-undang berlandaskan keperluan Islam. Antaranya pelantikan mufti berstatus ulama pertama kali dilakukan secara rasmi ketika era Sultan Muhammad II iaitu sekitar pertengahan abad ke-19. Bagaimanapun tiada rekod rasmi berjaya mencatatkan nama mufti pertama Kelantan, namun zaman kegemilangan pentadbiran Islam di Kelantan dipercayai bermula pada awal abad ke-19 semasa pentadbiran Sultan Mansor bermula tahun 1891 sehingga 1900.

Agama Islam bertapak beratus tahun lamanya di negeri Kelantan serta mempunyai pengenalan undang-undang menurut syariat agama. Pada zaman ini jugalah individu yang dilantik sebagai mufti mula direkodkan nama mereka iaitu Haji Wan Nik Daud bertugas sebagai mufti kepada Sultan Mansur sehingga tahun 1907.

Pengganti Sultan Mansor selepas itu iaitu Sultan Muhammad meneruskan perjuangannya dengan memperbanyakkan lagi pembinaan masjid dan pondok pengajian ke seluruh jajahan Kelantan. Pada ketika ini jugalah kerajaan Kelantan menubuhkan badan penting dalam melindungi kedudukan Islam dalam masyarakat mereka iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Perjanjian yang diwujudkan antara kerajaan Siam dengan penjajah British pada tahun 1909 menyebabkan kerajaan Kelantan mula mengorak langkah memodenkan pentadbiran agama Islam bagi melindungi kedudukan agama tersebut pada waktu itu yang sudah mencecah usia sepuluh abad lamanya.

Atas saranan beberapa orang ulama khususnya Tok Kenali yang sangat disegani, pantas kerajaan Kelantan menubuhkan MAIK sebagai usaha mengelakkan British campur tangan dalam urusan berkaitan pentadbiran agama Islam yang mana MAIK ditubuhkan pada tahun 1915. Ia menjadi institusi pertama di negara kita yang dibangunkan khas untuk menjaga institusi bercorakkan agama.


**Tok Kenali bersama ahli Majlis Agama Islam Kelantan, 1928.**

**Kelantan bertuah dipayungi ulama *haraki***

Ulama memainkan peranan utama dalam mencorak Kelantan menjadi sebuah negeri yang barakah dan mampu membawa syiar Islam. Tok Kenali antara ulama haraki yang memainkan peranan penting ketika zamannya, beliau bukan ulama pondok yang sekadar mengajar di dalam masjid, malah beliau menjadi tonggak utama dalam penubuhan institusi agama untuk negeri iaitu MAIK. Tok Kenali terlibat secara langsung dalam pentadbiran kerajaan, khusus melalui MAIK. Beliau dilantik sebagai anggota MAIK pada akhir tahun 1915, kemudian menjadi Pengarah Pelajaran MAIK, selain mengetuai redaksi majalah Pengasuh.

Gagasan dan pemikiran beliau banyak disalurkan kepada kerajaan melalui semua kedudukan ini, terutama setelah Dato' Bentara Setia dilantik sebagai Dato' Perdana Menteri Kelantan (Menteri Besar) pada tahun 1921 dan penyertaan Dato' Laksamana Mohamed Mohd Said dalam pentadbiran kerajaan selaku Setiausaha Kerajaan. Gandingan tiga tokoh ulama dalam pentadbiran Kelantan ini boleh dianggap sebagai pengimbang terhadap kuasa Penasihat British di Kelantan.



Haji Mohamad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali)

**Tok Kenali: Ulama bertaraf antarabangsa**

Tok Kenali atau nama sebenarnya, Mohamad Yusoff bin Ahmad adalah tokoh yang dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan pada tahun 1868. Setelah mendapat pendidikan awal di Kelantan, beliau ke Mekah pada tahun 1887 dan berguru dengan Sheikh Wan Ahmad al-Fathani lebih 20 tahun sehingga gurunya wafat pada tahun 1908. Beliau juga pernah dibawa oleh guru ke Mesir untuk meluaskan pengalamannya, terutama dalam hal politik dan pemikiran pembaharuan Islam.

Ketika berada di Mekah, Tok Kenali terlibat secara langsung dengan seluruh kegiatan gurunya sebagai ulama dan murabbi, sebagai pegawai tinggi Khilafah Uthmaniyah, sebagai pentashih kitab dan pegawai percetakan, pemimpin Jam'iyat al-Fathaniyah dan juga sebagai perunding kerajaan. Tok Kenali menyedari perubahan yang berlaku di Istanbul dan kegiatan British untuk menaja penubuhan negara haram Israel dan menggulingkan Khalifah Sultan Abdul Hamid II di Istanbul. Gagasan Pan-Islamisme yang dikemukakan oleh Sultan Abdul Hamid II dan penglibatan Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama, 1914-1918 diikuti sepenuhnya oleh Tok Kenali. Oleh sebab itu, Tok Kenali bukan hanya seorang ulama, tetapi juga seorang negarawan yang memahami politik antarabangsa pada zamannya.

**Membangunkan semula bangsa**

Peranan Tok Kenali dalam dunia keilmuan dan dakwah Islam adalah sangat besar, bahkan telah meletakkan beliau sebagai ilmuan terkemuka dan terbesar di Kelantan pada abad ke-20. Namun begitu yang jarang disedari oleh orang ramai ialah sumbangan beliau dalam membentuk kesedaran umat Islam setelah dijajah oleh Barat sejak tahun 1904.

Tok Kenali terus mencorak landskap politik di Kelantan. Beliau menubuhkan Jam'iyat al-'Asriyah di Kota Bharu pada akhir tahun 1915 untuk membangkitkan semula semangat politik orang Kelantan. Ia adalah kelab politik yang terawal di Kelantan. Setelah itu, muncul kelab-kelab politik seperti Kelab Putera, Setiawan Belia, Dewan Bahasa Melayu, Persatuan Suara Muda dan lain-lain. Daripada badan-badan ini munculnya parti politik sehingga membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin di Kelantan pada tahun 1948, diikuti oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada tahun 1953.

Fikrah dan gagasan ulama haraki yang dibawa oleh Tok Kenali telah berhasil menangani kerosakan yang dilakukan oleh British. Ketika British berusaha untuk meruntuhkan fikrah rakyat di sudut kiri, Tok Kenali membangunkan pula di sudut kanan. Tok Kenali adalah seorang ulama *haraki* yang memberi kesedaran kepada murid-muridnya sehingga pondok-pondok bercambah dengan pesat di Kelantan. Murid-muridnya turut berperanan seperti Tuan Guru Haji Abdullah Tahir yang membantu mengembangkan pergerakan Islam di Kelantan. Tiada siapa yang boleh menafikan bahawa sebahagian daripada kekuatan dan kesedaran Islam masyarakat Kelantan hari ini adalah hasil daripada titik peluh Tok Kenali.

**POLITIK KELANTAN DAN ULAMA BERPISAH TIADA**

Akhirnya PAS berjaya mengambil alih kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan ulama pada tahun 1990 dan parti PAS terus diterajui oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) semenjak itu. Beliau telah memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam yang mencorak semua aspek pemerintahan Kelantan. Beliau juga memperkenalkan prinsip Ubudiyyah (kepatuhan




Majlis perasmian Hari Sayyidatina Khadijah dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Dato' Hjh. Mumtaz Md Nawi.





Muslimah International Summit Kelantan (MISK).

kepada agama), Masuliyyah (akauntabiliti) dan Itqan (ketekunan dan kualiti kerja) yang diterapkan kepada semua penjawat awam di negeri Kelantan.

Setelah berlalu lebih dua dekad Tok Guru mentadbir Kelantan sebagai Menteri Besar, beliau telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2013 dan diganti oleh Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Yakob. Kini legasi Allahyarham disambung dengan dasar yang sama dengan penambahbaikan iaitu Merakyat Membangun Bersama Islam. Dasar ini terus disokong oleh tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

**Kerajaan Kelantan dan nuansa Islam sejagat**

Kelantan sentiasa meraikan murabbi dan dai yang berjuang menyampaikan agama. Tidak kira mereka dari negara mana atau bangsa apa, kerana Islam telah menyatukan seluruh dunia di bawah satu akidah yang sahih iaitu bertuhankan Allah dan bersaksikan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan-Nya. Atas sebab itu, nama Kelantan terus harum dan dikenali di seantero Asia Tenggara oleh kebanyakan negara Islam di dunia.

Bahkan dalam dua dekad mutakhir ini Kelantan masih istiqamah menganjurkan program solat tarawih di Madinah Ramadan yang bertempat di Stadium Sultan Muhammad IV dengan menjemput imam tarawih dari Timur Tengah. Begitu juga dengan wacana ilmiah seperti Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) yang berjaya menjemput jurucakap dari pelbagai negara Islam di dunia.

Acara berlangsung empat hari itu dimeriahkan dengan sambutan HSK dan pelancaran Gagasan Wanita Kelantan, persidangan International Muslim Women Union (IMWU) yang dihadiri oleh 55 delegasi dari 17 buah negara, Muslimah International Summit Kelantan (MISK), melibatkan pembentangan 77 buah makalah tempatan dan antarabangsa dan forum interaktif International Young Muslim Forum (al-Youm) serta Niswah Sharing Session turut memanfaatkan hadirin dengan perkongsian ilmu kemanusiaan sejagat daripada wakil negara bergolak seperti Pakistan, Sudan, Thailand serta banyak lagi.

**Sambutan luar biasa anak muda terhadap murabbi dan dai**

Bukti terbaik setakat ini bahawa warga Kelantan sangat menyukai program keagamaan dan sentiasa meraikan wacana Islam ialah sewaktu penganjuran program Hari Murabbi Ummah yang melibatkan penceramah tersohor iaitu Ustaz Abdul Somad dari Indonesia. Beberapa pengisian telah disusun melibatkan anak muda bersama Ustaz Abdul Somad. Ternyata anak-anak muda di Kelantan begitu teruja dengan personaliti agamawan dari Indonesia tersebut.

Program julung kali pernah diadakan itu bertujuan memberi input positif kepada mereka yang sudah berumahtangga, juga anggota masyarakat dan negara supaya hidup mengikut acuan Islam. Sebagaimana Allahyarham Tok Guru menjadikan Islam sebagai asas pentadbiran, beliau juga meletakkan sunah Rasulullah SAW sebagai rujukan dalam pentadbiran kerajaan Kelantan sepanjang menjadi Menteri Besar.

Sewaktu penganjuran program Ustaz Abdul Somad pada 15 Februari 2019 lalu di Stadium Sultan Muhammad IV, puluhan ribu rakyat Kelantan membanjiri stadium untuk mendengar ucapan yang bertemakan "Tegakkan Islam tanggungjawab umat".





**Ustaz Abdul Somad berkongsi ilmu pada Hari Murabbi Ummah.**




**Dr. Zakir Naik berucap ketika program Jelajah Dakwah Dr. Zakir Naik.**

Ia memperlihatkan satu visual solidariti dan kesatuan ummah, khususnya dalam kalangan anak muda Kelantan yang sangat meraikan para murabbi dan dai. Bertepatan dengan majlis itu, kerajaan Kelantan telah menganugerahkan gelaran Dai Nusantara kepada pendakwah terkenal Indonesia tersebut.

**Bersoladiriti dengan Dr. Zakir Naik**

Selang beberapa bulan selepas penganjuran majlis Ustaz Abdul Somad, meruncing pula satu isu melibatkan pendakwah antarabangsa iaitu Dr. Zakir Naik apabila kerajaan India memaksa beliau pulang ke India untuk menerima hukuman sebagai pengganas. Kerajaan Malaysia ketika itu telah menolak permintaan India dan membenarkan Dr. Zakir Naik menetap di Malaysia selama mana yang beliau mahu.

Rentetan daripada itu, kerajaan Kelantan telah mengambil peluang menjemput beliau dan menyediakan majlis yang besar di Stadium Sultan Muhammad IV seperti majlis Ustaz Abdul Somad. Pada 9 Ogos 2019, dianggarkan lebih 70,000 pengunjung membanjiri Stadium Sultan Muhammad IV untuk mengikuti secara dekat perkongsian ilmu oleh pendakwah antarabangsa tersohor tersebut.

Laungan Allahu Akbar bergema di dalam stadium setelah pendakwah tersebut tiba di stadium dan melambai tangan ke arah hadirin yang membanjiri padang stadium seawal pukul 6.00 petang.

Sebelum pidato daripada Dr. Zakir, hadirin dihidangkan dengan perkongsian daripada anak beliau, Fariq Naik yang menyentuh mengenai keindahan Islam dan ketentuan Allah adalah yang terbaik berbanding perancangan manusia.

Manakala Dr. Zakir Naik pula memulakan pidatonya pada pukul 11.00 malam. Beliau banyak menyentuh tentang pembangunan Muslim supaya sedar daripada apa yang dilakukan untuk tidak terus lalai.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Yakob dalam ucapannya berkata, majlis seumpama ini meninggalkan satu sejarah yang mendalam kepada Kelantan. "Rakyat Kelantan bertuah kerana sering kali dilawati tokoh agamawan Islam bertaraf antarabangsa. Apa sahaja pendekatan yang digunakan oleh Dr. Zakir Naik untuk menyampaikan ilmunya adalah untuk menegakkan kebenaran dalam Islam", ujarnya.

**Kelantan meraikan murabbi dan dai seluruh dunia**

Inilah pendirian sebenar Kelantan yang dipimpin oleh ulama dan agamawan. Kelantan sentiasa komited membawa syiar Islam khususnya dalam menjaga dasar kerajaan negeri iaitu Merakyat Membangun Bersama Islam. Berpaksikan asas Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan serta bertonggakkan Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan sudah semestinya Kelantan sentiasa meraikan para murabbi dan dai yang berada di seluruh dunia.

Bahkan, Kelantan sentiasa mencari ruang dan peluang untuk membuka saluran wacana dan perkongsian ilmu menerusi program antarabangsa yang melibatkan koresponden dari luar negara dan peringkat antarabangsa. Kita mendoakan agar kerajaan Kelantan yang dibina dan dicorak oleh titik peluh ulama haraki akan terus kekal berkompaskan Islam sehingga akhir zaman, insya-Allah.



# STANDING IN THE EYES OF THE WORLD
# The Stories of Five Outstanding Kelantanese

By: Nor Zainah Nordin

1. **Abdullah Fahmi Che Nor @ Shukri**
2. **Luqman Hakim Shamsuddin**
3. **Shahrom Abdullah**
4. **Emeritus Professor Dato' Dr. Hashim Yaacob**
5. **Emeritus Professor Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman**

Kelantan is widely known as the "Land of Lightning". This state is a treasure trove of delights and highlights. Historically, Kelantan has a long, colorful history that goes as far back as 8000 BC. Peoplepill.com stated that one of the earliest rulers in the region was a woman by the name of Cik Siti Wan Kembang. Later, her daughter, Puteri Saadong, succeeded the throne. Their reign took place during the 17th century. It was reputed that both women have magical powers.

The ruler in the 18th century who governed the provinces that is now the state of Kelantan was none other than the powerful Malay warrior, Long Yunus. His descendants currently make up the Royal House of Kelantan.

Outstanding on its own, like the rest of the states in the Malay Peninsula, Kelantan finally became a part of the Federation of Malaya (now known as Federation of Malaysia) in 1957. The people of Kelantan or Kelantanese are "extraordinary" people who make the state as colorful and outstanding as it is.

Naturally, Kelantanese have been known to exhibit innovations, artistic flairs and intellectual skills that outshined others in their limelight. It is so that many Kelantanese have been heading public offices in Federal and State Government in Malaysia, as well as leading corporate and private companies in the country.

These are the stories of five Kelantanese, extraordinary in their spirit and outstanding in their accomplishments; putting Kelantan strongly in the eyes of the country as well as the world.




**Abdullah Fahmi Che Nor @ Shukri as the champion of the 17th International Level Tilawah Al-Quran Competition held in Moscow Russia.**




**Luqman Hakim**

**The World Class Quran Reciter**

Born on March 17, 1984 at Kampung Cherang Hangus, Machang, Kelantan, Abdullah Fahmi held a Diploma Tahfiz al-Quran Walqiraat from Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). For 37 years old Abdullah Fahmi Che Nor @ Shukri, a lecturer at Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) in Kota Bharu, nothing beats the feeling he felt soon he heard the announcement of him winning the 17th Moscow International Quran Recitation Competition in Russia, five years ago.

The exhilaration he felt beating Yusuf Abdullah of Yemen in second place and Solah Ali Umar of Bahrain in third spot, was astounding and came as a surprise to him. The competition held from September 22 to 25, 2016 was attended by representatives from 30 countries, including Saudi Arabia, Iraq, Iran, Bahrain and Indonesia.

When met by reporters at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Sepang, on his arrival, Abdullah Fahmi said, the victory was beyond his expectation. "For me the competition was very close, especially the participants from Yemen, Bahrain, Iran, Iraq and Turkey, as they recited very well," he said.

Abdullah Fahmi, who had also finished fifth in the 2016 National-level Al-Quran reciters assembly, received a cash prize of RM20,000 as well as a plaque and certificate of participation.

**It was a sweet winning by Abdullah Fahmi who later won another acclaimed International Quran recitation competition in Kuwait where he bagged a cash prize of RM64,857 when he was selected as the champion of 10th Kuwait International Quran Recitation Competition.**

**International professional footballer**

Sensational international footballer, Luqman Hakim Shamsuddin, 19, became a delivery boy during the first phase of Movement Control Order (MCO), earlier last year.

However, he re-entered the field as the new striker for Belgium's KV Kortrijik football club after signing a five-year contract with the Belgian First Division club owned by businessman, Tan Sri Vincent Tan. The club announced his arrival on their social media, proudly welcoming him into their family with the caption, "Welcome in Kortrijik, Luqman!"

**Named by Guardian as one of the most promising young footballers in the world for 2019, Luqman was asked if European players intimidated him. With full confidence, he replied: "About the players from overseas, I have a pair of legs and they too have a pair of legs. What should I be afraid of? I must have a strong spirit."**



Shahrom Abdullah stand beside the ceremonial South Pole marker.

He's right. There is nothing that differentiates him from those players other than his nationality. Judging by the way he played his previous matches, his talent is comparable to his European teammates and opposing teams. Since he is only 19-years old, his skills will continue to grow with age.

During his European debut, Luqman scored a goal for KV Kortrijik's Under-21 side against the big boys of KRC Gent. "Luqman scored his first goal on European soil for our U21 (@kvkjeugd) in a 1-4 loss against KRC Gent. Congrats, Hakim!," the club posted in their Facebook and Twitter pages.

**His amazing story has made him a household name in Malaysia and recently, his club has produced and released a documentary on his current journey in Belgium.**

Luqman, who is a product of the National Football Development Programme (NFDP), is the first Malaysian to play in the Belgian Pro League. The diminutive striker, who featured in last year's Philippines Sea Games, was groomed at the Mokhtar Dahari Academy between 2015-2019 after which he moved on to Selangor II team. Luqman has also been featured for the national Under-17 and Under-19 teams.

The powerful striker previously scored all four goals in Malaysia's match against Tajikistan, making the final score 4-0. He also scored a goal in Malaysia's match against Thailand. With meticulous strategy and bountiful talent, Luqman's skillful movements were the sole focus of football viewers everywhere.

**North-South Pole Conquer**

Meanwhile, another outstanding Kelantanese, Shahrom Abdullah had successfully completed an expedition called South Pole All The Way Expedition 2015, after skiing as far as 890 km from Messner Inlet to the zero degree point, across the South Pole. He completed the expedition on January 16, 2016, in just 37 days and four hours, about 20 days earlier than expected.

Shahrom, 41, who hails from Felda Chiku in Gua Musang, Kelantan, completed his North Pole Expedition in April 2017. He became the first Malaysian to have conquered both the North and South Pole. Shahrom's first passion was mountain biking and started racing at national level at the age of 19, having represented Malaysia in mountain biking in the SEA Games and Sukan Malaysia (SUKMA). He raced competitively around Asia and consistently finishes in the top three.

Currently, Shahrom owns a bicycle shop and also works as a part-time coach; coaching his students who are participating in IRONMAN Malaysia. His IRONMAN Malaysia's best achievement is when he was crowned as the Best Malaysian Male in 2017. He finished the race with the timing of 10:19:52. For information, IRONMAN is an internationally recognized triathlon consisting of 3.8 km swimming, 180 km cycling and 42 km running.

In a media interview a few years ago, Shahrom said, his greatest accomplishment as an athlete was, being ranked amongst the top 15 Elite at the Powerman Zofingen Long Distance Duathlon World Championship. He said that he had been consistently at the top in the duathlon scene for many years, and he was so proud when he emerged as the first Malaysian finisher during 2017 IRONMAN Malaysia.

"IRONMAN has taught me to be disciplined. I encourage Malaysians to try and finish IRONMAN at least once in their life for that life changing experience," Shahrom said when asked about what he felt after winning the Best Malaysian Male title in 2017.

**"Do it because you love it and not because others are doing it. Consistency is the key and listens to your body. If you are tired then rest, if you feel good then push on," advised Shahrom to people who wants to try triathlon.**

**Award winner in International Invention Competition**

Who would have guessed a dental surgery graduate from the University of Otago, New Zealand, would become an accomplished tok dalang (puppeteer) of wayang kulit performance? Look no further at the former Vice Chancellor (VC) of Universiti Malaya (UM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Hashim Yaacob.

Hashim Yaacob, 71, a true scientist and a patron of the arts, succeeded Professor Dato' Dr. Anuar Zaini Md Zain as the eighth VC for three years from 1 April 2003 until 1 April 2006. He is currently the Vice-Chancellor of Quest International University Perak (QIUP).

After obtaining his first degree in dental surgery, he has been actively involved in the field of dentistry since joining UM in 1975, and was Dean of the Dentistry Faculty. He was promoted to the rank of professor in 1987. Hashim was credited for raising the standard of UM's Bachelor of Dental Surgery, which gained recognition from the General Dental Council of the United Kingdom in 1997.

In 1995, he was conferred the Fellowship in Dental Surgery by the Royal College of Surgeons England and in 2000 a Fellow of the Academy of Science. He was also a Commander in the Royal Malaysian Navy Reserve Forces.

Hashim is still very much active in the field of literature. He has written and edited five anthologies of poetry. His other achievements include winning the Silver Award for his scientific invention of a pharmaceutical product brand Remopain at the International Invention Competition in Geneva in 2001.

**Tanah Merah, Kelantan-born Hashim said, his achievements are an example of what one can do regardless of one's financial background. "I was not from a rich family. This goes to show that anybody can be a somebody with perseverance and hard work," he once said in a media interview after being promoted to VC post in 2003.**

As a literary enthusiast, Hashim engineered the recognition by the General Dental Council of the United Kingdom (GDC) for the Bachelor of Dental Surgery Degree (BDS) from the University of Malaya (1997). This is world recognition. This degree course was totally taught in Bahasa Melayu.




**Prof. Hashim Yaacob as a puppeteer performing the shadow play of Kelantan.**

The GDC recognises BDS degrees from Spain, Italy, Holland, France, and Germany that used their own language as medium of teaching. With the GDC recognition of the BDS degree from the University of Malaya, Bahasa Melayu automatically becomes Bahasa Ilmu at par with Spanish, Italian, Dutch, French and German in the eyes of the GDC.

His poem entitled "Aku Hanya Mahu ke Seberang" has been translated into 45 languages including Russian and Korean, while 30 of his poems were translated into Russian in 2005 with the title Buluh Seruling – Puisi Pilihan Hashim Yaacob. (Pogadev A. V. (Ed. & Penterjemah): BULUH SERULING – Puisi Pilihan Hashim Yaacob. (Humanitary, Moscow, 2005).

**Notable contributions at international level**

Another outstanding Kelantanese is Emeritus Professor Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman (SOAR) of Universiti Putra Malaysia (UPM). Sheikh Omar served UPM as a lecturer, associate professor and professor from 1974 to 2011 and Dean (1997-2001). He was responsible for UPM to achieve ISO 9001 certification, being the first in Malaysia.

As Director of Corporate Planning (2009-2011), he was responsible for formulating strategic plans for the whole university and quality accreditation for all faculties, institutes, laboratories and other entities in UPM. He was awarded the Emeritus Professorship by UPM in March 2012.

Sheikh Omar served as the Chairman of Nobel Laureate Committee of the Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) and Ministry of Science and Technology and Innovation Malaysia (MOSTI) (1997-2001). He also served as a member of the Research University Steering Committee of MOHE from 2003 until 2018.




**Emeritus Professor Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman.**

As a scientist, Sheikh Omar received the highest recognition in the country when he was made Fellow of the Academy of Sciences Malaysia (FASc), Fellow of Malaysian Scientific Association (FMSA), Fellow of Veterinary Association Malaysia (FVAM) and President of the Malaysian College of Veterinary Specialist (MCVS). He was given the privilege to serve (2006-2008) as the President of the Malaysian Association of Professional Speakers (MAPS).

He received his formal training from University of Queensland, Australia and University of Saskatchewan, Canada. He was admitted to the membership of the Royal College of Veterinary Surgeons, London in 1977. He is also a certified NLP Practitioner.

Notable contributions of Sheikh Omar at International level are:

1. Module writer on the Program "Impact Leadership from Islamic Perspectives" for CEOs Secretary Generals, General Managers in OIC countries funded by Islamic Development Bank (IDB), Jeddah (2009).

2. Speaker and Facilitator on workshops in Jeddah, England, Singapore, Indonesia, Thailand, Sri Lanka, Korea, Yemen, Oman and Doha (2008-present).

3. Vice President, Association of Institutes of Tropical Veterinary Medicine (AITVM), Headquarters in Amsterdam (1997-2001).

4. Member, Australasian Veterinary Deans Council (other members included Sydney, Melbourne, Brisbane, Perth and Townsville, Australia, and Massey, New Zealand) (1997-2001).

5. Member (Malaysian Representative), World Association of Veterinary Pathologists (1984-1991).

6. Member (Malaysian Representative), Australian Society of Veterinary Pathologists (1985- 1989).

7. Secretary, Association of ASEAN Veterinary Deans (1988-2000).

8. Advisor, Sultan Qaboos Hospital, Muscat, Oman (2008 – 2015).

9. Chairman, World Conference on Tropical Veterinary Medicine (CAITVM) (2004-2005).

10. Chairman, International Conference on Halal Showcase (2006).

Kota Bharu born Sheikh Omar is a people's person. He is engaging, dynamic, insightful, provocative and entertaining. He delivers practical knowledge, useful tools and a motivation that lasts. He challenges his audience assumptions and tickles their sense of humor.

He believes that by encouraging and communicating in an entertaining and positive way, people will begin to wake up and take responsibility for their total wellbeing, change their behavior and realize their dreams.

Under the brand name Dr. SOAR, his devotion in the field of speaking and training has made him a frequent speaker to public sectors as well as private entities in Malaysia and internationally (USA (Los Angeles), France (Nice), UK (London, Nottingham), Turkey (Antalya), Doha, Oman, Yemen, Sri Lanka, Korea, Indonesia and Singapore).

He has featured on RTM 2 (Be Excellence program), IKIM FM (live) and BFM 89.9: the business radio station (live), speaking on leadership. He also hosted the weekly program The Power of Leadership on IKIM.fm that went on for 18 months in 2014 and 2015.

He is the CEO of SOAR Consultings Sdn. Bhd. and principal consultant of Questpro Training Services. He regularly speaks on leadership from Islamic perspectives, impact (transformational) leadership, leading for results, values-based leadership, authentic leadership, lead and serve from your heart, as well as human governance.

**To sum up, these five outstanding people's stories and experiences are the proof that Kelantanese are extraordinary. Proof that Kelantanese are not as known connotational as lazy, poor, gedebe or easy, but as extraordinary as they can be, as Hashim Yaacob once said, "...this goes to show that anybody can be a somebody with perseverance and hard work."**



# PEMIMPIN KELANTAN DI MATA DUNIA

Oleh: Marzuki Mohd Noor El-Feringhati

Sejarah lampau merekodkan Kelantan sebagai negeri di Tanah Melayu paling awal menerima kedatangan Islam sekitar abad ke-10 lagi. Rentetan itu, rakaman sejarah moden memahat sejarah kemunculan tokoh-tokoh Islam dengan kepakaran ilmu agama seperti tokoh ulama lima serangkai: Tok Kenali (1933), Tok Kemuning (1934), Tok Selehor (1935), Tok Padang Jelapang (1935), Tok Seridek Muda (1935) yang popular di Timur Tengah.

Manakala kehebatan seni mentadbir urus negeri pula diungguli oleh Tan Sri Nik Ahmad Kamil Dato' Nik Mahmud (Allahyarham Nik Kamil) apabila pada tahun 1952 beliau dipanggil oleh Ratu Elizabeth II ke England ketika baginda mengambil alih Istana Buckingham dan empayar British. Selaku pakar dan guru Undang-undang British, Nik Kamil menyusun semula undang-undang untuk 50 buah negara Komanwel.

Oleh itu, tulisan ini memfokus kepada idea dan penglibatan empat pemimpin Kelantan kontemporari yang aktif berinteraksi dengan dunia antarabangsa.

**Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob: Tegas berprinsip terhadap isu Muslim sejagat**

Sejurus dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan selepas Pilihan Raya Umum ke-13, rakyat Kelantan menyaksikan Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob (Ustaz Ahmad) berupaya meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) dengan pelbagai dasar, konsep dan program untuk kesejahteraan rakyat.

Keprihatinannya melangkaui sempadan antarabangsa khususnya berkaitan umat Islam. Tatkala Paris digemparkan dengan isu karikatur Nabi Muhammad SAW, beliau pantas menyuarakan bantahan walaupun Presiden Perancis Emmanuel Macron mempertahankan tindakan warganya atas alasan kebebasan bersuara. Malah kerajaan Kelantan bersempena Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) kali ketiga tahun 2020 menegaskan "Jangan Hina Nabi Kami".

Islamofobia merupakan satu gejala yang telah lama wujud. Insiden serangan ke atas dua masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019 yang mengorbankan 50 Muslim turut mendapat reaksi segera Ustaz Ahmad. Dalam sidang media pada hari berikutnya, beliau mendesak tindakan tegas diambil terhadap pelampau yang melepaskan tembakan ke atas orang awam, serta berharap pihak kerajaan Persekutuan mengambil tindakan pantas dan serius bagi memastikan keselamatan seluruh rakyat Malaysia yang berada di sana.

Ustaz Ahmad juga mengutuk sekeras-kerasnya kejadian pengeboman melibatkan beberapa buah gereja dan hotel di Sri Lanka pada 21 April 2019. Dalam kenyataan medianya menunjukkan Islam tidak berkompromi atas apa jua perbuatan ganas, tanpa mengira agama mahupun etnik.

Justeru keprihatinannya dengan nasib Muslimin di Palestin dan Syria, beliau istiqamah menghulurkan bantuan sama ada idea, tenaga dan material bagi mengurangkan penderitaan umat Islam di sana. Demikian juga dengan kes letupan yang berlaku di Beirut, kerajaan Kelantan telah membuat kutipan dana kemanusiaan untuk membantu meringankan beban mangsa yang terlibat.

**Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz: Murabbi ummah sanjungan dunia**

Tanggal 12 Februari 2015, Malaysia menerima berita duka tatkala murabbi ummah Tok Guru kembali ke pangkuan Ilahi pada usia 84 tahun di kediamannya, Pulau Melaka, Kota Bharu. Sejurus berita kematiannya tersebar, puluhan ribu manusia daripada pelbagai lapisan masyarakat hadir bagi memberi penghormatan terakhir.

Tok Guru adalah gerangan yang wajar diteladani oleh semua pemimpin gerakan Islam di negara ini. Beliau berjaya menunjukkan kepada rakyat negara ini dan juga dunia bagaimana untuk mengaplikasi ilmu Islam yang dipelajarinya. Beliau mempunyai kekuatan spiritual yang ampuh bagi menghadapi serangan liar musuh dengan tidak mengabaikan amalan-amalan sunat bagi melestarikan amalan fardu. Bicaranya ketika tenang mahupun cemas semuanya dikaitkan dengan nas yang kukuh.

Tok Guru bukan sekadar ikon kepada gerakan Islam malah pentadbir yang berkesan. Ia jarang dikecapi oleh tokoh-tokoh besar gerakan Islam yang lain. Membangun bersama Islam (MBI) adalah dasar yang diguna pakai oleh kerajaan Parti Islam Se-mlaysia (PAS) Kelantan selepas kembali menguasai kerajaan pada tahun 1990.

**Tempoh 23 tahun Tok Guru sebagai Menteri Besar membuktikan beliau berupaya mentadbir sebuah kerajaan negeri berdasarkan amalan syariah, sehingga dinamakan sebagai antara pemimpin Islam seluruh dunia yang paling berpengaruh dalam buku The 500 Most Infuential Muslims.**

Buat pertama kali penerbitannya, Tok Guru menjadi satu-satunya pemimpin Islam dari Malaysia yang dipilih dan tersenarai di kedudukan ke-42 individu berpengaruh dunia. Tokoh murabbi ummah ini meninggalkan kita dengan seribu kebaktian dan menjadi cermin keteladanan di jalan dakwah, tarbiah dan siasah sepanjang zaman.

**Dato' Dr. Fadzil Hassan: Pencetus Idea Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK)**

Sistem pendidikan Malaysia telah melalui beberapa era yang bermakna sejak zaman prakemerdekaan hingga ke abad ini. Negara ini menyaksikan reformasi pendidikan yang ketara bermula dengan Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dan Akta Pendidkan 1996.

Oleh itu pelbagai perubahan besar telah berlaku sama ada dari sudut dasar, kurikulum dan pendekatan pendidikan selaras dengan tuntutan zaman. Lebih-lebih lagi dengan termaktubnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988, yang menentukan hala tuju pendidikan Malaysia ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa telah banyak perubahan positif dan pembaharuan telah berjaya dilaksanakan dalam sistem pendidikan Malaysia. Namun demikian, pemerhatian yang mendalam dapat merumuskan bahawa pendidikan pada hari ini masih lagi dibelenggu oleh pengaruh sistem pendidikan yang berasaskan Barat walaupun mempunyai Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang baik. Hubungan antara dasar, sistem, pembangunan kurikulum dan pelaksanaan program sangat penting dalam menterjemahkan falsafah yang ditetapkan.

Natijahnya, proses pendidikan yang dilalui tidak berjaya membentuk manusia yang sempurna malah sekadar memenuhi keperluan jasmani manusia sahaja. Bagi mengisi kelompongan ini, melalui semangat Dasar Membangun Bersama Islam (MBI), Kerajaan Negeri Kelantan melalui sektor pendidikan telah membawa satu pembaharuan besar dalam dasar pendidikan yang bertunjangkan elemen ketuhanan dalam kehidupan setiap manusia.

Ini bertepatan dengan gagasan seorang mujaddid gerakan Islam dunia, Said Hawa dalam bukunya Ihya Ar-Rabbaniyyah yang menekankan kepentingan pembangunan modal insan dengan tiga kerangka besar iaitu pembudayaan ilmu, kekuatan roh dan gerakan masyarakat semasa.

Bagi merealisasikan amanah ini, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Haji Hassan telah mengambil tanggungjawab memperkenalkan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) melalui portfolionya dengan kerjasama padu daripada kepemimpinan negeri, kumpulan pakar, agensi pelaksana dan komitmen pemegang taruh.

Menurutnya, Kerajaan Kelantan bertekad mengemukakan dimensi baharu kepada masyarakat dalam menghayati kehidupan Islam sebenar. Ia turut boleh difahami dengan baik oleh orang bukan Islam di negara ini. DPRK bakal mewujudkan kecemerlangan model sistem pendidikan dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya umat Islam.

Selain itu faktor sejarah, tradisi kebudayaan dan khazanah ilmu Kelantan dalam aspek pendidikan dipercayai berupaya menentukan hala tuju pendidikan negara pada masa hadapan. Persekitaran ini hanya dapat dilakukan dengan kepemimpinan politik yang menjanjikan komitmen tinggi terhadap pembangunan dan kemajuan Islam. Oleh itu, kewujudan DPRK menjadi momentum yang berupaya mengubah paradigma pendidikan mengikut keperluan manusia yang sebenar.

Falsafah, visi, misi, matlamatnya, sembilan nilai teras Rabbani, sembilan prinsip dan 46 amalan terbaik DPRK menunjukkan matlamat ilmu hendaklah bermatlamatkan Allah sebagai tuhan pencipta dan pemilik alam. Justeru usaha Dato' Dr. Fadzli melalui kepemimpinannya berjaya menzahirkan inti pati dan haja tuju pendidikan di Malaysia berpandukan Model Pendidikan Rabbani yang telah digagaskan oleh Kelantan. Model ini berpotensi menjadi rujukan utama kepada arus pendidikan kebangsaan, nusantara dan pendidikan global amnya.

**Dato' Mumtaz Md Nawi: Tokoh pembangun ummah lokal dan global**

Kerajaan Kelantan telah menetapkan satu Dasar Bagi Wanita untuk melahirkan wanita yang solehah sesuai dengan dasar MBI. Islam menghargai sifat kehalusan dan ketajaman perasaan wanita yang menjadikan mereka layak memikul tanggungjawab yang sesuai. Dalam konteks negeri Kelantan, Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan adalah tokoh wanita yang sinonim dengan usaha pembangunan ummah pada peringkat lokal dan global.

Beliau memenangi kerusi DUN Demit dengan majoriti tertinggi di Kelantan pada PRU 13 (2013) dan PRU 14 (2018) telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (AMMK)/Exco pada tahun 2013 hingga 2018, dalam masa yang sama memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS negeri Kelantan.

Mantan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia ini teguh memegang prinsip setiap manusia adalah khalifah Allah dan pemimpin untuk diri sendiri. Wanita perlu dilibatkan dalam bidang kemahiran kepimpinan dan latihan.

**"Kita boleh menjadi pemimpin walaupun tanpa pangkat, darjat atau jawatan. Polisi kerajaan Kelantan menggalakkan wanita terlibat aktif secara patuh syariah dalam kepimpinan", ujarnya.**

Bagi mengaktifkan penyertaan wanita, pihaknya melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KekWa), melihat kepentingan penggubalan dasar undang-undang dan enakmen, serta melantik lebih 300 wanita sebagai ahli Majlis Perundangan Wanita pada peringkat parlimen. Pihaknya juga menyelaras Pembangunan Armalah dengan melantik Pegawai Penyelaras Pembangunan Armalah di setiap DUN bagi menguruskan isu ibu tunggal dan anak yatim, serta membantu pembangunan ekonomi dengan memperkenalkan e-pembelajaran (e-learning), pemasaran secara dalam talian, kelas jahitan ekspres dan pemasaran bagi mengadakan Expo Antarabangsa dan Seminar Antarabangsa.

Melalui program Hari Sayyidatina Khadijah, Mumtaz berjaya membawa delegasi pemimpin wanita dari sembilan negara hadir (dengan perbelanjaan sendiri) ke Kelantan pada tahun 2016 dan penyertaannya meningkat sehingga 18 negara pada tahun 2019.

**Berdiri di mata dunia**

Mewakili kerajaan Kelantan (2006-2012) sebagai Ahli Dewan Negara/Senator selama dua penggal di Parlimen Malaysia, beliau diberi kepercayaan dan dilantik sebagai wakil Parlimen Malaysia lebih 10 kali keluar negara, antaranya Persidangan Ahli Parlimen Dunia atau Inter Parliamentary Union (IPU), Inter Parliament Assembly in Singapore (AIPA), Women Asean Inter Parliament Assembly in Hanoi, Vietnam (WAIPA), Asia Pacific Parliament Forum Tokyo, Japan (APPF), International Forum For Islamist Parliamentarian (IFIP) di Geneva, Bangkok, Patayya, Jepun, Hanoi, Jakarta dan diteruskan dengan pembentangan mewakili negara dan kesatuan ke Mesir, Jordan, Syria, United Nation di New York, Turki dan Taiwan. Pada tahun 2017, beliau juga dilantik sebagai pembentang di Commission on the status of women Sessions, United Nation at New York, America (Mac 2017), Speaker of Jordan Iqraa TV (Mei 2017) dan peserta Women Economic Forum di New Delhi, India (Mei 2017).

Mumtaz juga mewakili negara dan negeri dalam wawancara dengan saluran televisyen dunia iaitu:
1) British Broadcasting Company (BBC)
2) Australian BroadCasting (ABC) Radio (ABC)
3) Iqra' Channel 16 siri (Jordan)
4) Asahi Shimbum Jepun
5) TV Pakistan, TV Sudan dan TV Vietnam
6) Voice of Africa, South Africa (VOA)
7) Soutun Nidaa – ke udara serentak di Radia Arab Saudi and Radio Malaysia (RTM)

Bintangnya semakin menyinar apabila dipilih oleh Amerika Syarikat untuk mewakili Malaysia bagi program Exchange Leadership Programme di New Mexico, Florida, Freeport, New York, Washington, California, selain dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah (Trustee Board) untuk Kesatuan Wanita Islam se-Dunia sejak tahun 2016 hingga kini. Pada November 2018 hingga sekarang, Mumtaz menjadi ahli Kesatuan Ulama Islam Dunia (KUIS) yang berpangkalan di Turki.

Kesimpulannya, Kelantan memiliki saf kepimpinan yang bukan calang-calang. Pemikiran dan gerak kerja empat tokoh pemimpin Kelantan yang dikupas di dalam penulisan ini terbukti melangkau sempadan geografi. Meskipun berlokaliti dari sebuah negeri kecil di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kesejagatan idea mereka sesuai diguna pakai oleh seluruh ummah dan bersifat malar segar.

# TAHNIAH

kepada penerima

سكيم چقنا سوري

berjumlah **6750** orang

**TUNAI RM100**



# *Terima Kasih*

**Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu:**
**"Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada Kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras"**

Surah Ibrahim: 7

*Terima kasih kepada semua yang menjalankan*
***tanggungjawab sosial korporat***
*semasa musim*

## *COVID-19*




# Infografik بنتوان يڠ دسالورکن

## BANTUAN YANG DISALURKAN

oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita dalam tempoh Mac - Dis 2020 bagi menghadapi Covid-19

**SUMBANGAN ARMALAH**
**RM4.5 JUTA**
(45 DUN)

**BANTUAN USAHAWAN KECIL WANITA**
Jumlah sumbangan
**RM2.5 JUTA**

**SKIM CAKNA SURI**
**RM675,000**
6750 orang surirumah menerima one off RM100 seorang

**BANTUAN PEKERJA WANITA**
Jumlah sumbangan
**RM176,550**

**BANTUAN OKU**
**RM105,500**
**NGO OKU**
**RM7,000**

**BANTUAN ANAK YATIM**
**RM900,000**
(45 DUN)
Anak yatim di Pusat Jagaan
**RM17,950**

**BANTUAN KHAS MUDARRIBAH & PELATIH PPWK**
Jumlah sumbangan
**RM94,200**

**SKIM CAKNA AULAD**
**RM67,500**
1350 bayi menerima bantuan one off RM50 seorang

**PROJEK JAHIT PPE**
9 PPWK
45 Tukang Jahit
**12,106 Helai**
(Gaun, Tudung, Shoe Cover, Boot Cover, Jumpsuit)

**SUMBANGAN PETUGAS BARISAN HADAPAN**
Pek makanan kepada 26 buah hospital, klinik kesihatan & pusat survelan

**BANTUAN PENGASUH**
18 Pengasuh di rumah Skim Halimatul Saadiah
**RM9,000**
Kursus Asas Permata
**RM14,400**

**BANTUAN IPT**
3 IPT di Kelantan
**RM4,500**

**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan**

ukekwa@kelantan.gov.my | ukekwa | u_kekwa | ukekwa | wanitakelantan.com

VARIASI

# KARYA ANAK KELANTAN DI PERSADA ANTARABANGSA

Oleh: Ezani Haji Daud

Seperti cinta, karya berupa tulisan dan lukisan juga membawa mesej murni yang bersifat sejagat. Demikianlah peranan hasil sastera dan seni tampak, khususnya kesusasteraan dan lukisan kartun dalam Tamadun Melayu dapat membina insaniah atau nilai kemanusiaan dalam kehidupan manusia seterusnya dalam pembentukan Tamadun Melayu.

Tidak ketinggalan, Kelantan juga digelar sebagai "Lubuk Sastera dan Budaya" kerana memiliki ramai penulis hebat bukan sahaja di tanah air sendiri malah pada peringkat antarabangsa. Kemunculan deretan penulis hebat membuat negeri Kelantan mahupun Malaysia tersohor ke serata pelusuk dunia yang menggarap kisah sesama makhluk yang mencari dan menikmati serta sama-sama terhukum oleh getir kehidupan. Oleh itu latar dan pengaruh seni serta sastera mestilah bermanfaat untuk batiniah dan minda manusia.

Shahnon Ahmad menyatakan bahawa kesusasteraan berperanan sebagai satu cabang kesenian yang berteraskan cinta. Karya kesusasteraan dicipta oleh para sasterawan untuk membangunkan peribadi manusia supaya cinta akan keindahan dan kebenaran.

Usman Awang pula menjelaskan bahawa peranan sastera meliputi semua aspek kehidupan manusia secara luas. Kemunculan karya-karya hebat daripada beberapa orang penulis kelahiran Kelantan seperti Fatimah Busu, Hashim Yaacob, S.M. Zakir, Norhayati Abdul Rahman, Zanazanzaly, Allahyarham Rahimidin Zahari dan Rossem (sekadar menyebut beberapa nama) amat membanggakan Kelantan dan Malaysia.





S.M Zakir SEA Write Awards 2011 di Bangkok.



Fatimah Busu, Sasterawan Negeri Kelantan 2015.

**Melangkaui sempadan**

Penulis S.M. Zakir atau nama sebenarnya Syed Mohd Zakir Syed Othman, penerima ke-33 SEA Write Awards 2011 di Bangkok telah menghasilkan tiga buah novel, lapan buah kumpulan cerpen, empat buah kumpulan sajak, sebuah buku biografi dan tujuh buah kumpulan esei sastera, budaya, teater, filem, falsafah dan politik.

Karya penerima tauliah sebagai Munsyi Sastera daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2011 itu yang mengangkat persoalan sejagat telah melayakkan beliau dibawa oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2014 menyertai Pertemuan Sastera Malaysia-Taiwan di Taipei dan Hui Len, Pertemuan Sastera Malaysia-Singapura pada tahun 2015, dan Program Sastera Antarabangsa Malaysia di Ekspo Buku Frankfurt, Jerman pada tahun 2015. Penerima Hadiah Sastera Kelantan 2019/2020 kategori buku puisi dan kumpulan cerpen ini turut menyertai Pertemuan Sastera di Chennai India pada tahun 2012 dan di Karaikudi pada tahun 2018. Selain itu turut diundang menjadi pembentang makalah Singapore Writers Festival (SWF) pada tahun 2012. Pada Oktober 2017 beliau berada sebulan di Taipei, Taiwan bagi mengikuti program Writer-in-Residence.

Genre cerpen menjadi ikon pengkaryaan S.M. Zakir dengan menyentuh pelbagai persoalan tidak hanya dalam lingkungan setempat malah melangkaui sempadan antarabangsa, menerokai dunia falsafah dan sufisme serta mengupas isu politik antarabangsa yang kompleks.

Karya beliau yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris ialah kumpulan cerpen Bird Nymph (ITBM 2015) atau Bidadari Burung dan beberapa karya eceran dalam antologi antarabangsa.

Kumpulan cerpen "Bidadari Burung" adalah koleksi cerpen pilihan S.M. Zakir yang dipilih khas bertujuan untuk diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Karya tersebut berjaya diangkat ke persada antarabangsa setelah usaha untuk menterjemahkannya ke dalam beberapa bahasa asing disempurnakan untuk dibaca oleh pembaca di luar negara.

Tema, gaya, bentuk dan bahasanya berperanan mewakili latar masa penulisan beliau sepanjang dua dekad malah aspek ceritanya dapat membawa keluar daripada konteks bacaan tempatan supaya mampu memberi "pemandangan" dan persepsi penulis Melayu apabila dibaca oleh pembaca luar negara.

**Berpengaruh**

Karya Fatimah Busu (PhD) yang pekat warna kehidupan masyarakat Kelantan telah menerima pelbagai pengiktirafan sastera. Cerpen-cerpen beliau yang berlatarkan etnografi masyarakat Kelantan telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Belanda, Perancis, Jerman, Denmark, Vietnam, Mandarin dan Tamil sejak tahun 1970-an.

Sasterawan Negeri Kelantan 2015 ialah ikon penulis wanita yang hebat dan lebih dikenali sebagai penulis yang lantang bersuara bukan sahaja dalam karya, bahkan di luar karya.

Genre penulisan Fatimah Busu menjurus kepada novel dan cerpen. Selaku cendekiawan Malaysia, beliau antara pelopor sastera kontemporari cereka bahasa Melayu serta pengulas sastera bahasa Melayu yang pertama. Antara kumpulan cerpen beliau ialah Lambaian Tanah Hijau (1980) dan Yang Abadi (1980) diikuti dengan novel Ombak Bukan Biru serta Kepulangan. Buku ilmiah tulisan beliau ialah Ciri-Ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan (1992).

Lebih sepuluh cerpen Fatimah Busu telah dijadikan teks Komponen Sastera (Komsas) untuk pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

**45 bahasa dunia**

Bidang puisi juga menampilkan penyair hebat serta berbakat seperti Dato' Kepten Profesor Emeritus Dr. Hashim Yaacob, penulis anak kelahiran Kelantan yang tidak asing lagi dalam khalayak sastera dan budaya tanah air. Beliau adalah Naib Canselor Universiti Malaya kelapan yang bergiat cergas serta memukau khalayak

mengimprovisasi deklamasi puisinya setiap kali beraksi di pentas.

Puisi beliau Aku Hanya Mahu ke Seberang atau dalam Bahasa Inggeris I Only Want to Go Abroad diterbitkan oleh University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2006 telah diterjemahkan ke dalam 45 bahasa. Ia ternyata dapat dibaca dan dihayati bukan sahaja di Malaysia, malah pembaca dari luar negara juga mendapat manfaatnya.







**Ke persada antarabangsa**

Usaha menterjemahkan karya penulis khususnya anak Kelantan memberikan impak besar kepada khalayak di Malaysia mahupun di luar negara.



17
Death of a Poet
Zanazanzaly

Zanazanzaly, whose real name is Norzana Binti Razaly, was born on 26 October, 1973 in Pasir Mas, Kelantan. She graduated with a degree in Political Science from the International Islamic University, Malaysia (IIUM). At present, she runs her own business as manager of Noble Art Collection. In the world of writing, Zanazanzaly writes in the genre of short stories and poetry. Her works are included in various publications. Up till now she has won many literary awards including the Anugerah Sastera Negeri Kelantan (State of Kelantan Literary Award), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (Utusan Group Literature Prize) and Hadiah Sastera Tunas Cipta (Literature of Budding Writers Prize). In 2002, she participated in the Bengkel Sastera MASTERA (MASTERA Literature Workshop) in Bogor, Indonesia. (S.M. Zakir, Shamsudin Othman, Ariff Muhammad and Lufti Ishak, 2005:473)

Death of a Poet

I was tired of trying to avoid listening to the noise that sounded like a donkey on heat, all night long. He would call me just to that. If his work was published in the papers, he would bother me even more, up to three, four times a day asking my opinions,

Karya Zanazanzaly (penulis kelahiran Pasir Mas, Kelantan), Death of a Poet yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan diterbitkan oleh ITBM telah berjaya diangkat untuk menghiasi persada antarabangsa. Karya tersebut berjaya mendapat ruang pameran di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt, Jerman pada tahun 2010. Pencapaian sebegini secara tidak langsung telah menaikkan nama Kelantan di mata dunia melalui salah seorang penulis wanitanya. Zanazanzaly juga pernah mewakili penulis cerpen Malaysia ke Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) di Bogor, Indonesia pada tahun 2003.

Puisi Allahyarham Rahimidin Zahari, seorang lagi penyair hebat dari negeri Kelantan telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dunia seperti bahasa Inggeris, Rusia, Portugis, Korea, Arab dan Thai untuk diantarabangsakan. Karya Allahyarham berjaya diangkat untuk membolehkannya mewakili negara ke Second Asean Writers Conference (1995), Festival Istiqlal (1995), International World Theatre Congress anjuran UNESCO (2005), Program Penataran MASTERA (2006) dan Korea-Asean Poets Literature Festival (2010).


Foto: Facebook Nusa Centre

Profesor Madya Dr. Norhayati Ab Rahman

Karya Allahyarham juga telah diangkat melalui The Mak Yong Spiritual Dance Heritage: Seminar and Performances di Bangkok, Thailand (2011), 1st Asian Theatre Professionals Congress, Chongqing, China (2011) dan ASEAN Korea Culture and Arts Forum (2012). Bukunya Mak Yong: The Mystical Heritage of Malaysia telah dilancarkan di Frankfurt International Book Fair (2010).

**Variasi bidang pengkaryaan**

Selain karya kreatif, penulis kelahiran Kelantan juga mendominasi genre pengkaryaan deskriptif. Profesor Madya Dr. Norhayati Ab Rahman, berasal dari Wakaf Bharu, Kelantan yang baharu sahaja menerima Anugerah Sastera Negeri Kelantan (ASNK) 2019/2020 juga berjaya menghasilkan makalah yang mengharumkan nama anak Kelantan di pentas kesarjanaan antarabangsa.

Eseinya berjudul Wacana Islam dan Masyarakat dalam Novel Imam oleh SN Abdullah Hussain dalam Rajut Agama dan Budaya, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2016 telah diiktiraf oleh panel juri mengungguli kategori karya eceran genre esei/kritikan sastera.

Di samping itu, beliau aktif memenuhi undangan Temu Penyair Asia Tenggara, anjuran Dinas Perpustakaan dan Kearcipan Kota Padang Panjang, Indonesia, 2018 dan Panel Forum Bahasa Melayu Radio Melayu Perth, Australia anjuran Pertubuhan Melayu Australia Barat, 2018.

Pada tahun 2016, makalahnya yang berjudul Poetics of Women's Literature in Novels by Malaysian and Indonesian Writers' in Indonesia and the Malay World Journal diterbitkan oleh SOAS, Univeristi London.

Sarjana yang bertugas di Universiti Malaya ini juga membawa ideanya merentasi benua ketika


**Rossem International Cartoon Competition & Exhibition Malaysia 2020 di Balai Seni Lukis, Kota Bharu.**

Kartunis mapan kelahiran Kota Bharu selaku Pengurus BKR, Rosedi Ismail atau lebih dikenali sebagai Rossem, 70, berkata usaha itu diambil bagi memartabatkan karya kartun di persada dunia sebagai perantaraan yang mempunyai falsafah dalam menyampaikan pelbagai mesej kemanusiaan.

**"Kartun juga mampu menjadi pentas penyatuan dan menyuntik kesedaran melalui perkongsian rasa atau maklum balas yang dizahirkan secara simbolik di atas sekeping kanvas oleh kartunis", ujar Rossem.**

Tambahnya lagi, pihak penganjur teruja dan kagum dengan sebahagian kartunis luar negara yang melakar kartun tentang Malaysia, bangunan-bangunan bersejarah yang menjadi mercu tanda negara dan sosiobudaya secara rinci.

membentang makalah berjudul Corporate Women's Image in Modern Malay Literary Texts: From the Authoress Perspectives, International Seminar on Trade and Finance in the Malay World: Historical and Cultural Perspectives dari 16 Jun hingga 18 Ogos 2010 di Universiti Goethe Frankfurt, Jerman.

**Lakaran penyatuan sejagat**

Satu lagi cabang pengkaryaan yang berkembang pesat dan diminati ramai ialah seni lukisan (kartun). Usaha Balai Kartun Rossem (BKR) dengan kerjasama Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menganjurkan pertandingan dan pameran kartun antarabangsa International Cartoon Competition & Exhibition Malaysia 2020 wajar diberikan kredit sebagai salah satu inisiatif yang amat baik untuk mengantarabangsakan karya anak watan Kelantan.

Bertemakan Cintai Warisan Kita pertandingan dan pameran yang berlangsung pada 1 Ogos hingga 30 September 2020, telah berjaya menarik 188 kartunis dari 44 buah negara termasuk Turki dan China untuk mempamerkan 150 karya mereka di Balai Seni Lukis Kelantan, Kota Bharu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan, Mejar (B) Dato' Hj. Md Anizam Abdul Rahman, lakaran kartun mampu menaikkan imej Kelantan di mata dunia apabila kartunis dapat menterjemahkan warisan dan budaya negeri ini dengan unik selain menepati hasrat kerajaan negeri Kelantan dalam memelihara warisan dan budaya Kelantan.

"Terfikir juga, bagaimana kartunis Oleh Smal dari Ukraine melukis durian. Pernahkah beliau melihat raja buah itu? Begitu juga dengan kartunis wanita Poland, Izabela Kowalska – Wieczorek melukis beca (teksi) dengan latar belakang perkampungan Melayu Kelantan.

Beliau mengirim dua karya, satu lagi tentang paluan gendang, gong dan serunai mengiringi pencak silat, tetapi sekumpulan burung yang datang kerana terpersona dengan merdunya irama muzik tradisional kita", tulisnya dalam Nota Penganjur, buku cenderamata pameran.

Oleh itu, pertandingan kartun bertaraf antarabangsa wajar dijadikan acara tahunan dalam norma baharu pula yakni berformat digital dengan sokongan penyiaran rasmi oleh media kerajaan negeri Kelantan.

Semoga inisiatif ini berjaya menjadi tarikan pelancong sekali gus menjadi pusat pelukis antarabangsa. Di samping itu, peminat komik Melayu mempunyai tempat untuk mendapatkan karya berkenaan di negara kita bahkan menjadi pusat lukisan (kartun) rujukan sedunia.

Melihat kepada kejayaan dan pencapaian karya-karya kreatif dan deskriptif yang dihasilkan oleh penggiat seni (penulis dan pelukis) anak kelahiran Kelantan, dapat disimpulkan bahawa penglibatan warga Kelantan amat besar dalam memartabatkan seni sastera dan budaya tempatan yang bermutu tinggi dengan mencapai standard mampu mengangkat negeri Kelantan dan negara Malaysia di persada dunia.



# DAKWAH SEJAGAT
## BERMULA DENGAN DODOIAN

Oleh: Zanazanzaly

Dodoian ialah alunan suara merdu ibu yang pengasih dan suara garau ayah yang penyayang mendendangkan lagu tanpa muzik (secara tidak formal) yang sarat mengandungi nasihat, alunan zikir dan selawat yang lunak ketika mahu menidurkan anak-anaknya.

Mengulit (dialek Kelantan sebut mengulek) anak adalah satu daripada cabang dakwah atau media penyalur nasihat dan pendidikan secara tidak langsung. Minda bawah sedar anak-anak yang separa mamai dek mengantuk, dipercayai cepat merakam pesanan tentang kisah Nabi, para solihin di dalam al-Quran dan kisah para wali di dalam kitab muktabar yang penuh hemah secara berhikmah.

Lirik lagu dodoian ibu yang berunsur puisi tradisional terbukti berimpak positif dan berperanan penting dalam pembangunan manusia malahan boleh dianggap sebagai ejen perubahan masyarakat yang mampu menjadi kaedah dakwah paling ampuh kepada umat sejagat.



**Dodoian merdu ibu**

Lunak suara ibu amat menyenangkan pendengaran dan jiwa anak-anak sehingga kita tertidur lena dan terbangun semula dengan senyuman ceria dek sentuhan kasih sayang ayah bonda yang membahagiakan.

Masyarakat Kelantan dikurniai Allah keistimewaan berminda kreatif mencipta lirik mendodoi anak untuk membentuk keluarga bahagia seperti saranan Islam. Pada 26 Disember 2006 (14 tahun lalu) buat julung kalinya kerajaan negeri Kelantan melalui portfolio Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan telah menganjurkan Pertandingan Mendodoi Anak dan Mengulit Suami di dewan Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK).

Program cetusan idea mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar bertujuan menjadikan Kelantan negeri terulung membangunkan minda masyarakat khususnya melahirkan insan yang bertaqwa. Program tersebut eksklusif untuk golongan muslimat dan kaum ibu hadir memenuhi dewan di PUTIK bagi melihat sendiri pertandingan yang dianjurkan di Kelantan bahkan di Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan pada ketika itu, Dato' Dr. Abdul Fattah Mahmood berkata, setiap bangsa mempunyai kaedah masing-masing untuk membentuk sebuah keluarga harmonis melalui ciptaan lirik lagu yang menarik. Oleh itu, masyarakat bukan Islam termasuk India, Cina dan Siam juga diberi peluang menyertai peraduan tersebut.

Penulis, Meriam Awang Lah, meraih hadiah wang tunai, sijil, cenderahati penyertaan serta hamper setelah muncul johan menewaskan 11 peserta lain pada peringkat akhir apabila lirik nazam ciptaannya bertajuk "Dodoi Buat Anak" berjaya memikat hati juri.

Ayuh kita nikmati sebahagian bait indah berjudul Dodoi Buat Anak nukilan Meriam Awang Lah yang bernilai RM3,000 ini;

"
Pejamkan mata anakku sayang
Dalam buaian ibu dodoikan
Ibu berdoa kepada Tuhan
Minta jauhkan gangguan syaitan.
Harum mewangi si bunga melur
Putih berkembang di hujung laman
Anakku manis lekaslah tidur
Ibumu ini banyak tugasan.
Baiknya laku bekal dunia
Eloknya budi bekalnya mati
Cantiknya rupa mainan mata
Indah bahasa penambat hati.
Cepatlah besar anakku ini
Boleh kuhantar tempat belajar
Menghadap guru lebai dan haji
Dunia akhirat biar sejajar.
Pergi ke hulu membeli buyung
Buyung dibawa pulang bertiga
Jadikan ilmu sebagai payung
Payung hidupmu di hari muka.
"

**Dodoian mesra bapa**

Kaum bapa juga turut memainkan peranan besar terhadap pembentukan akhlak anak-anak. Lazimnya para ayah gemar mendodoikan anak-anak dengan lagu dikir barat seperti Wau Bulan Teraju Tiga yang dipopularkan oleh Allahyarham Seman Wau Bulan. Bait liriknya sarat nasihat keagamaan sebagaimana berikut;

"
Ala ewa, Ewa bule, Ewa bule, Teraju tigo...
Maaf la cik sedaro-daro ini male
Hok saloh silap sedaro jange sipe taroh dale dado.
Ala ewa, Ewa bule, Ewa bule, Teraju tigo
Antaro hidup dan jugok kehidupe
Ai hari esok ada syurgo ado nerako.
Ala ewa, Ewa bule, Ewa bule, Teraju tigo
Ai... dari situ jange lupo perintoh Tuhe
Limo waktu sekaro jange dilupo.
Ala ewa, Ewa bule, Ewa bule, Teraju tigo
A... mugo kito ni gak samo Isle
Kalu silap jange la duk mase muko.
"

Nah, berdikir barat menjadi saluran para ayah melatih diri dan mendidik zuriat berpantun secara spontan. Pantun ialah salah satu genre puisi Melayu klasik yang memerlukan daya pemikiran dan penaakulan yang tinggi.

**Manfaat Dikir Barat**

Dodoian mesra oleh bapa menerusi dendangan lagu Dikir Barat dipercayai dapat menyampaikan mesej secara langsung dan spontan kepada anak-anak seperti peranan yang dimainkan oleh Juara (Tok Jogho) dan

Tukang Karut kepada audiens mereka. Oleh itu, Dikir Barat berfungsi sebagai medium interaksi dan perhubungan mesra ayah dan anak. Di samping itu, Dikir Barat juga wadah komunikasi yang berkesan untuk meningkatkan semangat patriotisme kepada anak-anak untuk mendapat maklumat dengan cepat dan tepat serta supaya dapat bertindak secara positif.

Para ayah mengambil peluang berpesan kepada zuriat mereka supaya melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah sekali gus menyelamatkan diri mereka daripada terjebak dengan gejala yang negatif.

**Suntikan dakwah secara halus**

Dakwah melalui lisan dalam puisi yang terkandung di dalam dodoian ibu dan ayah itu membawa unsur pendidikan yang sangat halus. Pesan dan nasihat berguna daripada mereka berkembang dan dilestarikan oleh generasi ke generasi. Secara psikologi, sesuatu yang kita dengari pada awal kehidupan akan diingati seumur hidup.

Bahkan, penulis sendiri mengakui kekuatan pengaruh dodoian ibu dan ayah, lalu memindah serta mengindahkan ilham ke tradisi tulisan dalam bentuk puisi atau cerpen. Terbukti, pengalaman didodoi oleh ibu, ayah dan nenek ketika kanak-kanak kekal tersimpan di dalam memori dan mempengaruhi pemikiran dan perasaan penulis hingga dewasa.



**Zurinah Hassan**

Zurinah Hassan (2013) menulis, peranan lirik lagu sangat penting dalam mengajar dan membentuk pemikiran dan perasaan manusia. Nazam adalah puisi Melayu tradisional yang berisi pengajaran agama. Ia menceritakan tentang hukum hakam dan kisah kehidupan Nabi Muhammad SAW. Dari sudut gaya bahasa, terdapat banyak penggunaan perkataan Arab. Contohnya lirik Nazam Sifat 20 yang amat sedap didodoikan bermula bayi lagi. Perhatikan seni katanya;

> **Sifat wajib bagi Allah, 20**
> **Jangan kurang jangan lalai, bersungguh**
> **Wujud itu erti ada, Tuhan kita**
> **Yang mustahil sudah nyata, pada kita.**
> **Qidam itu yang kedua, sifatnya**
> **Sedia Tuhan tiada mula, maknanya.**

Bermula era 1950-an lagi orang tua-tua di Kelantan amat menekankan penerapan ilmu tauhid sifat 20 menjadi perkara wajib ke dalam diri anak-anak sejak kecil lagi.

Ilmu Sifat 20 dan cara mendirikan solat contohnya perkara pertama yang dimasukkan dalam diri anak-anak kerana orang yang bertauhid tidak akan takut kepada sesiapapun kecuali Allah. Agamalah yang membimbing sepanjang jalan hidupnya.

**Lagu filem berunsur dakwah**

Filem juga medium dakwah sejagat yang amat berimpak tinggi kepada masyarakat sejak dahulu sampai sekarang.

Mengimbas era kanak-kanak, penulis terpesona dengan dodoian ibu yang mengubah sedikit lirik lagu Aduhai Sayang dendangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee menerusi filem Hujan Panas (1953).

Ibu menyampaikan nasihat mengikut kaca mata emak tentang amalan pekerti mulia dan elakkan berkelakuan buruk. Sedangkan penyanyi asal menyanyikannya dari perspektif ayah.

Melodinya yang mendayu-dayu ternyata cepat melenakan. Manakala liriknya dikongsikan di sini mengikut ejaan pada zaman tersebut;

> **Lelapkanlah mata**
> **Jangan bimbang ayah nyanyikan**
> **Aduhai sayang**
>
> **Cobalah ingat**
> **Pesan ayah buat azimat**
> **Baik budi bahasa**
> **Buat jasa**
> **Nanti orang suka**
>
> **Jangan berlagak sombong**
> **Orang benci**
> **Hidup tak beruntung**
> **Aduhai sayang**
>
> **Cahaya mata ayah**
> **Engkau seorang penghibur hati**
> **Aduhai sayang**
> **Jangan kau buat**
>
> **Hati ayah**
> **Menjadi cacat**
> **Seumpama hujan turun lebat**
> **Di hari yang panas**
>
> **Begitulah misalan**
> **Hati cacat**
> **Dek kasih tak puas**
> **Aduhai sayang.**

Ibu penulis juga menerapkan ajaran rukun Islam melalui lirik lagu Rukun Islam dendangan duet Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan Allahyarhamah Puan Sri Saloma pada tahun 1963. Perhatikan lirik susunan Allahyarham S. Sudarmaji yang amat mendidik-hibur ini;

**Rukun Islam lima perkara**
**Marilah kita mengerjakannya**
**Pertama, mengucap dua kalimah syahadat**
**Kepada Allah kita beribadat**
**Supaya hidup kita tak sesat**
**Dari dunia sampai akhirat**

**Kedua, sembahyang lima waktu**
**Sujud ke hadrat Allah yang satu**
**Mengenal Ia supaya tentu**
**Dengan putih bersih di kalbu**

**Ketiga, Ramadhan hendaklah puasa**
**Lapar dahaga harus dirasa**
**Supaya kasih sesama manusia**
**Tauhid kepada yang Maha Esa**

**Keempat, fitrah dan memberi zakat**
**Segantang beras pula disukat**
**Tanda Islam semua bersahabat**
**Allah akan memberi berkat**

**Kelima, fardu haji ke Baitullah**
**Rukun Islam sudah berjumlah**
**Lima perkara tunailah sudah**
**Itulah semua perintah Allah.**

**Pencetus silaturahim sejagat**



Rahmah Bujang menyatakan, lagu rakyat masyarakat Melayu adalah lagu-lagu atau nyanyian yang berasal dari sesuatu kawasan di alam Melayu sekitar negara Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei dan pulau terpencil di Nusantara.

Biasanya lagu rakyat menceritakan perihal masyarakat, alam, haiwan, tumbuh-tumbuhan ataupun senario semasa di kawasan tersebut. Lagu rakyat biasanya akan dinyanyikan semasa bermain, mendodoikan anak, hiburan setelah penat membanting tulang dan juga semasa majlis keraian, didendangkan secara berkumpulan atau berseorangan.

Kanak-kanak juga bermain sambil menyanyi untuk menghibur hati sambil berayun di buaian berseorangan atau dengan kawan-kawan. Ada juga lagu yang menjadi sebahagian daripada permainan kanak-kanak. Mendodoi (menyanyi untuk mendidik-hibur anak-anak) menjadi kegiatan pencetus silaturahim sejagat secara fitrah meskipun tanpa memahami erti sebenar lirik yang diucap.

Dengan perkembangan teknologi maklumat (IT) lagu-lagu tersebar tanpa had dan sempadan ke seluruh dunia. Lagu lama dan baharu boleh didengar dan ditonton melalui YouTube. Oleh itu lirik lagu untuk dodoian anak-anak harus diperhatikan agar tidak membawa kesan negatif. Sebagai hasil seni, lagu dan dendangan setiap penyanyi adalah cerminan jati diri sesuatu bangsa.



Kesimpulannya, dodoian menerusi lirik nazam, dikir barat dan lagu filem berlirik Islamik menyumbang ke arah pembentukan minda anak bangsa lantaran ia menjadi dokumentasi sejarah sosiobudaya sesuatu masyarakat.

Melalui seni dodoian juga dapat dibentuk masyarakat yang cinta kepada nilai-nilai keindahan dan memartabatkan nilai-nilai estetika dan moral yang menjadi aset penting terhadap pembangunan insaniah dan perkembangan dakwah sejagat.

**Rujukan:**
**1. Rahmah Bujang, Dewan Budaya, November 1999.**
**2. Zurinah Hassan (SN Dr.), Kertas kerja Hari Puisi Nasional Pulau Pinang pada 11 Mei 2013.**



# ATLET KELANTAN GEMILANG DI PUNCAK DUNIA

Oleh: M Faqih

Bercakap tentang sukan, ramai yang menggambarkan Kelantan masih lagi berada di belakang iaitu ketinggalan berbanding negeri lain. Alasan mereka ialah dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang dilaksanakan sejak Oktober 1990 seakan-akan menjadi hambatan.

Sebagai contoh, persembahan makyung kini semakin pupus di Kelantan. Sebenarnya ramai yang tidak mampu membezakan soal halal dan haram yang mana Islam tiada kompromi mengenainya sedangkan makyung mempamerkan wanita dalam khalayak ramai dengan tarian menghairahkan. Buktinya, sempena Tahun Melawat Kelantan 2020, makyung patuh syariah dipentaskan semula di Kelantan pada 3 Oktober 2020 di Dewan Apam Putra Lubuk Jong, Pasir Mas.

Sejak awal lagi Islam menyekat aktiviti ke arah keruntuhan moral. Sebaliknya Islam membenarkan perkara yang baik dan bermanfaat kepada manusia. Sukan ialah medan latihan fizikal dan mental sebagaimana Nabi Daud mahir bertinju dan Nabi Musa pula gagah perkasa.

Ini gambaran sebenar sukan dalam Islam sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud: *"Orang beriman yang kuat lebih baik dan lebih disukai Allah daripada yang lemah."* Demikian juga hadis *"Ajarlah anak-anak kamu berenang, memanah dan menunggang kuda"* turut menegaskan kepentingan Muslim memiliki kekuatan jasmani dan rohani.

Biarpun berhadapan dengan kekurangan prasarana, namun Kelantan mampu melahirkan ahli sukan

berbakat. Satu-satunya prasarana sukan yang ada di Kelantan ialah Stadium Sultan Muhammad IV. Stadium ini dibina pada tahun 1964 dengan peruntukan awal kerajaan negeri sebanyak RM300,000 dan mula digunakan pada tahun 1967. Ia mampu menampung seramai 25,000 penonton, sedangkan negeri lain mempunyai stadium tertutup dan stadium bola sepak. Sungguhpun begitu, Kelantan masih mampu melahirkan ramai atlet yang cemerlang.


Sumber foto: thestar

Hafiz Hashim


Sumber foto: sportsaffairs

Roslin Hashim

**Juara Kejohanan Badminton Terbuka Seluruh England**

Puluhan atlet bertaraf dunia dilahirkan di negeri Cik Siti Wan Kembang. Nama Roslin Hashim dan adiknya Hafiz begitu tersohor suatu ketika yang mana Roslin pernah muncul sebagai pemain badminton nombor satu negara dengan menjuarai badminton Terbuka Switzerland (2005), Terbuka Belanda (2005), Terbuka Thailand (2005) dan Terbuka Filipina (2006).

Begitu juga Hafiz Hashim yang pernah bergelar juara Kejohanan Badminton Terbuka Seluruh England pada tahun 2003 dan meraih pingat emas perseorangan lelaki pada Sukan Komanwel Manchester 2002. Selain itu, beliau juga menyertai acara regu campuran Sukan Komanwel New Delhi 2010 dan regu lelaki Sukan SEA Manila 2005. Manakala pada tahun 2002, Hafiz telah membantu Malaysia melangkah ke peringkat akhir Piala Thomas di Guangzhou.



Sumber foto: grandstandkita

Kisah Dali Omar

**Kejohanan Remaja Asia**

Pastinya, ramai yang masih mengingati nama Dali Omar yang dilahirkan di Bertam Baru, Kuala Krai pada 1946. Beliau mula bermain bola sepak dengan pasukan Kelantan pada tahun 1962. Setahun kemudian, beliau muncul sebagai penjaring terbanyak dalam kejohanan Remaja Asia di Saigon, Vietnam.

Nama lain pemain bola sepak terkenal dari Kelantan termasuk Mahadi Yusoff, Nik Leh Nik Man dan Salim Mahmood. Ternyata kekurangan prasarana bukanlah halangan untuk melahirkan atlet berbakat di Kelantan. Bahkan, mereka mampu mewakili Malaysia untuk beraksi di gelanggang antarabangsa.


Sumber foto: stadiumastro

Aidil Aiman Azwawi

**Temasya Sukan SEA**

Dalam arena sukan sepak takraw, nama Aidil Aiman Azwawi tidak asing lagi apabila beliau berjaya merangkul pelbagai anugerah pada peringkat antarabangsa sejak tahun 2018. Atlet negeri dan kebangsaan ini pernah muncul pemenang pingat perak di Kejohanan Thailand King's Cup 2018 dan 2019 dalam Temasya (South East Asia) SEA Games.

Kelantan juga memiliki atlet sepak takraw wanita yang mencipta nama pada peringkat Asean. Siti Norzunaidah Che Abd Wahab muncul wakil tunggal perempuan sukan sepak takraw. Beliau pernah membawa pulang pingat gangsa di temasya Sukan Sea Filipina 2019.

Begitu juga sukan skuasy Kelantan yang berjaya menyerlahkan nama Muhammad Amir Amirul Azhar setelah mencipta kejayaan cemerlang dalam sukan tersebut sejak awal penglibatannya. Atlet pelapis kebangsaan ini juga pernah melangkah ke peringkat antarabangsa apabila menyertai Kejohanan British Junior Open 2019 dan pernah memenangi pingat gangsa di kejohanan SEA Cup Manila 2019.


Sumber foto: malaysia-squash.org

Muhammad Amir Amirul


Sumber foto: bharian.com.my

Muhammad Syafiq

Selain itu, Mohammad Syafiq Mohd Kamal juga menyemat nama yang besar dalam sukan skuasy apabila berjaya menjadi juara bertahan di kejohanan City of Kalgoorlie Golden Open 2019, Australia Open 2019, Tasmanian Open 2019 dan Greeting Japan Squash Championship sehingga ke peringkat akhir serta menyertai London Open 2019 pada peringkat separuh akhir.




Zulhilmi Rosli

Tambah membanggakan Kelantan dengan pencapaian Zulhilmi Rosli. Sukan Muay Thai yang dipeloporinya membawa beliau ke kejohanan World Muaythai Council (WMC) Super 4 "Battle King of The King Super" Singapore 2019 dan menggondol pingat gangsa. Selain itu, beliau turut memenangi gangsa di kejohanan International Federation of Muaythai Associations (IFMA) World Muaythai Championship Thailand 2019 dan Kejohanan East Asian Muaythai Championship Hong Kong 2019 dan turut menerima pingat perak di temasya Sukan SEA Filipina 2019.

**Ke kemuncak**

Antara nama besar dalam sukan berbasikal ialah Shahrom Abdullah yang berasal dari Felda Chiku, Gua Musang yang meminati acara berbasikal gunung. Shahrom mula berlumba dengan standard kebangsaan pada usia 19 tahun. Beliau mewakili Malaysia dalam sukan berbasikal gunung di Sukan SEA dan Sukan Malaysia (SUKMA) dengan mempamerkan semangat berdaya saing di seluruh Asia dan secara konsisten menduduki tempat ketiga teratas.

Kemudian, Shahrom mengalihkan tumpuan kepada Duathlon setelah mengalami kecederaan tulang belakang pada tahun 2002. Penampilan sulung di Malakoff Malaysia Duathlon Series menobatkan beliau dengan gelaran naib juara. Meneruskan kecemerlangan di Duathlon, Shahrom secara konsisten menjuarai kejohanan satu Malaysia di Powerman Malaysia sejak tahun 2003 dan memegang rekod sebagai rakyat Malaysia pertama layak ke peringkat akhir Powerman World Championship di Zofingen, Switzerland.

Prestasi terbaiknya ialah beliau mencatat kedudukan ke-14 dalam senarai Kejuaraan Dunia dan terkini memasukkan Triathlon dan Adventure sebagai fokus utama.

**Takluk dua kutub**

Kemuncak kejayaan Shahrom ialah beliau menyertai Ekspedisi Kutub Selatan: Messner-Kutub Selatan 890 km pada Januari 2016. Beliau menjadi anak Kelantan dan rakyat Malaysia pertama bermain ski dari Messner ke titik sifar di Kutub Selatan dalam tempoh 37 hari sahaja.

Seterusnya, kegemilangan diteruskan apabila beliau menjelajah Kutub Utara sejauh 111 km. Pada April 2017, Shahrom menyelesaikan ekspedisi peringkat akhir Kutub Utara dan menjadi rakyat Malaysia pertama menakluki dua kutub iaitu utara dan selatan.

**Berdiri di mata dunia**

Ternyata koleksi kejayaan itu menggambarkan rakyat Kelantan mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi pada mata dunia dengan atlet terkemuka bertaraf antarabangsa.

Peningkatan pencapaian sukan negeri adalah satu skop penting yang menjadi batu asas kepada sesebuah pembangunan negeri. Tidak mengira umur, latar belakang dan tahap pendidikan, namun hanya mereka yang bersemangat waja yang mampu berada pada peringkat tertinggi.

**Melakar sejarah**

Kemajuan sukan di Kelantan kian pesat membangun apabila sebuah lagi sejarah bakal dilakar yang berpengaruh besar dalam memugar semangat kesukanan dalam jiwa atlet Kelantan melalui SUKMA apabila buat julung kalinya Kelantan dipilih untuk menjadi tuan rumah edisi ke-22 temasya berkenaan pada tahun 2026.

"SUKMA akan membawa ratusan juta dana pembangunan, infrastruktur sukan kepada Kelantan dan menjadi pemangkin ekonomi kepada rakyat tempatan apabila Kompleks Sukan (Madinah al-Riadah) di Bukit Merbau, Selising, Pasir Puteh dijadikan pusat sukan sempena penganjuran SUKMA pada tahun 2026 kelak", kata Exco Belia, Sukan dan NGO Kelantan, Wan Roslan Wan Hamat selepas Majlis Lawatan dan Penerangan Tapak Cadangan Pembinaan Madinah al-Riadah di Bukit Merbau bersama Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan kerajaan negeri Kelantan pada 15 Jun 2020.

Menurut beliau lagi, spesifikasi komponen setiap jenis sukan terlibat akan dirujuk kepada Majlis Sukan Negara Malaysia dan Persatuan Sukan Kebangsaan bagi memastikan pembinaan komponen benar-benar memenuhi standard spesifikasi dan sesuai dengan anggaran kos prasarana di setiap jajahan berdasarkan keperluan acara sukan terbabit kelak.

Sama-sama kita doakan penganjuran SUKMA kelak mengubah landskap sukan di negeri Kelantan tercinta, sekali gus melahirkan lebih ramai atlet Kelantan yang gemilang di mata dunia.

# INISIATIF MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19

## PEMBAYARAN DALAM TALIAN

- Jom PAY
- Aplikasi myAKSB
- Kelantan PAY
- POS Malaysia
- BSN
- AGRO BANK
- Bank Muamalat




### INFORMASI PERHUBUNGAN

Pusat Informasi & Talian Aduan AKSB (PINTAS) - **15777**
Laman Web - www.airkelantan.com.my

@airkelantan | Air Kelantan Official | pintas@airkelantan.com.my | 019-575 5777 (Whatsapp Sahaja)

Terbitan : Unit Komunikasi Korporat



# POLA PEMIKIRAN USAHAWAN KELANTAN BERTARAF GLOBAL

Oleh: Suraya Husin & Norzana Razaly

Keusahawanan ialah antara komponen penting dan strategik dalam memacu Kelantan untuk mencapai status negeri maju. Kejayaan ekonomi usahawan Kelantan banyak bergantung kepada daya usaha dan kemahiran mereka meskipun terdapat pelbagai sokongan daripada kerajaan. Secara tidak langsung, usahawan perlu meningkatkan semangat keusahawanan yang jitu agar mereka terus mencari peluang dalam melonjakkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Usahawan di Kelantan memainkan peranan yang signifikan dalam membantu taraf ekonomi selaku pemangkin kelangsungan hidup rakyat. Justeru, beberapa perkara yang perlu diberi penekanan sebagai aspirasi untuk menjadikan lapangan keusahawanan pemacu ekonomi antaranya ialah, pemikiran keusahawanan dalam kalangan usahawan Kelantan yang berjaya meluaskan pemasaran produk mereka ke luar negara.

### TABURAN PKS DI MALAYSIA MENGIKUT NEGERI




**Sumber: Laporan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dalam Laporan Tahunan PKS 2018/19 menunjukkan Kelantan mempunyai taburan sebanyak 5.1 peratus, antara negeri yang mempunyai angka peratusan yang banyak berbanding negeri Terengganu, Pahang, Perlis dan beberapa negeri lain.**

**Pemikiran berbeza**

Pemikiran keusahawanan ini adalah konsep pemikiran yang tidak berstruktur iaitu bukan secara tradisional dan lurus, tetapi ialah pemikiran yang memfokuskan kepada membuat perbezaan daripada orang lain (Armanurah 2014).

Mereka yang memiliki pemikiran keusahawanan berupaya berfikir pada tahap yang tinggi dan kompleks. Mereka sabar mempelajari sesuatu dan mempunyai keupayaan untuk menangani hal-hal yang kompleks dan kabur dengan berkesan.

Mereka sentiasa terdorong untuk melihat sesuatu dengan cara yang lebih meluas, mampu mengikut arus perubahan dan mengurus kemampuan syarikatnya untuk bertindak balas ke atas kejutan dan kekaburan sebagai peluang untuk inisiatif baharu, mempunyai kualiti diri seperti pengetahuan, analitikal, strategik, fleksibel, sensitif dan terbuka.

Selain itu, pemikiran keusahawanan ini juga selari dengan pemikiran global, usahawan perlu mempunyai kemahiran untuk melihat dunia sebagai satu arena untuk mempamerkan kebolehan dalam memaksimumkan kejayaan mereka dan mempengaruhi orang lain. Mereka sentiasa terdorong untuk melihat sesuatu dengan cara yang lebih meluas, mampu mengikut arus perubahan dan mengurus kemampuan syarikatnya untuk bertindak balas ke atas kejutan dan kekaburan sebagai peluang untuk inisiatif baharu.

**Positif dan proaktif**

Masyarakat Kelantan, tidak kira apa pun gender, bangsa dan agama mengamalkan kehidupan berbudaya dan berfikiran keusahawanan sebagai asas dalam pembentukan jati diri. Pemikiran yang positif dan proaktif penting dalam usaha membangunkan masyarakat yang sejahtera, berdaya tahan dan berinformasi serta mampu membangunkan individu dan masyarakat yang maju.

Uniknya, rakyat Kelantan yang bersatu-padu dan harmoni adalah natijah daripada pemikiran kelas pertama dan ia menjadi harapan penting pembangunan masyarakat luar bandar pada masa hadapan. Cabaran perubahan daripada segi pemikiran juga antara perkara yang perlu diberi keutamaan oleh usahawan Kelantan.

**Bersaing di pasaran global**

Usahawan wanita Kelantan memang sudah mampu bersaing di pasaran global, antaranya Noor Neelofa Mohd Noor (Neelofa) yang dilahirkan pada 10 Februari 1989 di Pasir Mas, Kelantan. Beliau menjual produk Contact lens Lofalens, pil penjagaan kesihatan Beautea Slim, tudung berjenama Naelofar Hijab dan susu Nilofa.

Laporan Reuters menganggarkan bahawa pengguna Muslim pada peringkat global membelanjakan hampir $266 bilion untuk pakaian dan penampilan pada tahun



**Naelofar Hijab.**

2013 dan terus meningkat sebanyak 14% pada tahun 2019, oleh itu penjualan tudung Naelofar berada dalam pasaran pada masa yang betul.

Resam jual beli yang menguntungkan ialah permintaan tinggi punca bekalan mendapat sambutan. Ditambah dengan strategi pemasaran media sosial; Neelofa mempunyai 8.6 juta pengikut di Instagram, menjadikan sasaran perniagaannya lebih mudah dicapai. Sehingga kini, tudung Naelofar telah terjual di 38 negara termasuklah kawasan elit di Chelsea, London.

Menurut laporan Celebs Trending, nilai aset beliau berjumlah USD67 juta berdasarkan penilaian kepada pendapatan, aset dan hartanah beliau. Neelofa turut dianugerahkan Tokoh Sayyidatina Juwairiyah Al-Harith bagi kategori Tokoh Berpengaruh Mega atau influencer oleh kerajaan negeri Kelantan sempena sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2021.

Usahawan kedua pula ialah Haji Ahmad Nizam Hassan dari Geo Solution Resources (GSR) iaitu syarikat yang menyediakan khidmat penyelesaian masalah geosains yang kompleks secara efektif di Malaysia dan luar negara. Anak jati Kelantan ini berasal dari Tumpat yang di lahirkan pada 2 Julai 1967, mendapat Pendidikan awal di Primary English School Tumpat pada tahun 1975 hingga 1979, seterusnya beliau menyambung pengajian ke Universiti Malaya dengan mengambil bidang Geologi.


**Geo Solution Resources bersama wakil UMK.**

Usahawan ini berjaya membuka syarikat Geo Solution Resources (GSR) sejak tahun 1992 yang aktif dalam menyediakan khidmat perundingan untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam bidang geosains dan merupakan perunding "multi-cross geological discipline" milik bumiputera yang pertama di Malaysia. Syarikat ini mempunyai khidmat perundingan geologi kejuteraan hidrogeologi, perlombongan, geofizik, geoforensik dan geoteknikal.




**Datuk Steven Sim**

Usahawan ini memimpin beberapa ahli geosains/ geologi dan geoteknik yang muda, dinamik, bertenaga serta mampu menyelesaikan masalah pelanggan secara profesional, berkualiti dan tepat masa.

Usahawan ketiga ialah Datuk Steven Sim pengasas Secret Recipe. Anak jati kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu menubuhkan Secret Recipe pada tahun 1997 di SS2, Petaling Jaya. Beliau sangat yakin bahawa konsep perniagaannya ini mempunyai keistimewaan tersendiri dan lain daripada yang lain sehingga dia terus bersemangat meneruskan hasratnya walaupun pada ketika itu, Malaysia sedang menghadapi krisis ekonomi yang teruk.

Bermodalkan RM150 ribu, Datuk Steven Sim telah memulakan perniagaan tersebut bersama tiga anak saudaranya yang mempunyai kemahiran terlatih dalam bidang kek dan pastri. Kini terdapat 440 outlet Secret Recipe di seluruh negara dan menjangkau ke Singapura, China, Australia, Filipina, Thailand, Brunei, Indonesia, Maldives dan Bangladesh.

## Berprinsip

Kejayaan usahawan Kelantan di atas bersandarkan beberapa faktor yang berkaitan prinsip hidup. Pertama, mereka mempunyai keyakinan pada diri sendiri sebagai penentu setiap keputusan atau tindakan tanpa mengira apa jua bidang yang diceburi.

Contohnya, semasa di awal pembukaan, Secret Recipe kurang mendapat sambutan. Oleh kerana tidak cukup modal untuk mengiklankan tentang outlet pertama, Steven nekad melakukan pemasaran sendiri dengan berjalan kaki untuk mengedarkan flyers yang menawarkan kopi percuma. Kesannya positif, daripada menikmati kopi percuma pelanggan mencuba pula kek-kek yang dijual di situ.

Manakala bagi Ahmad Nizam pula, keyakinan terhadap prinsip bahawa 99 peratus rezeki datangnya daripada perniagaan, membuatkan beliau merancang dan merangka strategi untuk melahirkan lebih ramai usahawan Muslim dalam bidang ini. Oleh itu pada 5 Februari 2020, Geo Solution Resources (GSR) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaysia Kelantan bagi kerjasama menjalankan penyelidikan berimpak tinggi untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran sekali gus meningkatkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar dan warga universiti.

## Falsafah hidup

Sebagai usahawan yang berjaya di peringkat lokal dan global, para usahawan ini mempunyai falsafah hidup yang jelas yakni sesuatu perkara perlu dibuat dengan niat yang ikhlas supaya Allah (Tuhan) akan memberi keberkatan dalam setiap bidang yang diceburi.

www.jutawanmelayu.com mencatat pemikiran yang kreatif dan pandai merebut peluang, menjadikan Neelofa selesa menguruskan perniagaan. Beliau sedia melabur untuk ilmu, belajar daripada pakar untuk menambah-baik taraf kehidupan dan pengetahuan serta terus mencari peluang untuk mencapai kejayaan demi kejayaan.

Bagi Ahmad Nizam, semua benda terjadi adalah dengan izin Allah. Jadi, manusia perlu bertawakal dan reda dengan Allah dalam setiap keputusan bagi mendapatkan keberkatan hidup. "Usahawan tidak sepatutnya sombong dengan perniagaan yang ada kerana setiap perniagaan pasti mengalami untung dan rugi", katanya.

Laman maha219002.blogspot.com pula berkongsi tentang sikap Steven yang rendah hati dan tidak tamak. "Kita dilahirkan kosong, bila mati pun tidak bawa apa-apa," kata anak bongsu daripada lapan beradik yang mengaku selalu ingin mencipta kelainan daripada biasa.

"Sememangnya saya suka bekerja. Otak saya juga tidak berhenti bekerja walaupun ketika tidur. Di sisi katil, mesti ada kertas dan pen. Tangan saya akan menulis apa yang tercetus semasa tidur. Nama Secret Recipe diperoleh ketika di Hong Kong. Seperti biasa bangkit daripada tidur dia membelek kertas kecil di meja sisi dan perkataan Secret Recipe tertera di situ", lapor laman tersebut.

Rumusannya, pola pemikiran usahawan Kelantan amat unik kerana hanya menjurus kepada aura positiviti yang sememangnya bertaraf global. Faktor tersebut membuatkan mereka mampu mengorak langkah jauh dan bergantung kepada daya pemikiran dan kemahiran mereka sendiri. Ditambah pula dengan semangat keusahawanan yang jitu, menyebabkan mereka terus berusaha mencari peluang menyebar-luas pemasaran aktiviti perniagaan ke tahap yang lebih tinggi dalam pasaran antarabangsa.

**Rujukan:**
1. Armanurah Mohamad. 2014. Penilaian Pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia.
2. Mohamad, Mohd Rosli and Yaacob, Mohd Rafi and Ismail, Mohamad (2017) Usahawan Kelantan: Hanya Langit Menjadi Sempadan. UMK Press, Kota Bharu. ISBN 9789670955605.
3. Tesis Dr. Fai, Universiti Putra Malaysia.
4. http://maha219002.blogspot.com/2014/09/usahawan-ketiga-datuk-steven-sim.html
5. https://www.jutawanmelayu.com/rahsia-kejayaan-neelofa-dalam-perniagaan



# KELANTAN DI MATA DUNIA MEDIA LUAR

Oleh: Mohd Zailani Abd Rahman

Media massa ialah saluran paling efekif untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat kerana tanpa media, usaha dan tindakan penyampaian maklumat kepada sasaran sukar direalisasikan dengan berkesan.

Terdapat dua jenis media massa iaitu media elektronik dan media cetak yang saling berkait rapat. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan Internet manakala media cetak pula ialah akhbar, majalah, buku dan sebagainya.

Kini, media elektronik seperti Internet menjadi saluran paling banyak digunakan dan berfungsi sebagai satu keperluan penting kepada masyarakat untuk menyampaikan atau menerima maklumat berkaitan dengan sesuatu isu. Hal ini disebabkan Internet lebih cepat dan pantas dalam memberi atau menerima maklumat. Media juga menjadi wadah pencetus minda masyarakat ke arah lebih kreatif dan kritis.

Berita Kelantan dalam media

Dalam konteks penyaluran maklumat mengenai hal ehwal negeri Kelantan, pelbagai laporan dan bahan berita yang dihasilkan menjurus ke arah seni budaya yang dianggap sebagai tunjang nafas kehidupan rakyatnya.

Keindahan budaya dan cara hidup yang melingkari kehidupan masyarakat berbilang bangsa di Kelantan dilestarikan melalui corak yang dilihat unik pada mata pandangan masyarakat luar. Oleh itu, tiada siapa yang dapat menyangkal Kelantan kaya dengan budaya seni warisan sehingga diperkatakan di dalam pelbagai liputan media dan penulisan dalam kalangan pengamal media asing, termasuk portal dan pemblog (blogger) melalui rumusan yang berbeza.

**Kepelbagaian tafsiran**

Melalui pelbagai perkongsian, budaya dan seni di Kelantan dikatakan unik dan tersendiri. Sebahagian tulisan mengaitkan pertukaran seni lenggok budaya berdasarkan perubahan semasa yang disesuaikan dengan arus pemodenan dunia hari ini.

Selain itu, perbahasan isu seni dan budaya di negeri ini juga dilihat dari sudut pandang yang lebih luas termasuk aspek pendidikan dan agama yang mendapat liputan dari sudut positif dan negatif. Namun, kritikan tajam pada awalnya dapat diperbetulkan hasil penerangan khususnya apabila ia berkait dengan tatacara agama dan hukum.

Agama Islam mengharuskan perasaan cinta kepada kesenian dan keindahan. Allah sentiasa menyeru manusia supaya memerhati keindahan yang terdapat dalam alam ini kerana tamadun Islam telah menghidupkan pelbagai jenis seni yang berkembang pesat.

Hal ini sejajar dengan al-Quran menceritakan kein-

dahan langit (Qaf, ayat 6), keindahan bumi yang terbentang luas (Qaf, ayat 7), keindahan kejadian haiwan (an-Nahli, ayat 6), keindahan ciptaan manusia (at-Taghabun, ayat 3 dan al-Infitar, ayat 7-8). Justeru, seni Islam berhubungan dengan wahyu yang mempengaruhi seni secara langsung dan menyeluruh.

**Seni Budaya Orang Kelantan**

Seperti laporan lyfandspice.com/2017/08/23/cultural-centre-kota-bharu-kelantan-malaysia yang menggambarkan Kelantan sebagai pendukung budaya Melayu di Malaysia dengan rantaian kehidupan budaya dan seni yang diatur dalam kehidupan mereka. Contohnya, seni makyung dimainkan oleh masyarakat bertujuan membangkitkan semangat kepada individu dan kumpulan.

Manakala laman web thingasian.com pula menjelaskan negeri ini sebagai "land of lightning" (tanah kilat) yang mengambarkan tanah Kelantan ini subur dan paling penting ia adalah lokasi yang paling tepat bagi mereka yang ingin mencari kelainan. Persekitaran penduduk kampung yang unik, kawasan padi yang luas dan keindahan pantai yang mempesona akan memberi satu kepuasan kepada pengunjungnya.

Menariknya kupasan tersebut menyatakan, walaupun Kelantan memiliki tamadun Melayu yang besar, entiti masyarakatnya tidak pernah meminggirkan etnik lain sebagaimana mereka memiliki hubungan sejarah yang baik dengan dinasti China suatu ketika dahulu.

Ia menggambarkan masyarakat majmuk di Kelantan boleh bertoleransi dengan perbezaan warna kulit, agama dan budaya dengan saling memahami keperluan untuk hidup dalam atmosfera yang sihat.

Justeru, melalui laporan thingsasian.com pada awalnya Kelantan bukan satu destinasi yang ingin diletakkan dalam jadual perjalanan. Namun, apabila tiba di negeri ini, pemikiran mereka berubah. Di sini mereka boleh melihat bagaimana kehidupan sebagai masyarakat yang hidup dengan tradisi kampung dengan kebudayaan tersendiri.

Budaya dan warisan ini menjadi satu naratif kehidupan masyarakat di negeri ini yang tidak boleh dipisahkan dan mampu mempengaruhi orang lain pula sebagaimana catatan sesawang artsequator.com/10-things-dikir-barat yang menerangkan mengenai asal usul seni dikir barat di Kelantan telah berkembang dari satu tahap sehingga ke negara jiran di Singapura.

"By the 1990s, Dikir Barat had become so popular that groups even began recording their songs. The album Dikir Nusantara released by two top Dikir Barat groups was so successful that it sold out within a month of its release. Yaakub Rashid. (1991, May 15). Songs for the common folk. The Straits Times.

Penulisan itu membuktikan sifat dinamik dikir barat dalam menghadapi cabaran termasuk beberapa teguran yang dibuat oleh kerajaan Kelantan pada 1990-an tentang beberapa isu berbangkit. Namun, hari demi hari, seni budaya itu berkembang dengan baik, dengan bantuan kerajaan dan teknologi semasa yang menjadikan dikir barat terus releven termasuk kepada golongan muda.

**Isu semasa berkaitan Kelantan**

Selain daripada penyiaran hal berkaitan seni dan warisan, Kelantan juga tidak terlepas daripada isu semasa yang lazim sudah lama mendapat tempat dalam media arus perdana.

Sebagai contoh, banjir besar atau dikenali sebagai bah kuning pada tahun 2014 menjadi topik perbincangan di media antarabangsa. Ketika itu lebih 200,000 rakyat Kelantan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dianggap sebagai satu bencana terburuk dalam dekad ini.

ChannelNewsAsia yang berpangkalan di Singapura ketika itu membuat liputan dan analisis secara terperinci mengenai tragedi itu selain turut menempatkan beberapa wartawan khas bagi melaporkan berita secara langsung.

Menariknya, laporan khas yang digarap itu sangat terperinci bagaimana gerak kerja untuk membantu mangsa dibuat oleh pelbagai agensi selain mengupas bagaimana dan punca banjir itu berlaku. Selain itu, beberapa agensi media antarabangsa yang lain sperti Aljazeera dan Portal Website, One Demands News turut membuat laporan dan analisis mengenai tragedi tersebut.

Bahkan, jika dilihat secara sepintas lalu, cara mereka melaporkan kejadian secara terperinci melebihi media tempatan sendiri. Dalam masa yang sama, media itu turut membuat analisa bagaimana orang Kelantan berhadapan banjir saban tahun di negeri ini dengan cara dan pendekatan sendiri.

Dengan tajuk perbincangan seperti "The people of Kelantan and Terengganu have been braving the floods during the monsoon, it has become part of life" dengan melihat sudut pandang yang berbeza bagaimana banjir itu bukan dari sudut tragedi semata-mata.

Petikan itu diambil daripada sebahagian analisa editorial dari web ChannelNewsAsia yang dilihat sebahagian tatacara kehidupan rakyat negeri walaupun ada sebahagiannya berbentuk kritikan keras.

Selain itu, sekitar tahun 2012, ketika pelancaran dinar dan dirham oleh kerajaan Kelantan juga telah menjadi tarikan perbincangan pada semua peringkat termasuk pimpinan negara pada ketika itu.

Idea yang dilihat sangat unik walaupun berhadapan dengan pelbagai kritikan termasuk mengaitkannya dengan faktor jumud. Pelbagai bentuk analisis dibuat oleh pelbagai pihak termasuk kajian dibuat di beberapa

universiti mengenai masa hadapan dan ketahanan serta keupayaan pengunaan mata wang itu dalam konteks ekonomi negeri ini.

Pada masa yang sama, laporan thenationalnews.com menyatakan tentang kesukaran dan kekangan yang dihadapi oleh kerajaan Kelantan dalam merealisasikan penggunaan mata wang itu walaupun ia sangat berpotensi pada masa hadapan.

**Tumpuan media asing**

Walaupun pada satu ketika, Kelantan dihimpit dengan tekanan kerana berpuluh tahun berada di bawah negeri pembangkang, namun, kekuatan dan cara pemikiran politik rakyatnya dikagumi ramai kerana sentiasa kritikal dan memiliki perspektif sendiri terhadap sesuatu isu dianggap sebagai unik.

Justeru itu, semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) yang lalu, ChannelNewsAsia turut menghantar pasukan khusus bagi meninjau perkembangan semasa politik di negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Ini menunjukkan senario politik di negeri ini turut diikuti rapat oleh negara-negara jiran yang menganggap Kelantan sebagai ibu politik di tanah air sehingga kru wartawannya membuat temu ramah secara eksklusif beberapa pimpinan dan rakyat negeri ini bagi memberi perspektif yang jelas khususnya pada peringkat akar umbi. Terbukti, keutuhan kepada sesuatu dan pemikiran politik rakyatnya digambarkan dalam bentuk visual dan penulisan.

Sementelahan, kepimpinan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat suatu ketika yang dilihat menjadi ikon politik tanah air yang menjadikan sangat menarik untuk dikaji. Ketika itu, media memburu Allahyarham untuk merakam dan menyiarkan setiap intipati ucapan dan tingkah lakunya yang menjadi bahan berita termahal di pasaran.

Tindakan drastik beliau terhadap isu yang berkait dengan halal dan haram membuatkan penyokong dan juga lawannya hilang kata-kata. Dasar Membangun Bersama Islam yang memartabatkan dan menggangkat Islam sebagai teras tadbir urus kerajaan menjadikn Kelantan memacu perubahan demi perubahan yang drastik.

Contohnya, pemerkasaan terhadap tulisan jawi yang digazetkan sebagai wajib dipaparkan pada papan tanda dan iklan premis perniagaan dipuji ramai walaupun pada peringkat awalnya menerima kritikan banyak pihak.




Penulis yang juga mantan wartawan di sebuah akhbar boleh mengesahkan bahawa pembawaan Allahyarham sama ada di arena pentabiran dan medan politik begitu istimewa dalam kalangan media sehingga negeri ini juga mendapat tempias.

Pemergian Allahyarham pada tahun 2015 juga menjadi "heading" berita bukan sahaja dalam media tempatan, bahkan antarabangsa.

Media negara jiran seperti Jakarta Post menganggap pemergian Tok Guru sebagai kehilangan sebutir bintang khusus kepada aliran pemikiran Islam terbuka. www.thejakartapost.com/news/2015/02/13/malaysian-islamic-spiritual-leader-nik-aziz-dies-84 melaporkan "Despite his conservative outlook, his humble lifestyle won him respect. Nik Aziz refused to live in his official residence, instead staying in his green-roofed wooden home next to a mosque. Often dressed in a simple turban and white robe, he gave weekly Friday sermons at the mosque."

**Rumusan**

Sesungguhnya, peranan media massa dalam mempengaruhi minda masyarakat memang tidak dapat disangkal lagi khususnya berkaitan isu kemanusiaan. Dalam konteks Kelantan di dalam media, walau apa juga analisa yang berkaitan negeri ini, ia tidak boleh lari daripada dua tajuk utama iaitu sejarah dan budaya kesenian.

Bagi pengamal media, bahan berita yang digarap itu berdasarkan keperluan dan keinginan pembaca itu sendiri selain daripada keunikan bahan yang dilaporkan itu. Walaupun ada sesetengah laporan asing tidak lah memberi memberi pujian 100 peratus, malah ada yang membuat kritikan pedas, tetapi ia bukan sebagai alasan bagi kerajaan Kelantan untuk tidak meneruskan agenda pembangunan di negeri ini.

Contohnya, sebahagian penduduk Kelantan dilabelkan "gedebe". Sudah pasti kritikan itu diambil dari sudut yang lebih luas. Gedebe bukan lagi memukul orang atau pandai cari gaduh, sebaliknya ia bermaksud sentiasa cekal, tabah dan boleh mempertahankan diri dalam apa jua cabaran dan kritikan.

Akhirnya, melalui laporan yang baik, sudah pasti ia membawa seribu makna, apatah lagi kepada pemandu industri berkaitan agar ia menjadi lubuk rezeki halal yang beroleh keberkatan.

**Rujukan:**
1. thingsasian.com/story/kelantan-big-nutshell
2. thingsasian.com/story/flying-land-lightning
3. www.thenationalnews.com/world/asia/malaysians-welcome-gold-dinars-and-silver-dirhams-1.594950
4. artsequator.com/10-things-dikir-barat
5. www.thenationalnews.com
6. lyfandspice.com/tag/kelantan
7. www.channelnewsasia.com/news/topic/kelantan
8. www.thejakartapost.com



# *Agro* PELANCONGAN KELANTAN PIKAT PELANCONG ANTARABANGSA

Oleh: Dr. Wan Adi bin Wan Yusoff



Negeri Kelantan banyak destinasi agropelancongan yang menarik dan boleh dilawati oleh para pengunjung tempatan mahupun pelancong antarabangsa. Kepelbagaian khazanah keindahan alam dan aset dari sumber pertanian di Kelantan amat berpotensi untuk dimajukan.

Agropelancongan adalah aktiviti pelancongan yang berkaitan sektor pertanian iaitu berasaskan tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani dan kraftangan serta kebudayaan. Sekiranya kita dapat merencanakan dengan bijak, sudah pasti sektor ini mampu menjadi daya penarik kepada pengunjung khususnya pelancong antarabangsa.

Agropelancongan mula diperkenalkan sejak Rancangan Malaysia Ke-8. Ia dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu agropelancongan tanaman atau ladang, agropelancongan ternakan dan agropelancongan perikanan. Antara aktiviti yang popular dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelancong antarabangsa ialah lawatan ke kebun buah-buahan, aktiviti penternakan, mengunjungi pusat penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan mendiami inap desa (homestay).

Pelancong luar negara amat berminat untuk merasai sendiri pengalaman melancong apabila produk agropelancongan dapat disepadukan dengan aktiviti-aktiviti yang menarik, khususnya menikmati keenakan buah-buahan tempatan, kelazatan madu lebah kelulut asli, penternakan ikan sangkar dan terlibat sama dalam mencanting batik atau mewarna batik melalui bidang kraftangan yang kreatif. Agensi utama yang terlibat dengan agropelancongan ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sementara Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia membantu dari segi promosi khususnya pada peringkat antarabangsa.

Kupasan penulis lebih fokus kepada beberapa pakej agropelancongan yang menarik di negeri ini di samping mencadangkan beberapa peluang yang berpotensi untuk dibangunkan agar dapat menarik lebih ramai palancong khususnya pelancong antarabangsa.










**Min House Camp**

Salah satu destinasi agropelancongan yang berpotensi untuk menarik pengunjung antarabangsa ialah Min House Camp yang terletak di Kampung Pulau, Kubang Kerian, Kelantan.

Berkonsepkan tempat peranginan yang tenang di pinggir sungai Pengkalan Datu menjadikan suasananya sentiasa nyaman dan mendamaikan. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pengusaha seperti kemudahan chalet yang memenuhi keperluan individu, keluarga mahupun kumpulan organisasi tertentu. Harganya bergantung kepada pakej yang diperlukan seperti pakej percutian keluarga, seminar, perkhemahan atau aktiviti riadah seharian.

Selain itu, terdapat juga dewan terbuka dan tertutup yang membolehkan aktiviti latihan dalam kumpulan dijalankan. Salah satu produk agropelancongan yang menjadi keunikan di Min House Camp ialah terdapatnya galeri lebah kelulut yang membolehkan pengunjung menimba pengalaman untuk mengenali beberapa spesis lebah kelulut dengan lebih dekat, juga lebah kelulut yang menghasilkan madu dengan sangat produktif iaitu spesis Heterotrigona thoracica dan Heterotrigona itama.

Di samping itu, pelancong juga akan teruja apabila melihat sendiri keunikan sarang kelulut. Malah dapat menyedut dan menikmati madu kelulut asli yang "segar dari ladang".

Lebah kelulut ini memerlukan sumber makanan daripada debunga tumbuh-tumbuhan di sekeliling kawasan ini. Justeru, pengusaha Min House Camp, Wan Noriah Wan Ramli telah menanam pelbagai jenis sayur, bunga-bungaan dan buah-buahan. Antara tanaman yang ditanam ialah pokok rambutan, mangga, duku, durian, jambu, pelbagai spesis bunga, tumbuhan herba dan sayur-sayuran organik.

Inilah yang dikatakan saling kebergantungan di dalam satu sistem rantaian yang menarik. Secara tidak langsung, satu lagi produk agropelancongan dapat ditonjolkan kepada pelancong antarabangsa. Mereka akan dapat menikmati buah-buahan tempatan apabila tibanya musim buah. Di sini pelancong asing boleh memetik sendiri buah-buahan tempatan yang terdapat di sini dan pengalaman inilah yang sangat memikat hati mereka.

Produk agropelancongan seterusnya yang juga menjadi daya tarikan pengunjung di sini ialah aktiviti mencari lokan di pinggir sungai. Lokan merupakan spesis keluarga kepah yang terdapat di kawasan tanah berpasir di muara sungai, kawasan pesisiran pantai, kawasan berlumpur, lagun dan rimba paya bakau. Selain spesis lokan, terdapat juga spesis lain seperti ketam nipah, siput sedut, kepah dan pelbagai spesis ikan. Sekiranya usaha penternakan hidupan ini dilakukan dengan giat dan bersepadu, Min House Camp mampu menjadi produk agropelancongan yang terkenal khususnya kepada pelancong antarabangsa.

Aset utama di Min House Camp ialah suasana alam di pinggir sungai Pengkalan Datu yang tenang dan menarik. Pengusaha telah pun menyediakan kemudahan berkayak dan laluan berjeti yang amat mengujakan, menjadikan pengunjung dapat menikmati keindahan sungai dan kawasan semula jadi yang mendamaikan. Malah ada pasangan pengantin baharu memilih lokasi ini untuk melakukan sesi fotografi di atas jeti di pinggir sungai. Pada malam hari, pelancong boleh menikmati suasana tenang apabila berada di jeti sungai Pengkalan Datu sambil melihat sendiri keindahan semula jadi di Taman Kelip-kelip Min House Camp yang pasti menjadi kenangan terindah dan sukar dilupakan.







**Jeram Mengaji Agro Resort**

Projek agropelancongan Jeram Mengaji Agro Resort (Jeram) ialah sebuah destinasi peranginan ala Kundasang (Sabah). Ia dijadikan pusat latihan dan laman rekreasi keluarga yang berkonsepkan agropelancongan patuh syariah yang menjalankan aktiviti sejajar dengan kehidupan islamik yang berkonsepkan "Bersih, Ceria dan Selamat".

JERAM dijaga penuh oleh pihak pengurusan Jeram iaitu anak syarikat Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) Negeri Kelantan yang memberi fokus kepada beberapa aspek seperti Projek Pembangunan Lembah Tenusu Alfalah, Projek Taman Agro Herba dan Pokok-pokok Nadir, Taman Santuari Lebah Kelulut Darul Naim serta Projek Taman Pembiakbakaan Arnab.

Selain itu JERAM telah menyediakan chalet dan bilik-bilik penginapan yang amat sesuai untuk aktiviti perkhemahan, seminar dan aktiviti santai seisi keluarga. Kehijauan persekitaran yang mendamaikan menggamit pelancong menghilangkan tekanan dengan bercuti di situ. Antara produk agropelancongan yang popular dalam kalangan pelancong adalah lawatan ke dusun buah-buahan, ladang ternakan lembu tenusu dan program perkhemahan serta menginap di chalet dan inap desa yang telah disediakan.

Pelancong asing amat berminat ke tempat-tempat begini kerana mereka berpeluang melakukan aktiviti seperti memetik sendiri buah-buahan tempatan. Sekiranya melawat ladang ternakan lembu, lebah kelulut dan arnab, mereka akan didedahkan kepada cara yang betul untuk menternak, memerah susu, proses penyembelihan haiwan ternakan dan proses mendapatkan madu kelulut yang asli. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menarik minat pengunjung atau pelancong antarabangsa, malah turut menarik minat pengunjung yang menetap di bandar khususnya kanak-kanak dan golongan muda.

Pengunjung berpeluang untuk mandi-manda di Jeram Mengaji dengan kejernihan air dan suasana persekitaran yang bebas daripada kesibukan kota. Aktiviti berkuda juga disediakan kepada pengunjung yang berminat mencuba menunggang kuda dengan bimbingan daripada jurulatih yang berpengalaman.

**Rumah Dusun**

Rumah Dusun yang terletak di kaki Bukit Saji Kampung Banggol Stol, Pasir Puteh, Kelantan merupakan produk agropelancongan yang boleh diketengahkan kepada pelancong antarabangsa. Rumah Dusun ini diilhamkan berdasarkan seni bina Negeri Sembilan dan kini menjadi pilihan terutama bagi pasangan yang ingin melakukan majlis persandingan berkonsepkan dalam taman yang penuh dengan nilai tradisional.

Keunikan seni bina Rumah Dusun inilah yang menjadi daya tarikan utama sesiapa sahaja yang hadir di sini. Pengusaha Rumah Dusun amat bijak dalam menguruskan keperluan bakal pengantin atau sebarang majlis keramaian kerana kawasan ini dilengkapi dengan tempat-tempat khusus untuk penggambaran, beberapa set pelamin yang telah tersedia digubah dengan reka bentuk yang amat menarik dan mengujakan.




















Pelbagai aktiviti yang sesuai diadakan seperti sambutan hari keluarga, percutian bersama keluarga, majlis barbeku, sambutan hari ulang tahun perkahwinan dan hari lahir, majlis tahlil serta kenduri- kendara bersama sanak-saudara. Pasangan dari luar negara yang mahukan persandingan berkonsepkan tradisional Melayu amat dianjurkan memilih pakej perkahwinan di Rumah Dusun yang pasti berbaloi tanpa perlu pening kepala memikirkan atur cara dan menu kerana segalanya tersedia diuruskan oleh pihak pengurusan Rumah Dusun.

**Lojing**

Tanah Tinggi Lojing pula ialah rizab hutan simpan kekal yang menyimpan khazanah alam semula jadi. Salah satu spesis flora yang menjadi perhatian pelancong asing ialah spesis Refflesia Kerrii. Spesis bunga gergasi ini hanya boleh ditemui di beberapa tempat di dunia telah berjaya menarik perhatian pelancong antarabangsa.

Kerajaan negeri Kelantan telah merancang untuk membangunkan Bandar Peranginan Sigar sebagai destinasi agropelancongan di tanah tinggi Lojing termasuk pakej inap desa yang berhampiran dengan Masjid Lojing.

Satu perancangan yang sistematik agar tanah tinggi Lojing mampu menjadi kawasan agropelancongan produk pertanian hawa sederhana serta dapat dipasarkan kepada pelancong sebagaimana yang terdapat di beberapa tempat sekitar Cameron Highlands seperti Kea Farm, MARDI Agrotechnology Park, Blue Valley Flowers Farm dan lain-lain.

Terdapat beberapa aktiviti yang boleh dilakukan seperti aktiviti ekspedisi menjejak bunga Rafflesia, pelbagai spesis flora dan fauna hutan seperti paku-pakis, orkid, serangga, burung dan binatang liar. Produk agropelancongan tenusu juga sesuai dibangunkan di kawasan ini sebagaimana yang terdapat di Desa Dairy Farm Kundasang, Sabah. Produk agropelancongan tenusu mempunyai daya tarikan tersendiri kerana suasana padang ragut yang luas di kawasan tanah tinggi Lojing seakan-akan suasana di luar negara.

Rumusannya, jelaslah industri agropelancongan yang melibatkan pelbagai sektor (multisector) dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan kepada penduduk.

Sekiranya kerajaan Kelantan mahu meningkatkan kembali kedatangan pelancong asing ke negeri ini, maka agropelancongan perlu diperkasa dengan penambahbaikan infrastruktur dalam bidang berkaitan. Di samping itu, promosi dengan pakej tawaran istimewa juga perlu diuar-uarkan ke peringkat antarabangsa agar bilangan pelancong asing bertambah dan kian terpikat untuk berulang-kali berkunjung ke Kelantan pasca COVID-19, Insya-Allah.



# PRODUK KELANTAN KE PASARAN ANTARABANGSA

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin

Berdasarkan laporan sosioekonomi Kelantan bagi tahun 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (ISSN 2600-9900), Kelantan muncul sebagai negeri ketiga tertinggi yang mengalami pertumbuhan memberangsangkan selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan (www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/National Accounts/GDPbyState/2020/ Laporan_Sosioekonomi_Kelantan_2019.pdf).

Kerancakan ekonomi Kelantan disebabkan kekayaannya yang mampu mengeluarkan produk makanan, kebudayaan, corak kehidupan, permainan dan sebagainya. Seni budaya seperti dikir barat, makyung dan wayang kulit sememangnya tidak asing lagi. Begitu juga permainan tradisi seperti wau bulan, lumba perahu panjang dan kertuk rebana ubi masih lagi dimainkan. Perusahaan batik pula memang sejak dahulu lagi sudah terkenal.

Kepelbagaian produk yang unik ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh masyarakat setempat atau dalam negara, malah kini ia mula mengorak langkah ke persada antarabangsa.

**Makyung diiktiraf UNESCO**

Seni makyung ialah salah satu seni tradisi tertua di Kelantan dan dunia yang dipersembahkan di istana. Dengan kata lain makyung ialah hiburan istana yang berkisar mengenai kehidupan raja, istana dan rakyat.

Drama tari yang menggabungkan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian serta muzik vokal dan instrumental, lagu, cerita dan teks percakapan yang formal dan bersahaja ini telah diisytiharkan sebagai Karya Agung Warisan Tidak Ketara Kemanusiaan (Intangible Cultural Heritage of Humanity) dari Malaysia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2005.

Biarpun timbul kontroversi tentang corak persembahan yang bertentangan dengan syariat Islam, usaha untuk memurnikan seni tersebut terus dilaksanakan agar dapat dinikmati oleh semua. Baru-baru ini, buat julung kalinya kerajaan Kelantan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kelantan (JKKN) telah berjaya mempertontonkan pementasan makyung versi baharu (patuh syariah) di Kompleks JKKN.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan negeri Kelantan, Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman, beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi memastikan persembahan tersebut patuh syariah. Antaranya, mengetengahkan pelakon lelaki, penceritaan rakyat dengan unsur nasihat serta elemen kesenian yang menggambarkan kebudayaan Kelantan serta membuang segala unsur pemujaan yang sering dilakukan dalam persembahan sebelum ini. Selain dapat memelihara seni warisan rakyat Kelantan, penambahbaikan itu juga dapat memberi variasi hiburan untuk dipersembahkan kepada generasi baharu dan juga pelancong luar negara.



Bawa batik 'kelate' ke kota fesyen dunia

Anak jati Kampung Penambang tinggalkan bidang seni bina

**Batik Penambang ke Milan**

Bagi Nik Mohd Faiz Nik Mohamed Amin, anak muda kelahiran Kota Bharu, Kelantan berpendapat, peluang yang ada perlu diambil untuk membawa batik Kelantan pada peringkat antarabangsa supaya lebih dikenali.

"Setelah berkecimpung lebih dua dekad dalam perusahaan batik dan berkesempatan melihat dua generasi sebelum saya terlibat dalam bidang tersebut, saya kira potensi batik Kelantan amatlah terbuka luas di pasaran global", katanya.

Bahkan, kejayaan memperkenalkan batik ke persada antarabangsa membuatkan pengguna tempatan lebih menghargai produk batik berbanding fabrik bercorak dari luar negara termasuk Itali dan sebagainya.

Justeru, tidak hairanlah anak muda ini gigih mengetengahkan rekaan batik Kelantan kontemporari yang disifatkannya mampu bersaing dengan fabrik lain. Menurutnya, untuk menembusi pasaran antarabangsa, paling penting ialah imej penjenamaan yang melambangkan produk tersebut serta corak rekaan yang boleh diterima masyarakat luar terutamanya dalam kalangan penggemar fesyen.

Ternyata usaha gigihnya itu berjaya menempatkan batik Ruzzgahara (satu nama yang direka khas oleh beliau sejak 23 tahun lalu) di pasaran Eropah. Malah, nilai pasaran ke benua tersebut sudah mencecah angka ratusan ribu dengan pasaran di Milan merangkumi 20 peratus daripada keseluruhan nilai eksport.

Beliau tidak menafikan wujudnya cabaran untuk bersaing dengan fabrik bercorak yang membanjiri pasaran luar terutama dari India dan China. Namun melalui produk yang bermutu tinggi, buatan kraftangan, rekaan yang menepati cita rasa antarabangsa dan harga yang kompetitif, mampu memenangi hati penggemar tekstil bercorak di serata dunia.

**Budu Cap Ketereh pembuka selera di Arab Saudi**

Budu merupakan sejenis pekasam yang diperbuat daripada ikan bilis sangat terkenal kerana selain mampu membuka selera dan menjadi penyedap makanan, budu juga mempunyai banyak kebaikan.

Nurul Hani Mohamed Taliff (2015) mencatat di dalam blognya, hasil kajian pakar pemakanan Jepun, Amerika Syarikat, Jerman, Australia dan New Zealand mendapati budu mempunyai bahan antioksidan (glutathione) yang mampu memerangi pelbagai penyakit termasuk kanser (sites.google.com/site/hanitaliff1772/myinterests/health-beauty).

Kajian Universiti Carolina Utara, Amerika Syarikat pula mendapati budu boleh melambatkan proses penuaan dan mencegah barah payu dara. Budu juga berupaya mengatasi cirit-birit, menurunkan kolesterol dalam darah dan mengurangkan risiko penyakit jantung serta hipertensi. Malah lebih menarik, budu dikatakan boleh menjadikan seseorang lebih pintar kerana ia merangsang sel otak.

Budu yang terkenal di Kelantan ialah Budu Cap Ketereh yang beroperasi di Kampung Ketil, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan. Kilang budu terbesar di Malaysia dan memperoleh Sijil Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tersebut berkemampuan mengeluarkan produk dengan kapasiti 60 ribu botol budu setiap hari. Kini, jumlah keluaran tahunan kilang tersebut mencecah lebih 10 juta botol.

Penubuhan Kedai Asia di kejiranan Jeddah Al-Aziziyah tidak jauh dari Konsulat Malaysia di Arab Saudi pada tahun 2017 telah membuka peluang bagi pengusaha tempatan untuk memasarkan produk dari Malaysia termasuklah produk asli tradisional Melayu seperti budu Cap Ketereh (versi pek kembara yang kelihatan seperti tiub ubat gigi), tempoyak, cencaluk, pekasam dan belacan. Perkembangan perniagaan secara dalam talian juga turut membuka peluang kepada peniaga untuk mengorak langkah ke pasaran antarabangsa.



### China lulus import durian dari Malaysia

Jun 3, 2019 @ 3:44pm




Pentadbiran Am Kastam China sudah meluluskan pengimportan durian sejuk beku bermula 30 Mei lalu. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Malaysia kini bersedia memenuhi 'keinginan' rakyat China untuk mendapatkan 'Raja Buah' tempatan iaitu durian.

Ia berikutan Pentadbiran Am Kastam China sudah meluluskan pengimportan durian sejuk beku bermula 30 Mei lalu menerusi satu perjanjian yang ditandatangani pada Ogos lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, dalam status di Facebooknya Jumaat lalu, berkata pasaran durian di China sangat besar dan Malaysia hanya dapat mengeksport dalam bentuk pulpa durian dan pes beku ke China.

## Durian Raja Kunyit Tanah Merah ke China

Sebut sahaja durian, pasti ramai yang terbayangkan keenakan buah tersebut. Terkenal dengan gelaran "raja buah", durian tampil dalam pelbagai jenis rasa dan harga di pasaran juga turut berbeza. Bahkan mencecah ratusan ringgit sekilogram.

Durian Raja Kunyit berasal dari Pulau Raya, Tanah Merah kemudian dikacuk menjadi Musang King (nama hasil produk kacukan dari lokasi sekunder yang didaftarkan dengan Jabatan Pertanian Malaysia berkod D197 pada tahun 1993) sememangnya tidak asing lagi bagi peminat durian jenis premium.

Isinya yang berwarna kuning pekat dengan rasa yang lemak manis dan pahit sememangnya mampu menawan deria rasa penggemarnya. Buahnya berbentuk lonjong dengan duri yang bersegi, manakala pangkal tangkainya tidak berduri serta garisan pangsa yang jelas terlihat pada kulit. Isi yang tebal dengan biji yang kempis nipis menjadi kegilaan penggemar durian.

**Namun, tidak ramai yang tahu asal usul penanaman buah ini. Menurut Chung Ting Bun, 72, moyangnya Chung Chun Seng yang berhijrah ke Tanah Melayu dari Hokkein, China 200 tahun lalu telah menemui sebatang pokok durian gergasi di satu kawasan lapang berhampiran rumahnya di Kampung Pulau Raya. Pokok tersebut mengeluarkan buah berduri yang isinya berwarna kuning seperti isi kunyit.**

Tambah Ting Bun lagi, moyangnya itu menamakan pokok durian itu dengan perkataan Bahasa Melayu iaitu "Raja Kunyit" disebabkan isinya berwarna kuning seperti warna kunyit. Mengikut dialek Hokkein, nama buah itu boleh jadi 'oui (kuning) kiu (kunyit), namun dia tetap mempertahankan nama Raja Kunyit sebagaimana sebutan asal moyangnya (Norzana Razaly, Facebook Urus Setia Penerangan Negeri Kelantan, 1 Julai 2020).

Pemilik dusun durian raja kunyit mampu meraih pendapatan sehingga ratusan ribu setiap kali tiba musimnya. Ini berikutan harga borongnya yang agak tinggi iaitu antara RM35 hingga RM50 sekilogram mengikut gred. Durian spesis ini bukan sahaja mendapat permintaan yang tinggi dalam negara, malah di negara luar seperti Taiwan, Hong Kong, China dan lain-lain turut ada penggemarnya.

BHonline (3 Jun 2019) melaporkan, Malaysia mengeksport kira-kira 17 ribu tan atau 5.8 peratus daripada pengeluaran tahunan ke Singapura, Thailand, Hong Kong, Australia, Amerika Syarikat dan China dalam bentuk pulpa durian dan pes sejuk beku.

Manakala MyMetro (22 Julai 2019) pula menyatakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan China memerlukan 1,000 tan durian sebulan sedangkan Malaysia hanya mampu mengeksport 500 tan metrik sahaja.

Dilihat kepada angka tersebut, maka durian kunyit berpotensi menjadi tanaman yang bernilai komersial tinggi kerana MAFI turut menjadikan durian sebagai satu daripada industri di bawah Sumber Kekayaan Baharu dan dianggarkan nilai kepada eksport negara mampu mencecah kira-kira RM500 juta setahun.



## Penutup

Kelantan, sebuah negeri unik yang berjaya menempa nama di persada antarabangsa dengan pelbagai produk menarik. Hasil dagangan paling popular dari Kelantan berupa komoditi seni budaya dan makanan.

Produk Kelantan seperti seni persembahan tradisional, industri batik, eksport pulpa buah-buahan sejuk beku dan makanan tempatan versi pek kembara perlu dilihat sebagai komoditi yang mempunyai potensi dan nilai komersial yang tinggi yang wajar dipelihara keasliannya yang bercirikan Kelantan untuk diketengahkan ke pasaran global.

Justeru, pihak kerajaan negeri dan persekutuan serta pemain industri terbabit perlu bersinergi lebih aktif dan kreatif dalam merancang strategi kebolehpasaran produk tempatan untuk menepati cita rasa konsumer antarabangsa semasa.

# KICAP MEE KAK ZAIDAH

*Kicap Memasak Kesukaan Ramai*







012-300 5794 | 013-259 0799

DAPUR AWE OFFICIAL | DAPUR AWE

BUATAN MALAYSIA

PRODUK MUSLIM

Resepi Turun Temurun

# MINYAK KEMPIS PERUT

*Sesuai Untuk Lelaki Dan Wanita*

Khasiat:

- Mengempiskan perut/mengurangkan perut yang menggeleber
- Membuang angin dalam badan
- Mengurangkan sakit senggugut
- Untuk yang menghidap penyakit batu karang (sapu pada bahagian belakang)
- Untuk yang ada penyakit buah pinggang (sapu pada bahagian yang bengkak)
- Menghilangkan sakit sendi
- Untuk wanita selepas bersalin
- Boleh menghilangkan sakit perut
- Melegakan kembung perut
- Mengurangkan parut & selulit
- Membantu anak-anak yang kencing malam
- Menghilangkan sakit lutut
- Menghaluskan kulit




RM25 (100ML)




PROMOSI

RM12 (50ML)

BUATAN MALAYSIA
PRODUK MUSLIM

019-454 7527

Perlu sapu pada bahagian perut secara membulat dan lawan arah jam iaitu pusingan tawaf



# MENTERI BESAR KELANTAN PRIHATIN TERHADAP ISU MUSLIMIN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Oleh: A. Ubaidillah Alias | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob (selepas ini disebut Menteri Besar) selaku Menteri Besar Kelantan yang sentiasa ihtimam (prihatin) dan responsif setiap kali tercetusnya isu nasional dan antarabangsa yang mencemar kesucian agama Islam. Beliau akan bangkit bersuara menyatakan pendirian atau teguran terhadap pihak yang terlibat dalam mencemarkan imej Islam. Naratif media konvensional hari ini terlalu klise mengaitkan Islam dengan keganasan, manakala media global ghairah menvisualkan Islam dengan wajah-wajah ekstrem dan meresapkan Islamofobia ke dalam pemikiran masyarakat dunia.

Berkaitan isu yang berlaku di Perancis apabila wujudnya usaha memperleceh imej Nabi Muhammad SAW, Menteri Besar terus peka memberi reaksi bantahan terhadap penghinaan yang direstui oleh Presiden Perancis iaitu Emmanuel Macron itu. Meskipun alasan Macron bertujuan memberi hak kebebasan bersuara, namun Menteri Besar tetap bertegas mengecam segala sokongan Macron yang berkaitan dengan perkara yang amat sensitif sebegitu.

Menteri Besar menzahirkan kekesalan terhadap natijah perbuatan yang melanggar batas susila sehingga berlaku beberapa insiden pertumpahan darah. Penyerang masjid New Zealand yang berusia 29 tahun itu kini tercatat dalam sejarah New Zealand sebagai individu pertama disabit kesalahan sebagai pengganas, dan yang pertama dikenakan hukuman penjara seumur hidup tanpa parol di negara itu.

Menteri Besar telah menyelar tindakan terkutuk yang dibuat oleh kerajaan Perancis yang membela penghina Nabi Muhammad SAW. Kerajaan Kelantan memberi penegasan "Jangan Hina Nabi Kami" bersempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan kali ketiga bagi tahun 2020 yang berlangsung pada awal November 2020.



**Tragedi Christchurch: Menteri Besar Kelantan gesa tindakan tegas diambil terhadap pelaku keganasan**

Pada 15 Mac 2019, satu insiden serangan berlaku ke atas dua masjid di Christchurch, New Zealand. Jelas sekali ia berpunca daripada konspirasi Islamofobia. Sikap memusuhi Islam cukup ketara dan ia menjadi penyebab 50 Muslim dibunuh membabitkan sembilan warga Pakistan dan seorang rakyat Malaysia. Kita percaya wujudnya pihak yang menanamkan perasaan benci melalui media dan realiti ini menuntut pemimpin negara-negara Islam belajar bagaimana untuk menanganinya.

Justeru Menteri Besar dalam satu sidang media bertarikh 16 Mac 2019 berkata, tindakan tegas perlu diambil ke atas pelampau yang telah melakukan tembakan tanpa belas kasihan yang menyasarkan orang tua, pemuda, kanak-kanak dan kaum wanita di sekitar lokasi kejadian yang jelas merupakan rakyat awam.

Beliau berharap pihak kerajaan Persekutuan mengambil tindakan pantas dan serius bagi memastikan keselamatan seluruh rakyat Malaysia yang berada di sana. Penegasan ini menunjukkan kebersamaan rakyat Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia amnya dalam menjaga keselamatan masyarakat Islam di seluruh dunia.



Keganasan itu wajib dikutuk, dikecam oleh dunia: MB Kelantan

ZAIMATULJUWITA | | 16 Mac 2019

Ahmad Yakob

A- A+

KOTA BHARU - Kerajaan Negeri Kelantan berkongsi rasa simpati dan merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa insiden tembakan yang berlaku di Christchurch, New Zealand semalam.

*Petikan dari:*
*https://www.sinarharian.com.my/article/18375/KHAS/Chrischurch/Keganasan-itu-wajib-dikutuk-dikecam-oleh-dunia-MB-Kelantan*

**Menteri Besar Kelantan tidak berkompromi dengan aksi keganasan**

Ketika berlakunya kejadian pengeboman di Sri Lanka pada 21 April 2019 yang menyebabkan 207 orang maut manakala beratus-ratus lagi cedera, perkara tersebut segera mendapat respons daripada pihak Menteri Besar. Beliau mengutuk serangan itu sekeras-kerasnya sebagaimana dalam kenyataan media pada 22 April 2019 bahawa:

Pihak kerajaan negeri Kelantan mengutuk sekeras-kerasnya jenayah serangan terhadap gereja dan hotel yang merupakan tempat awam, apatah lagi kejadian berlaku bersempena hari perayaan Kristian iaitu hari Easter. Ucapan belasungkawa dan dukacita kepada semua keluarga mangsa yang terkorban disebabkan elemen keganasan dan ekstremis yang mahu memecah-belahkan antara etnik dan agama.




Tindakan ini adalah cubaan bagi mewujudkan rasa panik dan mengganggu ketenteraman awam. Ia boleh mencetuskan perbalahan dan pergaduhan antara agama. Islam dan mana-mana agama di dunia sangat mendukung keamanan dan keadilan. Semua agama di dunia menolak sekeras-kerasnya keganasan dan ekstremis dalam apa jua bentuk. Kita berharap Presiden Maithripala Sirisena dan kerajaan Sri Lanka akan menjalankan siasatan komprehensif dan membawa pelaku-pelaku ke muka pengadilan. Kita berharap semua rakyat Sri Lanka dalam situasi tragis ini untuk kekal bersatu dan terus kuat.

Petikan: https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1007399589450158&id=144912392365553

Peristiwa ini memperlihatkan solidariti Menteri Besar dan sekali gus rakyat Kelantan dalam menolak keganasan. Kita melihat Imran Khan, Perdana Menteri Pakistan, Presiden Afghanistan Ashraf Ghani, Presiden Indonesia, bahkan Perdana Menteri Malaysia sendiri mengutuk sekeras-kerasnya tindakan itu.

Ini menunjukkan solidariti negara Islam bersama komuniti global dalam memerangi kebencian dan keganasan ekstremisme.

**Menteri Besar Kelantan konsisten tangani konflik Timur Tengah**

Menteri Besar sentiasa peka dan sensitif terhadap isu global diseluruh dunia. Sama ada konflik di negara bukan Islam seperti Perancis, New Zealand dan Sri Lanka. Bahkan Kelantan lebih-lebih lagi mengambil berat konflik yang melanda Timur Tengah. Khususnya peperangan yang berlaku di dua negara besar umat Islam iaitu Palestin dan Syria. Konflik Palestin sudah berlarutan sejak sekian lama. Jika dihitung dari tarikh rasmi penubuhan negara Israel pada 15 Mei 1948, konflik ini sudah lebih enam dekad.

Kelantan kumpul dana bantu mangsa letupan Beirut

ROSMIZA KASIM | | 28 Ogos 2020



Sebahagian pemimpin kerajaan negeri Kelantan dan wakil rakyat yang turut sama menyumbang kepada dana meringankan beban mangsa letupan Beirut di Lubnan.

Konflik Syria masih dianggap baharu berbanding isu Palestin dan ia bermula sekitar Mac 2011. Namun pertumpahan darah masih menimpa warga Syria dan berlarutan sehingga hari ini. Lebih 1.2 juta jiwa telah terkorban, bahkan lebih daripada yang direkodkan.

Berdasarkan perincian daftar pelarian yang telah dikemas kini dan dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), terdapat seramai 4 juta lebih pelarian Syria yang berdaftar. Manakala bilangan yang tidak berdaftar dianggarkan melebihi 12 juta orang.

Oleh itu, Menteri Besar sentiasa ihtimam dan responsif terhadap apa sahaja permintaan dan rayuan saudara Muslimin dari Timur Tengah. Malah dalam masa yang sama sentiasa menghulurkan bantuan sama ada idea, tenaga dan material untuk membantu mengurangkan penderitaan saudara seagama di sana. Begitu juga dengan kes letupan yang berlaku di Beirut, kerajaan Kelantan telah membuat kutipan dana kemanusiaan untuk membantu meringankan beban mangsa yang terlibat.

**Jadikan Hari Mabit Muktamar Sanawi Ummah**

Pihak kerajaan negeri Kelantan telah menyusun penganjuran Hari Mabit di Kelantan semenjak tahun 2014. Cetusan Menteri Besar ini adalah seruan kepada umat Islam agar mengambil kesempatan dari perhimpunan agung di Mekah untuk berbincang bersama dan duduk semeja.

"Kita adakan seumpama Muktamar Duwali (perhimpunan antarabangsa) atau bengkel dan lain-lain perbincangan untuk menyelesaikan kemelut yang melanda umat Islam secara bersama. Agenda menjadikan Hari Mabit di Mekah sebagai muktamar tahunan bagi Muslimin sedunia ini mungkin agak besar, namun ia boleh dirancang mulai sekarang bermula dari negara Islam masing-masing". Petikan ucapan pelancaran Hari Mabit kali pertama.

**Menteri Besar percaya bahawa umat Islam diseluruh dunia perlu bersatu di bawah panji Islam dan mencari jalan sendiri menyelesaikan masalah yang sudah berlarutan sejak sekian lama. Sempadan geografi moden tidak dapat memutuskan silaturahim antara sesama Muslim. Sikap dwistandard yang ditunjukkan tidak membawa kepada kedamaian yang dicari.**

Oleh sebab itu, Menteri Besar melihat bagi menyelesaikan konflik yang berlaku, semoleknya tiada pembabitan pihak yang mempunyai banyak kepentingan peribadi. Cadangan beliau agar musyawarah (perbincangan) dan *ta'awun* (kerjasama) dibuat sesama Muslimin yang ikhlas membela agama demi mencapai penyatuan ummah secara global.

Sewaktu pelaksanaan ibadah haji setiap tahun, sudah pasti umat Islam akan mempunyai wakil dari seluruh dunia, kesemua yang pergi haji sudah pun bersedia dengan bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah dan meninggalkan sebahagian urusan dunianya. Peluang ini amat sesuai untuk umat Islam di sana mengumpulkan fikrah demi menyelesaikan konflik umat Islam pada hari ini khususnya di Timur Tengah dan seluruh dunia Islam amnya.

**Menteri Besar dalam banyak ucapannya sering kali mengingatkan bahawa jika kita yakin kepada janji Allah SWT, maka Allah SWT pasti akan membantu kita tatkala kita membantu saudara-saudara kita yang lain sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud: *"Dan Allah sentiasa menolong hamba-Nya selama mana hamba-Nya itu menolong saudaranya."***

# KELANTAN ICT GATEWAY SDN. BHD.

## Our Services



YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan
*Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi*



### Safety Audit of Communication Infra

Implementation and enforcement of the telecommunication structures safety audit.



### Kelantan Digital Initiative

Potential collaboration related to ICT and communication infrastructure projects including fiberisation under PFI



### IT & Digital Training

Consultation in the ICT digital training for the government and private agencies. E-commerce program, via training and coaching for entrepreneurs.

### Drone Technology

Focus on the following industries; monitoring and inspection of logging activities, mining, utility & telecommunication asset inspection, agriculture & training



### Kelantan Pay

Promote the cashless society through an e-payment initiative







KALAShop
www.kalashop.my

Market place for local products

Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.,
L3.07, Pusat Transformasi Bandar (UTC),
Lot 378, Syeksyen 16, Jalan Hamzah,
15050 Kota Bharu, Kelantan
info@kigsb.com.my www.kigsb.com.my
09-741 4370 09-741 4372

Make IT Happen | DIGITAL



# BATIK KELANTAN
## FITTING FOR GLOBAL TASTE

Oleh: Nor Zainah Nordin | Foto: Ruzzgahara

"Batik" originates from the word "tik" – a Javanese Malay word that refers to the sound of dripping water. It is the simplest reference best used to describe the designs of batik, particularly ones that come from Kelantan. Nowadays, we refer to batik as motifs hand drawn on cloth, using wax and dyeing techniques.

Kelantan is the birthplace of the batik industry in Malaysia. Beginning as a humble cottage industry, Kelantanese batik has prospered into becoming premium labels catered to the elites and premiers of society. Kelantan's batik has graced the international runways of many London, Paris, Milan and New York.

**The heartland**

Kelantanese batik started in the 20th century, 1911 to be exact. Known as the heartland of artisans and culturists, Kelantan has always been appreciative towards the development of batik in Malaysia.

The Malaysian Handicraft Development Corporation (Kraftangan Malaysia) Act 1979 defines batik as a handicraft product which includes "any article, however produced, bearing a batik design on or at any part thereof". Kraftangan Malaysia records the annual income of textile sales including batik and songket. Last year, this segment made up 78.5% (nearly RM60 million) of sales revenue from arts and crafts entrepreneurs in Kelantan.

Nonetheless, batik entrepreneurs throughout the country still face many challenges. One particular businessman from Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan shared his insight. Nik Faiz Nik M. Amin, 35, the founder of Ruzzgahara, opinioned that to embrace the challenges and brighter future of the batik industry, one must remember the roots of true batik craftmanship, sharpen business strategies and new ventures simultaneously.

During his interview with Qiadah, he said he is positive of batik's future, that batik will certainly strive through time as the batik industry had already survived pre-independence, world wars and even political and economic turbulence; and now the COVID-19 pandemic era.

"There is something mystical about batik that ensures demands will sustain even if the price is skyrocketing. Demand will always be there no matter how high the price goes," he quipped.

**Premium brand**

For those not in the know, Ruzzgahara was started by Nik Faiz in 2007 as an enterprise before converting into a private limited company in 2011. As a third generation batik artisan, Nik Faiz started to dream of Ruzzgahara since he was 12, when the word Ruzzgahara first popped up in his mind.

Since then, Ruzzgahara has carved its niche as a premium brand in home and décor and high end fashion. Now headquartered in Kampung Penambang, the Rumah Gahara has become a symbol of Kelantanese Batik's success.

With its signature motif of the Ketam Guri (Sida rhombifolia sp.) – a small wild flower, Nik Faiz has expanded the fashion and lifestyle segment of Ruzzgahara into different labels to suit the markets.

"We have explored the USA, Europe namely United Kingdom, France and Italy as well as Australia; and we have seen how the trend differentiates, for example in the Middle East where the demand is more for dominant colours while in Paris, subtle designs and colours are more sought after.



Ruzzgahara at National Textile Museum.

**International preferences**

"Batik can be transformed into other lifestyle sectors; not only clothing. It can be incorporated into home and living, apparels, etc. cross the segment," he said. When asked how batik entrepreneurs should act to secure a place in the global arena, Nik Faiz said, the design must be at par with international preferences.

He explained, to achieve that standard, color composition, motif appearance and arrangement, and the presentation of batik play pivotal roles to ensure Kelantanese Batik is relevant in the global arena.

Besides the uniqueness of batik's design and motif, several studies suggested using online promotion strategies. This strategy provides wider coverage at a lower price for promoting batik products. So the growth of digital technology and the Internet would be beneficial in providing greater opportunities for batik craftsman to market their products.

Embracing this technological advancement is important to the batik industry in Kelantan. In this era of social media, viral marketing and digital lifestyle, batik manufacturers and sellers must leap to give their businesses a digital transformation.

But what is actually digital transformation? According to enterprisersproject.com, digital transformation is the integration of digital technology into all areas of a business, changing how the business operates and delivers value to its customers.



Gahara Men 2020 Collections.

**Global style**

Digital transformation will impact every field of business transaction from selling, buying, marketing, and branding in global style. Some good examples are Shopee, Instagram, Facebook, Grab, and Maybank2U.

Although brick and mortar showrooms are still relevant to batik boutiques, a majority of batik sellers and industry players are now embracing online business. Facebook, Instagram and Google have become their playground to find new customers and business ventures.

It is actually easy for entrepreneurs to be online. They can either use specific online business platforms such as Lazada, Shopee or Alibaba or social media platforms such as Facebook, Instagram and Twitter to connect with their customers – old and new. The customers can be in any market, in short, the whole world is the market. With a sensible budget and smart business skills, marketing and advertising online is cheaper and more targeted to reach customers.




Ruzzgahara in Bangkok for the International Thaisilk Fashion Week.

To survive the digital revolution, it is unbelievable for any business not to be online. According to www.export.gov, as a result of Malaysia's Internet and mobile connectivity, as well as public sector encouragement, Malaysia has high rates of eCommerce usage. In 2019, Malaysia boasts 16.53 million online shoppers (50% of the population) and 62 percent of mobile users use their devices to shop online.

The question now, are Kelantanese batik industry players ready to take up online business? Looking at the current situation, it seems like they are.

On Facebook, there are hundreds of batik merchants. Take for example batiks.co, an online seller specializing in cotton Kelantanese Batik. With more than 31,000 followers on Instagram, it is more convenient for them to reach a wider market through digital platforms with advertising via its followers via comments and sharing in their respective social media pages.


Dyeing or colouring in the batik process.


The affair of block-printing artisanal batik.

Being online is essential to survival. Nonetheless, being online poses issues as well – from counterfeit sellers, buyers, materials and products - what you see is not always what you get. Yes, it can be the window to the world, but batik industry players need to tread carefully in this muddy water of online businesses.

**Profits and recognition**

Cooperating with other parties, particularly a well-known brand or personality, will provide values to batik companies that will later translate into profits and recognition. This kind of cooperation in branding and marketing is known as influencer marketing. For the batik industry to survive global digital revolution and be able to compete at international level, one right collaboration with the right brand or entity or medium will break the Internet, literally.

In a nut shell, batik's customers are now around the world, the infrastructures are already set, the key now is to present our batik in a way that catches the world's eyes. As Matshona Dhliwayo said, "It is in the roots, not the branches, that a tree's greatest strength lies." If our batik industry adheres to the true value of the craft, other people cannot stop them from reaching their success.



Oleh: Zanazanzaly | Foto: Shariah Derahman

# Nasi Dagang Gulai Darat

*Ikan di laut asam di darat, dalam periuk bikin muafakat*

***"Asal usul dinamakan Dagang, Gulai satu dan tak berlebihan",*** demikian lirik lagu berjudul Nasi Dagang dendangan Rosmaria Abdul Hamid yang popular sekitar era 80-an.

Benar, pada mulanya nasi dagang Kelantan disajikan dengan satu lauk sahaja iaitu gulai darat ikan tongkol. Orang Kelantan juga menyebutnya gulai kunyit lengkuas ikan ayo.

Zaman beredar, masyarakat Kelantan yang pemurah semakin kreatif mencipta kepelbagian ramuan gulai dan lauk untuk digandingkan dengan nasi dagang Kelantan bersama gulai udang, kari ayam dan kerutuk serati. Lauk sampingan pula ialah telur rebus, acar timun dan sambal ikan selayang.

**Kisah romantis**

Menurut cerita lisan orang tua-tua, nasi dagang gulai darat ikan ayo berkait-rapat dengan kisah romantis perkahwinan Puteri Linang Cahaya dengan Sayyid Jamaluddin Al-Hussein atau popular digelar Sayyid Hussein Jamadil Kubra (waris bangsawan Kesultanan Delhi) pada pertengahan abad ke-14 masihi.

Demikian nenda memulakan cerita sambil memantau cucunya mengukus sekilogram beras merah yang sudah pun ditos selepas direndam semalaman. Kata nenda, campuran beras pulut dan beras biasa (dipanggil juga beras jemah) pun boleh digunakan pada anggaran satu kilogram itu nisbahnya secawan beras pulut 1:3 cawan beras jemah.

Nenda memberitahu bahan utama nasi dagang ialah beras pulut dan beras biasa melambangkan kesucian niat Raja Bharubhasa menikahkan adindanya, Puteri Linang Cahaya dengan Sayyid Jamadil Kubra bagi tujuan menggembirakan tetamu istimewanya itu dan mengeratkan silaturahim dua empayar Islam.



**Beras pulut dan beras biasa dicampur dengan nisbah 1:3 cawan.**

Setelah masak melalui tanda pengeluaran wap, nasi tersebut diangkat semasa masih panas lalu dimasukkan santan cair. Proses mensebatikan beras jemah dan pulut dengan santan cair dinamakan "arung" yang melibatkan aktiviti mengacau (kogheh) sehingga santan bersebati dan beras menjadi lembut secukupnya.

**Lambang kesucian**

Warna putih beras dan santan itulah lambang penyatuan cinta suci pengantin diraja. Kata nenda lagi, santan tersebut mesti diperah daripada dua biji kelapa dan dibahagi kepada dua bahagian santan cair dan santan pekat (kepala santan).

Nenda menyambung cerita tentang pencipta resipi nasi dagang iaitu Puteri Linang Cahaya; adinda kepada Paduka Cik Siti Wan Kembang, pemerintah Tanah Sri Indah (Serendah) Sekebun Bunga di selatan Kelantan) dan Raja Bharubhasa, pemerintah empayar Chermin yang berpusat di Kota Jiddah atau sekarang lokasinya di Bukit Panau, Tanah Merah).

Kedatangan rombongan mempelai diraja Sayyid Hussein Jamadil Kubra bersama adik-beradiknya Syarif Qamaruddin, Sayyid Majduddin dan Sayyid Thanauddin disambut penuh mesra beradab dan beradat. Sementelahan mereka bukan calang-calang gerangan. Sebab itulah Puteri Linang Cahaya sendiri menjamu suaminya dengan nasi dagang gulai darat yang sarat falsafah dan pengajaran untuk dijadikan sebagai ilmu "asam garam" kehidupan kepada anak cucu kelak.

**Firasat ahli makrifat**

Menurut nenda, Puteri Linang Cahaya ialah ahli makrifat. Baginda telah mendapat firasat tentang ujian yang ditempuhi rombongan Sayyid Jamadil Kubra demi kesinambungan agenda dakwah Islamiah ke Nusantara.

Ramuan yang dimayang nipis berupa sepuluh ulas bawang merah, lima ulas bawang putih, tiga batang serai dan halia sebesar dua ruas jari adalah simbolik mengenang pengajaran yang menjadi rencah kehidupan yang dialami oleh rombongan para leluhur wali Nusantara dan keturunan Wan di Kelantan. Rencah tersebut dilazatkan dengan pedas-kelat yang terbit daripada setengah sudu kecil halba, masin terhasil daripada segenggam kecil garam kasar dan manis daripada sesudu kecil gula pasir.

Riwayat tradisional Kelantan merakam peritiwa sebelum sempat mendarat di Semenanjung Tanah Melayu, rombongan Sayyid Hussein Jamadil Kubra telah menghadapi ujian getir daripada Allah SWT.

Garam dan gula yang larut di dalam santan itulah falsafah kenikmatan bertawakal Sayyid Hussein yang tawaduk berdoa kepada Allah SWT supaya diselamatkan. Lalu beliau berikrar akan mendirikan sebuah masjid sekiranya terselamat daripada tragedi itu. Masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Kampung Laut.

Nenda kian rancak bercerita ketika memasak kesemua ramuan di atas bersama santan pekat. Ketika mematikan api dapur, sempat nenda berpesan; ramuan tersebut dimasak teliti supaya nasi dagang lambat basi.

Kemudian, nenda meminta cucunya memasukkan semula santan berisi segala ramuan tadi ke dalam periuk pengukus dan mengukus sekali lagi dalam anggaran 5 minit sehingga keluar wap. Cucunya menolong mengangkat nasi dagang yang sedang berasap berkepul-kepul, lalu nenda pun menuang santan yang dimasak tadi bersama bawang merah, halia dan halba ke atas nasi dagang, lalu digaulnya sehingga rata.



**Beras biasa dan beras pulut dikukus buat kali pertama.**



**Bahan-bahan yang akan dimayang nipis untuk dimasukkan ke dalam nasi.**



**Nasi separuh masak diangkat dan dimasukkan santan.**



**Bahan-bahan yang dimayang nipis juga dimasukkan ke dalam nasi.**



**Nasi digaul rata termasuk santan yang mengandungi garam dan gula.**



**Nasi dikukus sekali lagi sehingga masak sekata.**

### Ikan di laut, asam di darat

Tiba-tiba, bonda pula teringin berkongsi resipi istimewa ikan ayo rebus gaya Puteri Linang Cahaya. Anak terunanya diminta menyiang dan mencuci bersih tiga ekor ikan ayo bersaiz sederhana atau dalam anggaran tiga kilogram. Lalu direbus dengan sejemput garam, lima keping asam gelugur dan setengah keping manisan (nisse keghek).

Bonda memasukkan juga enam biji cili api yang dipotong dua, lima ulas bawang putih diketuk, seinci lengkuas dan ditaburnya gula sesedap rasa. Akhir sekali dijirusnya air separuh periuk untuk merebus ikan bercampur segala ramuan khas tadi secara renehan selama 15 minit. Kata bonda, kuah ikan rebus itu makin enak jika dibiarkan semalaman.

### Doa mustajab

Nenda membuka rahsia falsafah simbolik ikan di laut yang direbus bertemu asam di darat bermaksud doa wali Allah itu mustajab. Bantuan Allah SWT muncul dalam bentuk sekawan ikan kekacang yang berpusu-pusu berenang ke bahagian kapal yang berlubang lalu menutupi kebocoran dengan menyumbat diri masing-masing.

Dalam masa yang sama, sekawan ikan kekacang yang lain menolak kapal itu sehingga selamat mendarat di Kampung Laut di Tumpat, Kelantan. Atas bantuan Allah SWT yang menyelamatkan rombongan Sayyid Hussein dari musibah kapal karam, mereka terus bersujud dan bersolat sunat dua rakaat sejurus mendarat.

Rasa lapar yang keterlaluan pula menyerang. Allah SWT mengilhami mereka meniru gelagat tupai putih yang memakan rebung buluh betung. Setelah kekenyangan, mereka terus mendirikan masjid di Kampung Laut. Kemudian mereka menyusuri sungai sehingga tiba di Kota Jeddah (Bukit Panau, Tanah Merah).

### Ala Raja berangkat

Tibalah ke kemuncak regu nasi dagang iaitu gulai darat (gulai kunyit lengkuas) menggunakan bahan kisar berikut; seruas jari kunyit hidup, halia dan lengkuas, dua sudu makan rempah kari ikan, sepuluh ulas bawang merah, empat ulas bawang putih, sepuluh biji cili kering, sesudu kecil ketumbar, lima ulas bawang merah, dua ulas bawang putih dimasukkan ke dalam periuk berisi dua cawan pati santan, satu setengah cawan air rebusan ikan ayo tadi dan dua keping asam gelugur serta garam dan gula secukup rasa.

Bonda memasak kesemua ramuan tersebut sehigga mendidih dan akhir sekali dimasukkan perlahan-lahan ikan ayo yang telah direbus tadi disusuli tiga biji cili besar hijau sebagai pelengkap rasa.

Kata nenda, resipi gulai kunyit lengkuas ala "Raja berangkat" (bersegera memasak ke semua rempahratus yang ditumbuk tanpa menumis terlebih dahulu) itu ciptaan khas oleh saudara Puteri Linang Cahaya yang bernama Cik Siti Wan Kembang sempena merakam falsafah perkongsian firasat Sayyid Thanauddin (Adi Putra) tentang hubungan Masjid Kampung Laut dengan kebangkitan Islam di Nusantara pada suatu masa nanti. Adi Putra itulah guru kerohanian para wali Allah yang masyhur seperti Sunan Bonang, Sunan Giri dan termasuklah Laksamana Hang Tuah.

Demikianlah riwayat resipi berfalsafah nasi dagang gulai darat ikan ayo, khazanah warisan Melayu-Islam Kelantan yang sarat khasiat dan makrifat.



**Ikan ayo direbus terlebih dahulu.**



**Dua sudu rempah kari ikan dimasukkan.**



**Bahan-bahan asas ditumis.**



**Bahan yang ditumis dibiarkan sebati bersama santan sebelum dimasukkan ikan.**





Rujukan:

I. Hj Abdul Halim Bashah, Raja Campa dan Dinasti Jembal dalam Patani Besar (Patani, Kelantan, Terengganu), Pustaka Reka, 1994, hlm 34-37.

II. http://www.khazanahbendaharaserimaharaja.com/sayyid-hussein-jamadil-kubra.html

III. Masjid Kampung Laut kini berusia lebih 400 tahun, diperbuat daripada kayu cengal dan dibina tanpa menggunakan paku. Masjid ini pernah terselamat daripada bah besar pada tahun 1926 dan 1966, sebelum dipindahkan ke Nilam Puri pada tahun 1970-an bagi menyelamatkannya daripada ditenggelami banjir.




Oleh: Lina Lizam | Foto: Jelawang Pipe Resort

# Deretan paip pembetung, tarikan baharu pelancongan di Kelantan

Sewaktu belum wujudnya Jelawang Pipe Resort & Extreme Park (JPREP), kawasan Dabong popular dengan Gunung Stong, Gunung Baha dan Gunung Ayam yang menjadi destinasi pilihan penggemar aktiviti mendaki dan lasak yang semakin menjadi tarikan dek kerana kekayaan pemandangan alam yang indah.

Perkhidmatan sewa penginapan dan aktiviti riadah di JPREP yang diusahakan oleh Wan Nurulasifa Wan Abdul Aziz (Nurul), 27, menjadi alternatif baharu kepada penduduk setempat dan pelancong berinteraksi dengan alam dan bermain sukan lasak.

"Bermodalkan RM300,000 hasil suntikan dana oleh keluarga, saya mula membina pusat rekreasi ini pada Mac 2018", kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA itu.

Kreativiti dan inovasi wanita cekal yang berasal dari kampung Dabong itu tercetus apabila melihat Dabong mempunyai pelbagai destinasi menarik seperti Gua Ikan, Gua Pagar, Gua Keris dan Gua Gelap yang kerap menjadi tumpuan pelancong asing berbanding pelancong tempatan; namun penginapan yang baik dan selesa belum mencukupi.

Bagi menampung kehadiran pelancong domestik dan luar negara, pengasas muda ini mengambil peluang memanfaatkan kawasan ladang sawit seluas 1.2 hektar yang diusahakan bapanya berhampiran sungai Jelawang untuk membuat pusat penginapan unik jenis tiub yang masih belum wujud di Kelantan.

Di samping mengurus kedai barangan logam dan pembinaan milik keluarga, Nurul turut mengusahakan JPREP bersama enam adik-beradiknya. Resort ini mula beroperasi dan dibuka secara rasmi kepada pengunjung pada Mac 2019.

**Fenomena Train to Dabong**

Ancaman COVID-19 memberi impak besar kepada industri pelancongan negara. Sebelum penularan COVID-19 di Malaysia bermula pada Mac 2020, Malaysia mencatatkan peningkatan pendapatan 2.4 peratus kepada RM86.14 billion pada tahun 2019 melalui industri pelancongan.

Manakala pada tahun 2020, pendapatan negara daripada sumber pelancongan terjejas teruk. Kemerosotan akibat penularan COVID-19 mencatatkan penurunan secara drastik sebanyak 60 hingga 80 peratus. Kelantan turut terkesan dengan senario ini.

Kerajaan negeri Kelantan mengambil inisiatif merancakkan pelancongan domestik bagi memulihkan struktur ekonomi negeri melalui beberapa agensi termasuklah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Promosi Train to Dabong yang dijayakan oleh KTMB sangat menyumbang kepada pertambahan pengunjung yang ingin merasai pengalaman beraktiviti lasak di JPREP.

Tiket keretapi RM5.00 untuk dewasa dan RM3.00 bagi kanak-kanak dikenakan bagi perjalanan sehala. Perjalanan berlatarkan kehijauan alam yang sangat menarik ini memakan masa hampir tiga jam dari Wakaf Bharu ke Dabong, dikira amat murah dan berbaloi.

Dua sesi waktu perjalanan keretapi disediakan bermula pada pukul 4.20 pagi dan pukul 10.30 pagi. Oleh itu, pengunjung boleh memilih sama ada ingin berada di Dabong selama sejam dan menaiki keretapi yang sama untuk pulang ataupun menaiki keretapi terakhir dari Dabong pada pukul 6.00 petang pada hari yang sama.

## Ribuan pengunjung

Kunjungan 1,000 penumpang setiap hujung minggu mencetuskan fenomena luar biasa. Train to Dabong menyemarakkan kemeriahan di JPREP dan turut memberi rezeki buat penduduk setempat yang berniaga di sekitar perhentian Dabong.

Bagi pengunjung yang ingin ke Jelawang Pipe Resort dari stesen KTMB Dabong, pihak pengurusan menyediakan perkhidmatan pengangkutan dengan caj tambang RM10.00 seorang untuk penghantaran pergi dan balik.

Menurut Nurul, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 lalu, JPREP menerima lebih ramai pengunjung daripada biasa sehingga mereka perlu menambah pakej aktiviti dan bilik. Antara pakej yang ditambah ialah ATV Ride sebanyak 22 buah dan pertambahan daripada 8 kepada 13 buah bilik yang mampu menampung 38 pengunjung.

Menghormati pengunjung yang ingin berehat santai sambil menikmati keindahan alam, khemah turut disediakan yang boleh memuatkan seramai 150 pengunjung. Manakala keluasan lokasi berkelah boleh menampung sehingga 1,500 orang pada suatu masa.

## Aktiviti lasak di desa

Jauh dari hiruk-pikuk kota, suasana desa yang tenteram menjadi tarikan kepada pencinta alam semula jadi yang inginkan suasana tenang dan permai. Di samping itu, pengunjung tempatan dan pelancong asing dapat merasai aktiviti lasak dan ekstrem yang disediakan di JPREP. Berikut antara senarai aktiviti yang terdapat di sini:



### Caving

Aktiviti meneroka khazanah alam di Gua Ikan disediakan dengan harga RM35 seorang (minimum lima orang dalam satu kumpulan). Caj RM15 seorang pula dikenakan untuk menampung pengangkutan dari JPREP ke garisan pemula aktiviti yang berjarak 12 kilometer.

Peserta perlu membawa peralatan sendiri seperti topi keledar dan lampu kepala serta memakai pakaian sukan untuk mencuba aktiviti ini.

Bagi peserta yang ingin melihat panorama keindahan "God Light" (sinaran matahari yang masuk dari celahan batu gua) perlu berada di tempat berkenaan pada pukul 10.45 hingga 11.00 pagi. Oleh itu, peserta dikehendaki memulakan aktiviti meneroka gua seawal pukul 9.30 pagi.

Pengalaman menikmati panorama eksklusif God Light ternyata sungguh berbaloi sambil menghayati keindahan khazanah alam semula jadi yang berusia lebih dari 150 juta tahun itu. Gua di sini dikatakan terbentuk daripada cengkerang hidupan laut yang terkumpul di perairan laut cetek. Buktinya ialah fosil rumpai laut yang terdapat di dinding gua.

### ATV Ride

Penggemar aktivi lasak boleh memilih empat pakej ATV Ride yang disediakan:

a) Pakej ATV 200cc (RM30.00 sekali tunggangan): 20 minit

b) Pakej ATV 4x4 (RM60.0 sekali tunggangan): 30 minit

c) Pakej ATV 4x4 (RM120.00 sekali tunggangan): 60 minit

d) Pakej ATV 4x4 (RM265.00 sekali tunggangan): Lima jam



### Hiking to Kem Baha

Gunung Baha terletak bersebelahan Gunung Stong. Gunung Baha digelar sebagai kembar kepada Gunung Ayam. Pastinya siapa sahaja yang mendaki ke Kem Baha akan terus jatuh cinta dengan panorama senja yang terbentang indah di hadapan mata.

Pendakian bermula seawal pukul 4.00 pagi dan mengambil masa selama dua jam untuk tiba di Kem Baha. Pemandangan matahari terbit boleh dilihat pada pukul 6.45 pagi. Pengunjung berpeluang melihat hamparan awan bak permaidani putih mulus pasti terpesona menatap pemandangan indah tersebut sambil ditemani simfoni alam hasil deruan air terjun yang cukup menenangkan. Bayaran serendah RM60.00 seorang untuk aktiviti ini dikira amat berbaloi termasuk sarapan pagi, permit perhutanan dan juru pandu.



### Via Ferrata

Mereka yang gemar aktiviti mencabar patut mencuba permainan ini. Via Ferrata istilah Bahasa Itali yang bermaksud laluan besi. Pengunjung yang tiada pengalaman mendaki juga dapat merasai aktiviti lasak ini kerana di luar dinding Gua Ikan telah dipasang anak tangga yang melekap pada permukaan batu untuk memudahkan pengunjung untuk sampai ke destinasinya. Aktiviti ini melibatkan lima hingga sepuluh orang per sesi dan diberi diskaun bagi penyertaan lapan orang ke atas.



### Waterfall Hiking

Berjalan kaki dari Resort Gunung Stong ke kaki air terjun Gunung Stong sambil mandi-manda sudah pasti menyeronokkan. Gunung ini berketinggian 1,422 meter (4664 kaki) dari paras laut. Aktiviti ini mengambil masa selama setengah jam dengan bayaran RM40.00 seorang dan bayaran permit perhutanan sebanyak RM10.00, harus dibuat seminggu sebelum penyertaan.

Individu yang tidak memiliki permit perhutanan dikira sebagai menceroboh kerana setiap kemasukan ke hutan simpan memerlukan permit tersebut. Juru pandu turut disediakan bagi menjaga keselamatan pengunjung selama perjalanan tersebut. Selain itu, terdapat juga aktiviti seperti water tubing di sepanjang sungai Jelawang camping tent dan flying fox.

Gunung Stong menjadi destinasi eko-pelancongan yang sangat terkenal di Malaysia dengan kehadiran pelancong yang sentiasa bertali arus kerana mempunyai air terjun Jelawang yang tertinggi di Asia Tenggara dengan ketinggian 303 meter.



**Pakej penginapan unik pertama di Kelantan**

a) Triangle Room (A-Frame) ialah bilik dua tingkat yang berbentuk segi tiga ini sesuai untuk diduduki oleh empat orang dewasa.

b) Single Tube Room yang dibina daripada paip pembetung sesuai untuk dua orang dewasa.

c) Triple Tube Room agak eksklusif sedikit berbanding pakej penginapan lain kerana mampu memuatkan enam orang dewasa.

d) Double Tube Room pula boleh menempatkan empat orang dewasa.


Sumber Gambar: Facebook (Jelawang Pipe Resort & Extreme Park & Nazrul Asram Mat)

Tempoh perjalanan dari Kuala Lumpur mengambil masa sekitar empat hingga lima jam dengan jarak perjalanan sejauh 317 kilometer untuk ke Jelawang manakala dari Kota Bharu ke Jelawang pula lebih kurang dua jam setengah sahaja.

Setibanya di sana, pengunjung tidak perlu risau kerana kemudahan seperti surau, tempat parkir kereta, tandas, geral makan turut disediakan. Para peminat aktiviti riadah atau pun penggemar sukan lasak bersama sahabat handai boleh membuat tempahan atau pertanyaan lebih awal agar aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.

**Penutup**

Pusat aktiviti sukan lasak kini bukan sekadar tempat rekreasi bahkan sudah dinaik taraf menjadi destinasi pelancongan keluarga yang amat diminati penduduk tempatan dan pelancong. Peranan pengusaha, pihak kerajaan negeri dan agensi terbabit amat penting untuk saling bekerjasama mempromosikan industri ekopelancongan melalui pelbagai pakej menarik.

Aspek prasarana dan kebajikan yang dititikberatkan oleh pihak pengurusan JPREP demi menjamin kepuasan fizikal dan emosi pengunjung ternyata menggamit kunjungan mereka berulang kali. Buktinya, para pengunjung yang berpuas hati kerap membuat komen balas positif melalui media sosial menerusi carian bertanda pagar #jelawangpiperesort.




# PROF. DR. NIK HAZLINA NIK HUSSAIN

## Berkongsi kepakaran kepada umat sejagat

Oleh: Wan Noor Azlezan Baharuddin | Foto: Koleksi peribadi

Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar (kategori Pendidikan) dianugerahkan oleh kerajaan Kelantan kepada Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain (Prof. Nik) pada Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2019.

Ahli akademik dan pengamal perubatan ini telah berkhidmat hampir 30 tahun di Universiti Sains Malaysia (USM) bermula Ogos 1990. Kepakaran dalam bidang Obstetrik & Ginekologi (O&G) melayakkan beliau mendapat gelaran profesor dalam bidang tersebut pada akhir tahun 2012. Ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki bukan hanya dikongsi kepada rakyat Malaysia, bahkan turut disebar ke peringkat antarabangsa.



**Prof. Nik dinobatkan sebagai Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar (kategori Pendidikan) pada Hari Sayyidatina Khadijah 2019.**

Ini terbukti apabila Prof. Nik pernah dijemput sebagai profesor pelawat (semasa cuti sabatikal) di Faculty of Medicine and Health Sciences, University of Science and Technology, Sana'a, Yaman selama lima bulan pada tahun 2014.

Kehadiran beliau di universiti berkenaan membawa amanah yang besar untuk membantu melakukan semakan kurikulum pengajian perubatan peringkat siswazah dan pembentukan program pascasiswazah bidang Perubatan Keluarga. Beliau juga membantu meningkatkan taraf makmal kemahiran klinikal, mengajar pelajar siswazah perubatan, menjadi pemeriksa pelajar perubatan dan juga melatih pensyarah dan kakitangan akademik di universiti tersebut.

### Ahli persatuan antarabangsa

Selain itu, suri hati Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail ini juga ahli European Society for Sexual Medicine, International Society for Sexual Medicine dan International Menopause Society. Beliau pernah memenangi anugerah pada peringkat antarabangsa iaitu di persidangan 8th International Traditional and Complementary Medicine, 24th Asian and Oceanic Congress of Obstetrics and Gynaecology (AOCOG), Malaysian International Conference on Menopause, 3rd ICMHS-International Conference on Medical & Health Sciences & 24th NCMHS-National Conference on Medical & Health Sciences, Putra Inno Creative in Teaching and Learning 2019.

Srikandi dari tanah serendah sekebun bunga ini merupakan wanita gagah berani memacu ilmu untuk kepandaian masyarakat, Prof. Nik, banyak menabur bakti dalam bidang perubatan dan keilmuan. Anak jati kelahiran Kota Bharu ini telah berjaya menamatkan pengajian peringkat sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1997 menjadikan beliau pakar dalam bidang Obstetrik & Ginekologi.

Ilmuwan ini pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi USM asbab minat yang mendalam terhadap pendidikan dan perubatan. Beliau kemudiannya meneruskan karier dalam sub kepakaran reproduksi endokrin yang melibatkan masalah menopaus & infertiliti di Royal Women's Hospital dan juga Melbourne IVF di Victoria, Australia selama setahun pada tahun 2006.

**Kepuasan hidup dengan memberi**

Fitrah manusia mempunyai naluri memberi. Tarbiyah agama yang utuh telah memberi impak yang besar kepada anak Haji Nik Hussain Nik Hassan dan Allahyarhamah Hajah Maizan Ahmad. Puteri kesayangan pasangan ini telah memilih untuk memberi sesuatu kepada masyarakat melalui ilmu yang dimiliki. Maka, ilmuwan ini dengan rela hati bergiat aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat.

**Beliau bersedia berkorban masa dan tenaga untuk membuka minda ummah dengan menyumbang kepakaran yang dimiliki melalui ceramah yang hebat. Persoalan berkisar masalah wanita sering diketengahkan agar para wanita celik dan cakna tentang kesihatan diri sendiri dan keluarga. Keberadaan ilmuwan ini bukan hanya di pentas daerah dan kebangsaan, malah baktinya mengharum pada peringkat antarabangsa.**

Sebagai seorang ahli akademik, srikandi ilmuwan ini turut menyumbang dalam percambahan ilmu pengetahuan melalui kaedah penyelidikan. Banyak kajian dan penyelidikan yang mendapat suntikan dana daripada pelbagai peringkat, sama ada universiti, kebangsaan, antarabangsa dan juga agensi luar telah berjaya dikendalikan oleh beliau.

Ramai pelajar sarjana daripada pelbagai kepakaran perubatan, pascasarjana mod penyelidikan, doktor falsafah dan postdoctoral telah berada di bawah seliaan Prof. Nik. Pelajar berkenaan berasal dari seantero dunia seperti Bangladesh, Nepal, Iraq, Afrika Selatan dan Pakistan.

Dalam masa yang sama, beliau turut menjadi pemeriksa dalaman dan luaran bagi kursus perubatan di dalam dan luar negara. Malah, beliau turut terlibat sebagai pemeriksa tesis pelajar pascasiswazah sama ada pemeriksa dalaman atau luaran.




**Naskhah Prof. Nik di Pusat Sumber Sayyidatina Hafsah.**



**Potret keluarga Prof. Nik.**



**Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013.**

Di samping menjadi penilai kepada pelbagai kajian permohonan etika manusia bagi USM sejak 2011, beliau turut ditaklifkan sebagai Member Secretary bagi panel Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (JEPeM), USM. Pelbagai geran peringkat universiti, Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi luar berserta manuskrip bagi penerbitan jurnal, artikel dan penerbitan buku telah dinilai oleh srikandi ini.

Beliau juga kerap dijemput sebagai pengucaptama, penceramah dan perunding oleh pelbagai agensi kerajaan dan korporat. Dalam masa yang sama beliau turut terlibat sebagai pengerusi atau ahli jawatankuasa bagi persidangan dan simposium pada peringkat universiti dan kebangsaan serta antarabangsa.




**Prof. Nik menerima Anugerah Buku Perubatan Terbaik Kategori Pengajian Tinggi di Anugerah Buku Negara pada tahun 2018.**




**Ahli JEPeM, Universiti Sains Malaysia.**




**Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2017.**

**Naskhah bermanfaat**

Menjadi resam seorang ilmuwan tidak hanya pakar di dalam satu bidang sahaja. Beliau telah menghasilkan karya penulisan yang menceritakan berkenaan ilmu perubatan ke dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat.

Betapa hebatnya ilmuwan Kelantan bertaraf dunia ini yang mampu berbakti kepada masyarakat umum melalui penulisan lebih 500 rencana di akhbar arus perdana. 30 judul buku umum, dua buku ilmiah, empat novel dan dua antologi cerpen yang bertemakan perubatan dalam Bahasa Melayu turut diterbitkan.

**Prof. Nik berprinsip, alang-alang menulis biarlah manfaatnya meluas. Suatu kegemilangan bagi tokoh ilmuwan ini apabila bukunya yang berjudul Andropaus: Kenyataan & Harapan dan Apa Yang Anda Perlu Ketahui Tentang Fibroid telah dicetak menggunakan tulisan Braille pada tahun 2014.**

Lebih membanggakan, naskhah Ginekologi: Ilmu Kesihatan Wanita pula telah menerima penganugerahan sebagai Buku Perubatan Terbaik kategori Pengajian Tinggi di Anugerah Buku Negara anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara pada 30 April 2018.




**Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2017.**

Selain itu, karya berjudul Kesihatan Wanita Pada Usia Emas: Kenyataan Dan Harapan terbitan Penerbit USM telah terpilih sebagai buku pertama yang dimasukkan elemen aplikasi terimbuh.

Manakala novel Cinta In Vitro terbitan DBP pula telah terpilih untuk dikaji daripada sudut maqasid syariah oleh siswa dari Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dalam Program Pembinaan Bakat Siswa Penulisan Ilmiah yang melibatkan kerjasama antara DBP, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).




**Antara hasil penulisan Prof. Nik.**

Novel hebat ini terus melonjak ke persada global apabila berjaya diterbitkan dalam ASEAN Journal of Management and Business Studies (AJMBS), Volume 1, Issue 1, 2019 di bawah judul Rawatan infertiliti patuh Maqasid al-shari'ah dalam novel Cinta In Vitro berdasarkan Teori Takmilah.

Novel ini sarat dengan perkongsian ilmu perubatan berkenaan perawatan masalah ketaksuburan, perawatan bayi tabung uji (persenyawaan in vitro) secara teknik bantuan reproduktif dan penyusuan anak angkat. Terdapat juga perkongsian kisah dan pengalaman para doktor dalam menangani pesakit yang diuji dengan masalah berkenaan.

### Umat sejagat

**Bagi Prof. Nik, bidang penulisan adalah antara medium paling berkesan untuk menyumbang pengetahuan kepada umat sejagat. Justeru, akal manusia perlu diperkuat dengan ilmu. Para cendekiawan harus membimbing untuk menyedarkan masyarakat dan memberi pendidikan kepada mereka.**

Oleh itu, Prof. Nik telah mengetuai projek kerjasama penulisan buku DBP-USM. Hasilnya, satu perjanjian memorandum persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara DBP dan USM pada tahun 2010. Projek tersebut berjaya menerbitkan lebih daripada 100 judul buku separa ilmiah, ilmiah dan beberapa judul novel bertemakan bidang perubatan.

Bengkel penulisan di bawah bimbingan Sri Diah juga telah dibuat sebanyak dua siri iaitu bengkel Tulis Antologi dan Kisah Hidup berjudul; Implan- Ingat Tuhanmu Ingat Janjimu dan kisah hidup bersama arwah ibu tercinta berjudul Cek Mek Molek Sokmo.

Keghairahan membaca novel dalam kalangan remaja adalah suatu yang tidak terjangkau dek pemikiran ketika dunia hari ini sedang rakus mengejar teknologi komunikasi. Menyedari hakikat ini, Prof. Nik tidak mengetepikan generasi pewaris masa hadapan untuk mendapat pengetahuan dalam bidang perubatan.

Beberapa siri novel yang meraikan jiwa remaja tetapi sarat dengan pengetahuan dan ilmu perubatan telah diterjemah dalam novel bertemakan kesihatan dan perubatan iaitu Memori Cinta Medik, Mengejar Zuriat, Cinta In Vitro, Cinta Nan Bersemi Kembali dan antologi cerpen pengamal perubatan dan kesihatan, Kampus Kesihatan berjudul Isteriku 46 XY terbitan DBP.

### Menabur benih di tanah subur

Oleh sebab banyaknya sumbangan beliau dalam lapangan penulisan, ilmuwan ini menerima pelbagai pengiktirafan daripada pelbagai pihak berwibawa. Antaranya daripada Kementerian Pendidikan Malaysia apabila memenangi hadiah utama Karya Ilmiah peringkat Kebangsaan 2015.

Beliau juga mendapat Anugerah Citra Sahabat DBP (individu) pada tahun 2015, Anugerah Penulisan Sains dan Teknologi Terbaik 2015 pada tahun 2016. Universiti Sains Malaysia juga memberikan Anugerah Sanggar Sanjung USM kategori Penerbitan Buku pada tahun 2016, 2019 dan kategori ketokohan pada tahun 2018 kerana beliau berjaya mendapat anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu pada tahun 2017.

Secara tuntasnya, ketokohan Prof. Dr. Nik Hazlina sememangnya wajar mendapat pengiktirafan di dalam negeri dan negara bahkan dunia. Kegigihan beliau mengembangkan ilmu dan kepakaran dalam bidang pengkhususan kepakaran dan sumbang bakti kemasyarakatannya ternyata memberi banyak faedah kepada rakyat Kelantan, Malaysia dan antarabangsa. Semoga paparan kejayaan tokoh ini menjadi inspirasi kepada yang lain.



# Emas Kelantan

## Khazanah alam, keistimewaan dan budaya pembeli

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin dan Zanazanzaly | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Sebut sahaja emas, pasti ramai yang teruja, apatah lagi golongan wanita. Nama-nama perhiasan seperti rantai tangan pulut dakap, mata petai dan boba, atau rantai leher gajah, melur dan lipan, pasti tidak asing lagi dalam kalangan peminat emas.

Namun bagi wanita Kelantan khasnya, pemakaian barang kemas bukan sahaja sebagai perhiasan, lebih utama ia menjadi satu aset bagi si pemakai. Kebiasaannya, peraih ikan atau penjual budu di Pasar Siti Khadijah gemar memakai gelang tangan emas padu dari pergelangan tangan hingga ke siku.

Begitu juga, satu pemandangan lazim di Kelantan melibatkan aktiviti berjual beli emas di kaki lima; seorang wanita duduk di tepi kedai emas atau pajak gadai dengan beg tangan besar melakukan proses tawar-menawar sambil membelek barang kemas yang diunjukkan oleh pemilik. Setelah kedua-dua pihak berpuas hati, barulah berlaku transaksi. Fenomena begini sangat sukar ditemui di negeri lain (oh, penulis pernah terjumpa sekali di Kuala Lumpur dan yang pasti pembeli emas tersebut adalah wanita Kelantan!) tetapi suatu yang lumrah di Kelantan.

**Kelantan lubuk emas**

Menurut Pengurus Operasi PMBK Az-Zahab Sdn. Bhd, Azhar Saud, industri mineral di Kelantan, khasnya emas telah bermula lebih 100 tahun lalu. Kedudukan Kelantan di dalam Jalur Tengah atau Central Gold Belt (yang terbentang dari Selatan Thailand, Raub, Pahang hingga ke Gunung Ledang, Johor) menjadikannya tumpuan para pelombong sejak dahulu.

"Aktiviti melombong emas bermula seawal tahun 1906 yang diusahakan oleh sebuah kompeni Inggeris iaitu Duff Development Limited di sekitar Nenggiri dan Galas. MacDonald (1967) menulis, sekitar 1.2 tan emas telah dikeluarkan di Kelantan antara tahun 1906-1912", kata Azhar ketika sesi wawancara.

Memandangkan bumi Kelantan kaya dengan sumber mineral, maka kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKNIK) telah menubuhkan Kelston Sdn. Bhd. untuk memastikan sumber bumi dimanfaatkan sebaik mungkin.

Kegiatan perlombongan di Kelantan dikawal di bawah Enakmen Mineral Negeri dengan seliaan Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Jawatankuasanya turut dianggotai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

Menerusi enakmen ini, kerajaan negeri tidak hanya bergantung kepada Akta Pembangunan Mineral di bawah kerajaan Persekutuan, tetapi mempunyai bidang kuasa untuk mengawal selia secara lebih menyeluruh. Sebelum ini bidang kuasa kerajaan negeri sekadar meluluskan lesen dan memastikan tidak berlaku perlanggaran syarat lesen, sedangkan daripada segi pemprosesan dan perlombongan, kerajaan negeri masih bergantung dengan Akta Pembangunan Mineral.

Dengan kelulusan enakmen baharu ini, industri mineral di Kelantan yang mencakupi aspek-aspek bersangkutan perlombongan seperti eksplorasi, pembangunan lombong, operasi pengeluaran, pemprosesan, eskport sehinggalah kepada pemulihan lombong akan lebih tersusun, mudah dipantau dan diperkemas. Ini menjadi petanda bahawa bumi tadahan wahyu bakal menyaksikan perubahan dalam struktur ekonomi yang akan memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Contohnya, pembukaan Penjom Gold Mine di Kuala Lipis yang dimiliki oleh PT Resource Gold (UK) Ltd misalnya, telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih 2000 orang dengan 50 peratus terdiri daripada rakyat Pahang. Lebih menarik, pada peringkat awal nisbah pekerja ialah tujuh perkerja asing berbanding tiga pekerja tempatan, kini nisbah tersebut telah bertukar sebaliknya. Hal ini menunjukkan telah berlaku pemindahan teknologi yang membolehkan pekerja tempatan semakin menguasai teknologi yang diperkenal.

Selain itu, keperluan kepada bidang kritikal seperti kejuruteraan perlombongan, telah membuatkan kerajaan mewujudkan pusat pengajian baharu iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral di Universiti Sains Malaysia bagi melahirkan jurutera dalam bidang industri mineral. Hasilnya, ramai graduan telah pun berjaya menjalani latihan industri dan seterusnya bekerja di sektor tersebut.

Industri mineral juga turut membuka peluang ekonomi hiliran yang lain kepada masyarakat setempat. Dengan adanya perlombongan mineral ini, aktiviti ekonomi seperti perniagaan makanan, kedai dobi dan sebarang bentuk perkhidmatan seperti perkhidmatan servis kenderaan turut berkembang.

Besar harapan rakyat Kelantan untuk melihat mukim Sokor, Tanah Merah dan Kampung Pulai, Gua Musang yang dikurniai mineral berharga ini mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri dalam waktu terdekat.

**Emas Kelantan emas terbaik?**

Bercerita mengenai pemilikan emas, kita perlu menguasai ilmu mengenainya. Suatu waktu dahulu emas Kelantan disifatkan terbaik berbanding emas lain dengan warnanya yang lebih kuning. Namun bagi yang memiliki ilmu, bukan faktor warna yang membuatkan mereka memilih emas tersebut sebaliknya aspek ketulenan yang diambil kira.

Menurut Tuan Syed Abu Bakar Jamalullail dalam tulisan beliau di media sosial, emas dikategorikan kepada beberapa jenis mengikut ketulenannya. Emas 999 (24k, juga dikenali dengan nama emas 10 dan emas kertas) ialah emas berketulenan penuh. Kandungan emas tulennya sebanyak 99.9 peratus dan mengandungi hanya 1 peratus logam lain (argentum/kuprum). Ia lebih lembut disebabkan kurangnya campuran logam lain.

Kedua, emas 965 yang mengandungi kandungan emas tulen sebanyak 96.5 peratus. Emas bermutu sebegini popular di Thailand (tetapi bukan barang kemas yang bernama emas Bangkok).

Ketiga, emas 950 yang popular di Kelantan sehingga tahun 1980-an dan dikenali sebagai emas Kelantan. Kandungan emas tulen adalah sebanyak 95 peratus (23k) manakala bakinya adalah argentum dan kuprum.

Keempat, emas 916 (22k); emas yang berketulenan 91.6 peratus ini sangat popular di negara Asia dan digunakan secara meluas di Malaysia, Singapura dan Brunei. Bahkan kini emas jenis inilah yang menguasai pasaran negara kita.

Selain itu, terdapat jenis emas lain, antaranya emas 875 (21k), emas 835 (20k), emas paun, emas 750 (18k - di Malaysia ia menjadi emas pilihan untuk menghasilkan barangan batu permata), emas 585 (14k) yang digunakan untuk menghasilkan rantai kristal dan emas 375 atau dikenali sebagai suasa.

Setelah mengetahui ilmu ketulenan emas, maka sudah pasti anda akan bersetuju mengapa emas Kelantan dahulu dianggap lebih bermutu! Selain itu, keunikan emas Kelantan bukan hanya terletak kepada ketulenan emasnya, tetapi barang kemas buatan tangan "pandai emas" Kelantan (gelaran khas Paduka Cik Siti Wan Kembang kepada tukang emas Kelantan di atas seni kemahiran tahap tertinggi yang mereka miliki) juga sangat eksklusif. Setiap hasil oleh pandai emas ini hanya dimiliki oleh seorang pemakai sahaja, tidak sebagaimana penghasilan mesin yang menghasilkan barang kemas serupa!

**Gelaran reka bentuk**

Seperkara yang menarik ialah perihal pemberian nama terhadap barang kemas perhiasan wanita. Terdapat wanita Kelantan memang sangat taksub dengan pemilikan emas, maka tidak hairanlah banyak nama barang kemas yang dihasilkan dipopularkan oleh warga Kelantan.

Ssekut tawar (biskut tawar), pulut dakap, mata petai, roti butut/roti bun bukan makanan ya! Sebaliknya ia corak rekaan gelang tangan wanita. Begitu juga, ekor kucing, melur gajah, latok, lintah dan lipan, bukan merujuk haiwan atau tumbuhan, tetapi ia adalah gelang tangan emas padu lagi bermutu! Justeru itu, kalau para isteri tiba-tiba meminta mata petai, pulut dakap atau biskut tawar, maka para suami kena pastikan wang di dalam saku bukan cuma ada samah seriyal (50 sen dan seringgit)!

**Emas jaminan masa hadapan**

Dinar dan dirham telah menjadi mata wang sejak zaman Rasulullah SAW. 1400 tahun dahulu, 1 dinar boleh digunakan untuk membeli seekor kambing. Hari ini, nilai 1 dinar bersamaan RM1074 (harga pada 11 Januari 2021); masih juga mampu membeli seekor kambing terbaik. Justeru itu, bagi yang bijaksana, mereka akan memilih untuk menyimpan emas sama ada dalam bentuk jongkong ataupun barang kemas sebagai simpanan jangka panjang.

Selain kalis inflasi, emas juga adalah aset fizikal mudah cair, mudah alih dan nilainya sentiasa kukuh. Pendek kata, menyimpan emas adalah satu bentuk pelaburan yang tidak merugikan kerana nilainya meningkat sesuai dengan peredaran masa. Di samping menjadi perhiasan atau pemanis tubuh, emas boleh menjadi saham bernilai di kala terdesak.

Tidak semua orang berminat menyimpan emas dalam bentuk jongkong. Ada yang lebih suka membeli barang kemas untuk dipakai dan dijadikan pelaburan



pada masa hadapan. Ada beberapa panduan yang boleh dijadikan panduan agar barang kemas yang dibeli tetap bernilai tinggi:

1. Beli barang kemas 999 (24k) atau 916 (22k) sahaja kerana seperti yang kita tahu, nilai ketulenan emas kedua-dua jenis ini adalah tinggi.

2. Beli barang kemas padu – ini kerana emas padu lebih tepat timbangannya kerana ketumpatan isipadunya berbanding dengan yang berongga (stamping), tidak mudah patah, kemek dan rosak bentuk asalnya.

3. Elakkan membeli barang kemas yang ada batu permata kerana nilainya akan berkurangan apabila dijual semula.

4. Simpan resit belian – jika kita ingin menjual kembali emas di kedai tempat emas tersebut dibeli, maka susut nilai barangan tersebut lebih rendah berbanding tiada resit. Lebih menguntungkan jika berjaya menjualnya dalam kalangan sesama peminat emas terpakai.

5. Elakkan membeli emas putih – biarpun mahal semasa dibeli, ia tidak mempunyai nilai gadaian yang tinggi.

6. Cari kos upah paling rendah – ini akan mengurangkan jumlah yang perlu dibayar sewaktu membeli emas.

7. Cari kedai yang jual emas bawah harga Persatuan Pekedai Emas (FGJAM)

8. Cari kedai yang terima belian balik (trade-in) dengan harga yang tinggi.





**Beli tunai, ansuran atau hutang?**

Tidak dinafikan ramai yang suka membeli emas secara hutang atau ansuran. Menurut pakar syariah, Dr. Zaharuddin Abdul Rahman, terdapat beberapa pandang mengenai pembelian perhiasan emas secara tertunggak. Ulama empat mazhab sependapat bahawa pembelian emas (termasuk barang kemas) secara ansuran dan hutang adalah haram.

Bagaimanapun, terdapat pandangan sekumpulan minoriti ulama yang mengharuskan jual beli emas yang telah dibentuk menjadi barang kemas secara ansuran. Ini kerana barangan tersebut tidak lagi berbentuk emas tulen sebaliknya menjadi barang dagangan (pandangan ini dikatakan pandangan Mu'awiyah, Ibn Taymiah, Ibnu al-Qayyim).

Kesimpulan dan pandangan terpilih; haram berjual beli secara ansuran barang kemas yang diperbuat daripada emas dan perak sebagai jualan emas tanpa dibentuk. Ini kerana ia tetap bersifat emas sepenuhnya dan setiap pembelian dan penjualan dibayar menggunakan duit. Maka Kesatuan Fiqh Sedunia telah memutuskan bahawa mata wang kertas adalah "nuqud istilahiah" yang sama hukum hakamnya dengan emas, maka jual beli barang kemas dengan wang, wajib diserah dan diterima dalam satu masa biarpun tidak sama kuantiti disebabkan tidak sama jenis.

Justeru itu, pesanan buat semua, berhati-hatilah dalam memiliki emas agar kita tidak terjebak dengan riba.

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

*"Penggerak Pembangunan Ummah"*

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.






**Ab Aziz Bin Yunus**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
www.pkink.gov.my Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
pkink@pkink.gov.my Tel : 09-7414141 Faks : 09-7414140



# KELANTAN BERKAFE HIPSTER GAYA TERSENDIRI

Oleh: Elynn Mohd | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Kafe hipster sebenarnya istilah baharu bagi rakyat Kelantan. Idea asal kafe begini dikatakan diambil daripada konsep barat yang rakyatnya sukakan tempat untuk bersantai sambil minum kopi. Walhal budaya orang Kelantan sejak dahulu kala pun suka melepak di kedai kopi. Bezanya nisbah usia, kedai kopi biasa popular dalam kalangan golongan dewasa.

Sebaliknya, kini kafe hipster digemari belia kerana konsepnya bergaya urban, English, retro moden atau tradisional yang menyediakan sudut untuk pengunjung bergambar sebagai kenangan. Mereka cipta pengenalan (signature) sendiri berbentuk produk atau ciri-ciri paten yang unik membuatkan ia berbeza daripada kafe-kafe lain.

Portal KelantanKini (21 Disember 2019) menyenaraikan 13 kafe hipster yang terbaik di Kota Bharu. Namun artikel ini hanya menyorot empat kafe hipster popular di empat jajahan di Kelantan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Jeli.

**Hedley Books & Cafe**

Asal tertubuhnya kafe ini dengan nama Hedwig Books & Cafe tetapi disebabkan ada hak cipta daripada nama "Hedwig", maka ditukar menjadi Hedley Books & Cafe. Bertemakan filem Harry Potter, kafe ini menjadi kedai kopi moden bertemakan Harry Potter pertama di Malaysia. Terletak di Bandar Baru Kubang Kerian sederet dengan D'Klasik dan Amway, kafe ini beroperasi tujuh hari seminggu bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pengasasnya, Nur Raiha Hanafi, siswazah bidang ekonomi dari San Diego State University, California. Beliau mengakui, minat membaca telah mendorongnya membuka kafe pada tahun 2017 dengan modal permulaan sebanyak RM200,000. Nur Raiha berpuas hati apabila pelaburannya berbaloi kerana kafenya tidak pernah putus dikunjungi pelanggan tempatan, luar negeri dan dari Indonesia yang merupakan peminat fanatik Harry Potter.

Menurutnya, keterujaan peminat Harry Potter tanpa mengira bangsa sanggup datang dari jauh semata-mata ingin merasai pengalaman realiti sepertimana yang ditayangkan dalam filem tersebut.

Terdapat lebih 1,000 buah buku di pustaka mini kafe ini. Buku dijangka bakal bertambah kerana pelanggan gemar membaca sambil menikmati hidangan selain bergambar dan bermain cantuman teka-teki (puzzle). Perkhidmatan sewa buku disediakan dengan harga RM1.50 sehari.

Dekorasi setiap sudut dalam kafe berkenaan menjadi tarikan istimewa untuk pengunjung bergambar kenangan. Jubah Gryffindor bersama tongkat sakti yang dipakai oleh Harry Potter turut disediakan untuk pengunjung pakai dan bergambar.

Ciri utama kafe hipster mesti ada kopi dan makanan barat. Pelbagai jenis kek, sandwic dan spageti serta hidangan ringan yang lain sangat bersesuaian dengan konsep santai. Menu menarik di sini ialah Kek Hedwig Choco, McGonagall Mac and Cheese, Cajun Chicken, Oriental Lamb, Halal Latte, Hazelnut Espresso dan Chocolate Butter Beer.

Layanan mesra dan kecekapan serta sikap ramah lima orang kakitangannya juga faktor penambat hati pengunjung berulang lagi datang kerana segala keperluan yang dihajati pengunjung akan dipenuhi sebaik mungkin. Lokasi tumpuan berhampiran Bank Simpanan Nasional Kubang Kerian dan tempat parkir yang tersusun tidak menyukarkan pengunjung untuk ke sini.







**Cafe JaMae Lony**

Kafe JaMae Lony, orang Kelantan pasti faham perkataan tersebut merujuk "zaman loni" atau "zaman sekarang". Tidak hanya itu, disebalik yang tersurat ada yang tersirat. JaMae adalah hasil gabungan nama sepasang suami isteri iaitu Liza Shareeza Mohd Zaki (Ja) dan Harman Hamzah (Mae). "Lony" pula adalah tambahan untuk merujuk zaman sekarang.

Kafe yang terletak di Pasir Mas, Kelantan ini mula beroperasi pada 13 September 2019 dengan permulaan modal sebanyak RM80,000.

Di samping menjaga kafe, Liza yang berkelulusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga mengambil tempahan katering, kek dan hidangan pencuci mulut (dessert) di rumah secara sambilan. Manakala Harman pula menjalankan perniagaan sewa kanopi dan memiliki dewan serba guna di Kota Bharu iaitu Crystal Colour Avenue.

Ilham untuk menubuhkan Kafe JaMae Lony tercetus daripada hobi mereka yang suka mencari dan mencuba tempat makan baharu terutamanya kafe-kafe yang menyediakan menu serta dekorasi yang menarik. Menu utama kafe ini ialah Nasi Lemak JaMae Lony yang disediakan setiap hari bermula pukul 12.30 tengah hari hingga 10.00 malam.

Keistimewaannya, nasi lemak berwarna biru yang dimasak dengan bunga telang dan rasa sambalnya agak pedas dan tidak manis ala-ala nasi lemak di negeri luar dari Kelantan. Menu utama yang lain pula terdiri daripada makanan barat berasaskan panggang (grilled) termasuklah chicken grilled, lamb grilled dan meatball, menyediakan juga aneka jenis pasta, sizzling & claypot yee mee, pelbagai jenis kopi, pencuci mulut, roti dan juga hidangan sampingan.

Di sini juga terdapat menu tarikan seperti Menu Of The Day (MOTD). Apa yang menarik dari MOTD ini ialah makanan khas disediakan pada hari-hari tertentu seperti nasi ayam pada setiap hari Isnin, nasi ayam penyet pada setiap hari Selasa dan nasi kerabu pada setiap hari Rabu dan Khamis.

Keistimewaan kafe ini dari kafe lain adalah masakan yang mempunyai rasa original dan autentik seperti sos lada hitam pada makanan barat yang tidak akan dijumpai ditempat lain. Kafe ini turut menawarkan harga murah berbanding rasa dan portion yang disediakan kerana mereka ingin masyarakat daripada pelbagai golongan dapat merasai kelazatan makanan yang disediakan.

Tambahan pula, kebersihan di kafe ini amat terjaga sementara reka bentuk dapurnya juga bertemakan konsep terbuka yang mana pelanggan dapat melihat enam orang staf menyedia dan mengendalikan makanan.

Promosi dalam talian melalui Facebook, Instagram dan Twitter peribadi menghangatkan lagi kedatangan pelanggan, malah pemilik juga menggunakan perkhidmatan ulasan berbayar daripada laman Facebook popular seperti Kelantan, Berita Pasir Mas dan lain-lain bagi memperkenalkan Kafe Jamae Lony kepada rakyat tempatan.

Manakala, pengunjung perlu mencari kafe ini menggunakan Google maps kerana lokasinya agak tersorok dari jalan besar, selamat bagi pengunjung yang membawa kanak-kanak, walaupun sedikit jauh dari jalan besar akan tetapi kemudahan parkir di sini sangat luas dan selesa.








**Karat England Cafe**

Bertemakan klasik English, keunikan kafe milik Mohd Hasbullah Mohd Nawi menjadi perhatian masyarakat setelah tular di media sosial kerana papan tandanya memartabatkan tulisan Jawi.

Mohd Hasbullah berkata, idea membuka kafe ini tercetus setelah mempunyai 10,000 koleksi barangan antik yang dikumpul sejak tahun 2014. Koleksi itu diperolehi dari pelbagai negara ketika menetap di England (menemani isteri melanjutkan pengajian di University of Reading).

Bermodalkan RM30,000 bersama rakan kongsinya iaitu Ahmad Fauzi Abdul Manaf, tertubuhlah sebuah kafe di Taman Barakah, Tanah Merah, Kelantan pada 3 Mac 2020. Jumlah tersebut tidak termasuk nilai semua barangan antik yang terdapat di sana kerana barangan antik mempunyai nilai subjektif yang tersendiri.

Antara menu tarikan untuk warga Tanah Merah ialah Nasi Tumpang, Nasi Kedai Buloh, Nasi Lemak Widuri yang terkenal di Kota Bharu dan Roti Bakar 3 Rasa (buttercup, gula dan kaya pandan ciptaan sendiri), kebanyakan daripada menu ini diambil di Kota Bharu pada setiap hari. Tambahan pula, menu lain yang menjadi makanan ruji penduduk setempat seperti nasi air dingin, akok dan juga nasi kapit turut dijual untuk mempelbagaikan lagi menu di Karat England Kafe.

Pengunjung boleh menikmati keenakan hidangan dan keindahan dekorasi vintaj seperti mesin jahit, jam, beg, gramofon, basikal perang British Hazlewood dan motosikal model Norman 1951 pada setiap hari (kecuali Isnin) bermula pukul 7.00 pagi hingga 3.00 petang. Manakala, Jumaat sehingga pukul 12.30 tengah hari sahaja.

"Tempahan awal amat dialu-alukan bagi penyediaan rapi untuk memuaskan cita rasa pelanggan. Kafe berkoleksi barangan antik ini juga sedang dinaik-tarafkan menjadi muzium mini pertama di Tanah Merah bahkan negeri Kelantan tidak lama lagi", ujarnya.

Lima staf sedia menyambut dan melayan pengunjung menambahkan lagi keselesaan pelanggan terutamanya mereka yang baru pertama kali menjejak kaki ke kafe ini. Selain itu, kebijaksanaan pengasas dalam mempromosi kafe mini muzium sendiri di media sosial Facebook telah menarik minat penerbit TV3 dan RTM serta wartawan akhbar Metro dan Kosmo membuat liputan.

Bagi mereka yang berjiwa klasik, suka sejarah dan barangan antik boleh dapatkan maklumat secara terperinci setiap item antik yang dipamerkan di Karat England Kafe dengan hanya scan QR Code di kafe berkenaan.

Berlokasi di Taman Barakah begitu strategik kerana berada di antara laluan dari Pasir Mas - Tanah Merah sangat mudah dicari. Tambahan pula, kafe ini terletak berdekatan jalan raya berhampiran bandar dan pasar raya lain.






**Miena Café**

Berasal daripada gabungan nama Amirul dan Hazlina yang tinggal di Jeli, Kelantan, Miena Café muncul dengan modal awal berjumlah RM2,000 sahaja.

"Pada mulanya ia berkonsepkan butik kafe yang mana sajian ringkas bertumpu kepada jualan minuman dan makanan ringan sahaja. Atas permintaan pelanggan, kami sediakan nasi bungkus, kemudian diminta menjual masakan panas pula", kata Hazlina.

Beliau mengakui bersemangat membuka kafe ini kerana terlalu minat memasak dan menghias. Kafenya dihias cantik untuk pelanggan bergambar selepas menikmati menu popular Korean Spicy Chicken, Neghaa (daging perap yang dibakar dan dimakan bersama sos Miena), Yam Kai Krop (ayam rangup yang diolah menjadi salad masam manis dan pedas ala Thai) serta aneka pilihan ais kisar.

Lokasi di Ayer Lanas mudah dicari dengan kemudahan parking percuma menguntungkan pelanggan. Kafe ini bersedia menerima tempahan majlis daripada pelanggan mengikut tema yang dipilih dan akan didekorasi sendiri oleh pemilik dengan bantuan enam tenaga kerja berdedikasi.

Tempahan berpakej akan diberi diskaun harga berpatutan kerana pemiliknya sangat menjaga rasa untuk mengekalkan trademark beliau iaitu #teraskaliteringatsapamipi (cuba sekali teringat sampai bermimpi).

Pendek kata, memang rambang melihat pelbagai keunikan makanan dan variasi rasa di Kelantan, setiap kafe memiliki aura tersendiri yang membuat pengunjung kecur liur memandangnya. Apa yang penting, makanlah daripada sumber yang halal dan suci bukan sahaja menambahkan cahaya iman malah mendorong kepada kesihatan lahiriah dan rohani yang lebih baik sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 168 yang bermaksud: *"Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang terang lagi nyata bagi kamu".*



Oleh: Zanazanzaly Foto: Ruzely Abdullah | Perbadanan Muzium Kelantan

# ADIGURU KRAF PAK SHAPIE
## WAU KELANTAN TERBANG MEGAH MERENTAS BENUA

Pak Sapie atau nama penuhnya, Shafie Jusoh, pembuat wau yang memenangi anugerah Adiguru Kraf oleh Kraftangan Malaysia pada 2006. Adiguru Kraf ialah gelaran teristimewa kepada individu yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia sebagai tokoh setelah menepati kriteria, antara- nya, mempunyai pengetahuan, berkemahiran tinggi dan kepakaran luar biasa dalam bidang kraf yang diusahakan.

Pak Sapie meninggal dunia pada 16 Februari 2018 ketika usianya mencecah 71 tahun. Pak Sapie pernah menjadi duta Penerbangan Malaysia atau Malaysia Airlines Berhad sebelum ini dikenali sebagai Malaysian Airlines System (MAS) kerana kemahiran beliau membuat perhiasan (sobek) pada sayap wau dan wau naik (wau yang boleh diterbangkan) untuk pertandingan. Wau kucing juga turut dipilih sebagai lambang MAS. Bahkan, Pak Sapie telah banyak meraih kemenangan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Wau bulan, wau kekek, wau puyuh, wau kucing, wau kebayak dan jala budi yang terkenal dengan keindahan dan kehalusan buatannya. Pak Sapie memilih wau bulan kerana reka bentuknya yang seakan-akan bulan sabit pada bahagian hadapan dan separa bulatan pada bahagian ekornya; Pak Sapie menganggap bulan sebagai kemegahan alam ciptaan Tuhan dan wau bulan adalah representasi simbol keagungan bangsa ulung (Melayu-Islam Kelantan) yang lestari.

Falsafah tiga tali (teraju tiga) wau bulan melambangkan tiga bahagian empayar Srivijaya; negara daratan, negara kepulauan dan negara pusat. Tiga teraju ini diikat pula pada satu tali yang bermaksud empayar Srivijaya (Jawa Tengah) diperintah oleh satu pentadbiran pusat. Setelah kemangkatan Maharaja Srivi-

Dapunta Hyang Sri Jayanasa, empayar Srivijaya diperintah oleh cucunya, Jaya Sinha (Sanjaya) pada awal abad ke-8 secara berasingan dari negara induk iaitu Medang Bhumi (Kelantan purba).

Meskipun ketiadaan Pak Sapie amat dirasai oleh peminat wau Kelantan, legasi seni pembuatan wau tradisional beliau yang tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas kini diwarisi oleh anaknya, Wan Anuar Shafie, 43. Galeri Wau Pak Sapie terletak di Kampung Badang, Kota Bharu kini diusahakan bersama-sama isterinya, Wan Rohanizan Wan Mamat, 43, sebagai menyambung warisan kemegahan seni wau yang amat dikagumi oleh bapanya.

Kru majalah Qiadah mengambil kesempatan menemubual pasangan Wan Anuar dan Wan Rohanizan bagi mengimbau kenangan seni pembuatan wau tradisio- nal sekali gus mengangkat martabat seni pertukangan tangan dan khazanah permainan Melayu-Islam Kelantan yang sarat falsafahnya.



Arwah pernah menerima sijil penghargaan oleh Universiti Malaya.

**Qiadah:** Bilakah tuan mewarisi perniagaan Galeri Seni Wau Tradisi Pak Sapie ini?

**Anuar:** Saya mewarisi perniagaan wau tradisional di Galeri Wau Pak Sapie selepas kematian arwah ayah, Pak Shafie Jusoh pada 16 Februari 2018.

**Qiadah:** Boleh ceritakan latar belakang Allahyarham Pak Sapie dan sejarah penglibatan beliau dalam seni pembuatan wau tradisi Kelantan?

**Anuar:** Arwah ayah saya terlibat dalam seni pembuatan wau sejak tahun 1971 sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir. Beliau tidak pernah melakukan pekerjaan lain kerana minatnya yang amat mendalam terhadap wau. Beliau belajar membuat wau daripada orang lama di Kampung Kijang dan di sekitar kawasan tempat tinggalnya iaitu di Kampung Pauh Badang.

**Qiadah:** Apakah pencapaian Allahyarham ayah tuan yang paling berprestij dan bermakna kepada keluarga dan diri Allahyarham?

**Anuar:** Arwah bapa saya pernah dinobatkan sebagai Adiguru Kraf Wau Malaysia. Anugerah ini sangat bermakna kepada beliau dan kami semua, ia seperti menghargai jasa arwah yang begitu cintakan seni pembuatan wau. Arwah ayah begitu berbangga apabila melihat gegantung Tourism Malaysia yang memaparkan wajah beliau ketika membuat demonstrasi menaikkan wau di Australia dan New Zealand.



**Qiadah:** Apakah pandangan tuan sekeluarga terhadap warisan seni wau sekarang?

**Anuar:** Kami melihat seni pembuatan wau sebagai warisan yang semakin dilupakan tetapi ia mempunyai potensi yang cukup besar kepada pelancongan negeri Kelantan khususnya. Warisan yang harus kami teruskan ini adalah untuk generasi akan datang. Kami bimbang seni ini akan dilupakan kerana tidak ramai yang mahir melakukannya. Malah, kini hanya kami yang ada, seolah-olah kami ini sudah menjadi seperti pusat rujukan kepada pelajar-pelajar yang mengkaji sejarah seni warisan wau terutamanya pelajar universiti tempatan.

**Qiadah:** Apakah perancangan masa hadapan tuan dalam mengembangkan legasi seni wau?

**Anuar:** Rancangan kami sekarang dan masa hadapan hanyalah untuk mengekalkan galeri ini dan mewariskannya kepada anak-anak kami agar generasi akan datang masih mampu untuk melihat seni pembuatan wau secara alami, secara bersemuka, secara nyata; bukannya pada suatu hari nanti, hanya mampu melihat wau melalui alam maya atau terpaksa pergi ke muzium untuk mengenali apa itu wau.  Usaha dan harapan kami untuk dapat mengekalkan galeri ini adalah satu pencapaian yang sangat besar dan bermakna kerana anak-anak zaman sekarang seolah-olah memandang sepi khazanah seni tradisi yang terpampang di depan mata mereka.

**Qiadah:** Sehingga ke hari ini, bagaimana tuan melihat potensi seni wau kepada ekonomi dan pelancongan negeri?

**Anuar:** Seni wau sangat berpotensi kepada peningkatan ekonomi melalui industri pelancongan negeri. Ekonomi kami sekeluarga ditampung sepenuhnya oleh hasil pendapatan yang diperolehi melalui kerja-kerja membuat wau. Ramai juga dalam kalangan pelancong yang datang ke Kelantan semata-mata kerana wau, terutamanya pelancong luar negara; bahkan ada pelancong antarabangsa yang singgah di Kelantan kerana ingin melihat wau biarpun dalam itinerari lawatan asal mereka ke negara kita tidak termasuk lawatan ke Kelantan.

**Qiadah:** Saya difahamkan tuan pernah mewakili negeri ke luar negara untuk mempromosi seni wau ini. Boleh tuan berkongsi pengalaman tersebut?

**Anuar:** Saya dan isteri ke Narathiwat, Thailand selama seminggu untuk memenuhi undangan daripada Muzium Narathiwat bagi mewakili Malaysia menyertai Festival Jalinan Kasih Selatan Thai, yang turut disertai oleh delegasi Indonesia, Vietnam, Thailand dan Kemboja pada bulan Mac 2019. Pada akhir September tahun lepas, saya mengikuti rombongan Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) ke Busan, Korea Selatan selama seminggu sebagai juru demonstrasi membuat dan menyobek (menghias) wau.





Galeri Wau Pak Sapie yang kini dijaga oleh anaknya, Wan Anuar Shafie.




Galeri Wau Pak Sapie terletak di Kampung Badang, Kota Bharu.

**Qiadah:** Bagaimana tuan melihat sokongan kerajaan terhadap seni pembuatan wau tradisi ini? Apakah yang boleh ditambah baik daripada pengalaman tuan, sama ada oleh pihak kerajaan mahupun penggiat seni wau itu sendiri?

**Anuar:** Kerajaan Kelantan dan Tourism Malaysia sewajarnya lebih aktif bertindak untuk menghidupkan semula pertandingan wau khusus untuk rakyat Kelantan. Sebagaimana setiap pertandingan lain yang diadakan untuk mencungkil dan meningkatkan bakat dan menerapkan minat golongan muda dalam sesuatu seni, begitu juga dengan wau.

Pertandingan ini berbeza dengan Festival Wau Antarabangsa yang dilihat lebih khusus untuk mereka yang telah ada nama dalam bidang wau. Begitulah yang kami nampak dengan suasana seni wau di negeri ini, walaupun wau sinonim dengan Kelantan tetapi tempat khusus untuk bermain wau pun, tidak seperti di Johor yang ada Bukit Layang-Layang, malah di Selangor pun ada tempat khas untuk bermain wau. Sedangkan masyarakat Kelantan yang begitu "gilakan" permainan wau namun hakikatnya tiada tempat khas untuk menerbangkan wau mereka.

Pada saya, sokongan kerajaan negeri sudah sangat bagus untuk saya dan galeri saya bertahan. Jika ada kelemahan dan kekurangan, maka saya sendiri yang perlu tambah baik. Takkan saya mahu menunggu orang menyuapkan semua perkara, saya sendiri mestilah berusaha gigih memperbaiki diri sendiri kerana Allah SWT tidak merubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang melakukan perubahan.





Seni pembuatan wau yang kini diteruskan oleh anak arwah.

**Qiadah:** Apakah cabaran paling besar yang dihadapi oleh tuan dalam mengembangkan seni wau tradisi yang diwarisi daripada Allahyarham bapa tuan?

**Anuar:** Cabaran paling besar yang pernah saya hadapi ialah proses untuk menyiapkan tempahan. Ramai yang kurang faham dengan konsep seni pembuatan wau. Benda seni ini kita tidak boleh hendak buat dalam tempoh yang singkat dan tergesa-gesa atau dalam keadaan "beloghak gaduh". Benda seni ini ambil masa untuk disiapkan, pelanggan kena faham tentang seni membuat wau bukan mudah. Ada falsafah tersendiri dalam setiap pengkaryaan. Semua perasaan bangga, megah dan bermaruah sebagai bangsa Melayu-Islam tercurah ke dalam seni pembuatan wau, terutamanya Wau Bulan Teraju Tiga.

Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, saya mahu mencari pembantu pun sukar. Sememangnya tiada orang yang mahu membantu waima anak sendiri. Mereka lebih selesa bermain dengan telefon masing-masing daripada membantu bapanya menyiapkan tempahan.

Soal menyiapkan tempahan satu hal, yang selebihnya ialah soal penghantaran wau yang telah siap. Masalah yang saya hadapi dalam soal penghantaran melalui pos atau kurier ialah syarat penghantaran barang yang amat ketat sehingga menyusahkan kami yang menghantar dan pelanggan yang menerima penghantaran. Kadang-kadang ia menyebabkan kami terpaksa menolak tempahan melalui pos atau secara dalam talian sedangkan pada musim COVID-19 ini, boleh dikatakan separuh daripada tempahan yang kami terima adalah melalui dalam talian.

Soal bayaran pos yang amat tinggi juga membebankan saya kerana bayaran pos ini lebih mahal daripada harga sebuah wau yang ditempah, lebih-lebih lagi kalau ia dihantar ke luar negara, sebagai contoh, harga wau RM100 tetapi harga pos lebih tinggi daripada RM100 itu, menjadikan harga yang perlu ditanggung pelanggan berganda-ganda.

**Qiadah:** Apakah harapan tuan terhadap pemerkasaan seni pembuatan dan permainan wau tradisional?

**Anuar:** Alhamdulillah melalui Galeri Pak Sapie seni pembuatan dan pameran wau sentiasa aktif. Bantuan pihak kerajaan Kelantan melalui TIC amat dihargai. Terima kasih juga kepada peminat wau yang tahu menghargai kerja seni kami dengan harga berpatutan bermula dari RM100 hingga RM5,000 bergantung kepada permintaan pelanggan. Inilah bukti betapa seni wau bukan perkara lekeh.




# MEMACU USAHAWAN KELANTAN BERSAMA PMBK DI ARENA ANTARABANGSA

Oleh : Yusri Yaakub




**"Peniaga lama di Pasar MPKB dan Arkid Uda berhak beroperasi di kawasan yang lebih strategik, selamat, selesa dan terancang kerana mereka merupakan tulang belakang untuk memasarkan produk-produk tempatan kepada pelancong selama ini" Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berucap ketika Majlis Pecah Tanah Bazar Tok Guru.**

Pada tahun 2008, mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) telah berazam untuk menyediakan ruang atau tempat yang selesa kepada peniaga-peniaga kecil dari Arkib Lama MPKB dan Arkib Uda berniaga di satu tempat strategik yang terletak di tengah bandar Kota Bharu. Melalui PMBK, aspirasi Tok Guru tersebut telah berjaya direalisasikan dengan pembinaan bangunan tiga tingkat yang tersergam indah di Jalan Sultan Ibrahim diberi nama Bazar Tok Guru (BTG) yang mempunyai 860 lot secara keseluruhan.

Bermula Jun 2011, BTG telah menjadi mercu tanda pusat perniagaan baru di negeri Cik Siti Wan Kembang. BTG merupakan lambang keprihatinan kerajaan negeri Kelantan kepada golongan peniaga dan telah menjadi satu pusat tumpuan para pelancong dalam dan luar negeri Kelantan serta pusat perniagaan kepada usahawan-usahawan Kelantan tanpa mengambil kira perbezaan bangsa.

Dalam merencanakan hasrat besar Tok Guru tersebut, secara tidak langsung PMBK telah mula melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan usahawan negeri Kelantan. Biarpun kos pembinaan bangunan ini bernilai jutaan ringgit, namun atas dasar keprihatinan membantu rakyat negeri Kelantan terutama usahawan kecil, PMBK juga telah membantu menyediakan pemilikan lot niaga




**TELEKUNG HJ. MOHAMAD RONEY @ SITI MAIMUNAH**

Haji Mohamad Roni bin Mohamed
Lot A142-A143
Peniaga Sewa dan Beli

usahawan yang berada di BTG dengan pakej sewa beli serendah RM350 sebulan selama 18 tahun tanpa sebarang caj ataupun faedah. Seramai 400 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada pakej berkenaan dan masih aktif menjalankan aktiviti perniagaan di BTG.

Ternyata melalui pakej istimewa PMBK ini, ramai usahawan terlibat yang telah berjaya mengembangkan jenamanya yang tersendiri serta sayap perniagaannya dan menjadi usahawan yang terkenal di seluruh negara.

Kebelakangan ini, ledakan era Revolusi Industri 4.0(IR 4.0) yang memacu dengan giat hubungan antara manusia, peralatan fizikal dan dunia digital telah menjadi pemangkin kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Pelbagai idea perniagaan baharu yang muncul bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Keperluan pengggunaan talian Internet pantas serta memiliki premis perniagaan yang selesa dan baik di lokasi strategik menjadi satu keperluan kepada mana-mana usahawan atau syarikat baharu yang ingin mengembangkan perniagaan mereka pada peringkat yang lebih tinggi.




**EMPAYAR BATIK**

Rosidah binti Mahmud
Lot A77 dan A110
Peniaga Sewa dan Beli



**TUDUNG AA BAWAL**

Ardiana binti Azman
Lot F122-F123
Peserta Jom Niaga sejak 2017

Justeru, menyedari desakan serta keperluan warga usahawan baharu di negeri Kelantan ini, PMBK telah memperkenalkan Program Jom Niaga di tingkat 2 dan 3 BTG pada tahun 2017. Melalui pakej sewaan yang sangat berpatutan iaitu dengan tawaran serendah RM90 sebulan, usahawan-usahawan digital Kelantan tidak menunggu lama untuk memenuhi lot-lot di BTG. Pakej pemilikan lot niaga usahawan Kelantan yang sangat ideal ini juga dibantu dengan aktiviti publisiti dan promosi yang diusahakan oleh PMBK berbentuk paparan papan iklan di semua pintu masuk sempadan negeri serta pelaksanaan acara-acara menarik pengunjung ke BTG. Sehingga kini, terdapat lebih 200 orang peserta yang aktif telah bernaung serta mendapat manfaat di bawah program Jom Niaga PMBK di BTG.

Jenama Bazar Tok Guru telah menjadi satu aset pelancongan yang tidak asing lagi kepada rakyat Kelantan dan warga Kota Bharu khususnya. Keberuntungan besar buat rakyat negeri Kelantan khususnya kepada usahawan-usahawan yang telah mendapat manfaat dan rahmat di sebalik kewujudan BTG yang telah diilhamkan oleh Tok Guru. Biarpun jasadnya telah bersemadi, namun harapan serta simbolik perjuangannya ke atas usahawan negeri Kelantan sentiasa mekar pada bangunan bersejarah ini.



**STOKIS PRODUK MINUMAN & MAKANAN KESIHATAN SAWANAH KOKO**

Noor Erni binti Jaafar
Lot F071, F084 dan F05
Peserta Jom Niaga sejak 2019


U-BeS
Urus Setia Belia dan Sukan
Kerajaan Negeri Kelantan
Penghuni Gua
Kisah Luar Biasa
Mutiara Ilmu
Dato' Mohd Amar Abdullah
Timbalan Menteri Besar Kelantan
Penghuni
Gua
Kisah Luar Biasa
Mohd Amar Abdullah
الكهف
TERBITAN
URUS SETIA
BELIA DAN SUKAN
NEGERI KELANTAN


PEMBELIAN AWAL
BELI 10 PERCUMA 1
DEWASA RM 53
KANAK KANAK RM 29
HARGA BIASA
DEWASA RM 63
KANAK KANAK RM 33
MOREH
"Santai Colek Bawah Bintang"
Bermula RM 3
Terma & Syarat : Harga adalah tertakluk kepada 6% SST | Kanak - kanak berumur 6 - 12 tahun
Surau disediakan | Makanan & minuman dijamin Halal
DUYONG
MARINA & RESORT
TERENGGANU
RAMADHAN
Serasa Dunia
"Sejuta Nikmat, Seribu Rasa"
Beautiful Terengganu Malaysia
RM 178 WITH SAHUR / BREAKFAST
RM 158 ROOM ONLY
FOR BOOKING, PLEASE CALL :
09 627 7888
018 983 1200

# Bantuan banjir pada penghujung tahun 2020

Pada 15 Disember 2020, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangkakan hujan lebat bakal melanda negeri Kelantan bermula 15 hingga 18 Disember 2020. Ramalan ini ternyata tepat malah jumlah taburan hujan yang diterima melebihi jangkaan. Paras air di semua sungai utama menunjukkan trend menaik disebabkan hujan lebat di kawasan hulu. Beberapa daerah terjejas ekoran banjir yang melanda.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengambil inisiatif menyalurkan bantuan ke beberapa daerah yang terjejas bermula dari 22 hingga 24 Disember 2020, malah bantuan turut disambung sehingga Januari 2021. Bantuan telah dihantar ke empat daerah iaitu:

## Bukit Panau, Tanah Merah

23 Disember 2020









## Dabong, Jeli

23 Disember 2020

## Kemahang Tanah Merah

24 Disember 2020









## Wakaf Bharu, Tumpat

4 Januari 2021



Oleh: Shariah Derahman | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

# Solat Hajat & Usrah PMBK

**Bagi memohon keberkatan tahun baharu 2021, Perbadanan Menteri Besar Kelantan telah mengadakan program Solat Hajat dan Usrah dengan norma baharu pada 27 Jamadil Awal 1442 bersamaan 11 Januari 2021 bertempat di Bilik Latihan,Tingkat 5 Bangunan PMBK.**

**Program yang bermula pada pukul 8.30 pagi ini dimulai dengan sesi pendaftaran dan ucapan ringkas oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Program diteruskan dengan solat hajat berjemaah dan usrah ilmiah yang disampaikan oleh Ustaz Saibon Ismail.**

**Program ringkas ini berakhir pada pukul 9.30 pagi dengan sedikit jamuan ringan yang telah dibungkus untuk diagihkan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.**



# تجميل Tajmeel
# Where Beauty Begins

Oleh: Shariah Derahman | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Bio Tajmeel Sdn. Bhd. (BTCSB) merupakan anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan mengeluarkan produk baharu bernama Tajmeel dengan slogan *'Where Beauty Begins'*. Slogan ini dipilih bagi membawa maksud kecantikan bermula dengan niat hati yang tulus ikhlas dan penuh keimanan dalam menghasilkan produk yang lebih selamat dan halal kepada pengguna.

Ia merupakan set penjagaan lengkap badan berserta *travel kit* sesuai untuk wanita dan juga lelaki yang terdiri daripada:

- Gel mandian
- Syampu
- Perapi rambut
- Cucian tangan
- Pensanitasi tangan (poket)
- Minyak aromaterapi (poket)
- *Travel Kit* 4 dalam 1 (syampu, gel mandian, minyak arometerapi dan pensanitasi tangan)

Majlis pelancaran produk baharu jenama Tajmeel ini telah diadakan pada 26 Januari 2021 di Kota Darulnaim. Majlis yang diadakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan norma baharu ini melibatkan kehadiran tidak melebihi 10 orang, selebihnya dilakukan secara dalam talian. Majlis ini disempurnakan oleh Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi selaku Ahli Lembaga Pengarah BTCSB.

Antara kelebihan produk Tajmeel adalah menggunakan kandungan bahan mentah berasaskan bahan semula jadi yang lebih selamat di mana polisi syarikat adalah mengutamakan keselamatan dan kualiti produk serta dijamin halal.

BTCSB mempunyai kilang berstatus Good Manufacturing Practice (GMP) yang diiktiraf oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan diiktiraf halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (bersih, selamat dan toyyiba). Selain itu, syarikat juga mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas melebihi 12 tahun dalam formulasi dan pengilangan produk kesihatan dan kecantikan yang berkualiti, berkesan, selamat serta diyakini halal.

Produk ini telah memasuki pasaran pasar raya dan juga halal mart yang terpilih di negeri Kelantan bermula Februari 2021 dan bakal meluas ke seluruh negara bermula April 2021.



Pelancaran produk Tajmeel.




Dato' Hajah Mumtaz menyempurnakan Majlis pelancaran produk Tajmeel.




Produk Terbaru Bio Tajmeel.




Produk kesihatan dan kecantikan Nutrifera.


Tajmeel تجميل
"Where Beauty Begins"
Set Penjagaan Diri
untuk
Seisi Keluarga
Tajmeel travel kit
YB Dato' Hajah Mumtaz MD Nawi
Pengerusi Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.
Tajmeel travel kit
Tajmeel
SHAMPOO
320 ml
Tajmeel
HAIR CONDITIONER
200 ml
Tajmeel
SHOWER GEL MOISTURIZING
Enriched with Olive Oil
Rice Extract
Deeply Hydrates
Nourishes Dry Skin
800 ml
Diedarkan Secara Eksklusif Oleh :
BIO TAJMEEL COSMECEUTICAL SDN. BHD.
(892056-H)
LOT 3174, BATU 23, JALAN KOTA BHARU-MACHANG, 18000 MACHANG, KELANTAN
09-976 5280 / 010-828 8484






# Sumbangan Prihatin COVID-19 Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Oleh: Siti Norazami Mohamed Anuar | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah menyumbang 1,000 kit penjagaan diri kepada pesakit COVID-19 dan juga para barisan hadapan. Sumbangan tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat PMBK sebagai salah satu aktiviti kebajikan serta tanda penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam menangani pandemik ini.

Kit tersebut telah diserahkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) pada 20 Rejab 1442 bersamaan 04 Mac 2021 bertempat di Crisis and Preparedness Response Centre (CPRC), Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan. Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK.

Kit penjagaan diri yang disumbangkan merupakan produk yang dikeluarkan oleh anak syarikat PMBK iaitu Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. Pihak JKNK akan mengagihkan sumbangan tersebut ke hospital dan pusat kuarantin yang berkaitan.

Dengan adanya sumbangan ini, sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan negeri Kelantan menyantuni rakyat yang menghadapi musibah ini serta dapat mengurangkan bebanan JKNK dalam menguruskan pandemik tersebut.


JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN
CPRC
KELANTAN
CRISIS PREPAREDNESS & RESPONSE CENTRE
"Cepat. Cekap. Tepat"


DBR 7722


BILIK MESYUARAT
SUMBANGAN PRIHATIN COVID-19




# Digitalisasi Dinar Dirham Kelantan

## Peluang Simpanan Merentasi Sempadan

Oleh: Wan Muhammad Najahuddin Wan Fuad

**Dinar dan dirham Kelantan**

Dinar dan dirham Kelantan merupakan suatu nama yang tidak asing dalam industri emas dan perak di Malaysia. Malah selepas pelancaran dinar dan dirham ini dilaksanakan, edarannya telah sampai ke Asia dan Timur Tengah dan melangkah lebih jauh pada tahun 2020, sehingga ke Acheh, Jakarta; Hong Kong dan Australia.

Dinar adalah syiling emas dengan berat 4.25 gram dan berketulenan 917 manakala Dirham adalah syiling perak dengan berat 2.975 yang berketulenan 999 keluaran kerajaan negeri Kelantan melalui anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan iaitu Kelantan Gold Trade (KGT).

Mengikut rekod, Kelantan merupakan negeri pertama mengeluarkan dan mengedarkan dinar dan dirham bagi kegunaan masyarakat di seluruh Kelantan yang telah dilancarkan pada tahun 2006. KGT kemudiannya menjalankan kajian bagi menambah baik produk dan penggunaan dinar dan dirham dengan melibatkan pelbagai pihak yang terdiri daripada kerajaan negeri dan agensinya, peniaga-peniaga, pemain industri serta institusi pendidikan dalam merealisasikan usaha dan matlamat kerajaan negeri Kelantan untuk memberi manfaat kepada rakyat melalui penyimpanan dinar dan dirham.

**Digitalisasi dinar dan dirham Kelantan**

KGT telah melancarkan satu program bagi memudahkan pengguna membuat simpanan dengan nilaian serendah RM20.00 bagi mendapatkan dinar dan dirham Kelantan serta produk emas sampingan di KGT. Program "Simpan, Tukar Emas & Perak" (DND STEP) merupakan inisiatif simpanan era baharu untuk mengalihkan simpanan fiat kepada emas. Program ini dikuasakan oleh teknologi terkini melalui sistem atas talian bagi memudahkan capaian mesra kepada pengguna.




**Fungsi**

Fungsi utama STEP adalah untuk menggantikan kaedah operasi tradisional dengan memanfaatkan teknologi terkini. Pengguna DND STEP berpeluang untuk menyimpan dinar dan dirham di KGT dengan caj yang rendah serta jaminan keselamatan yang tinggi. Kaedah operasi sistem yang mesra dapat memberi butiran dinar dan dirham yang disimpan di KGT serta pengguna dapat terus membuat transaksi seperti tukaran, jualan balik dan memindahkan kepada akaun STEP pelanggan yang lain.

Pada masa akan datang, KGT akan menambahbaik fungsi-fungsi yang lain sesuai dengan konsep KGT dalam menyediakan platform simpanan dalam bentuk dinar dan dirham kepada orang ramai dengan peluang muamalat serta perniagaan.

**Potensi dan respons pengguna**

Kebanyakan pelanggan dan pengguna dinar dan dirham Kelantan meluahkan rasa syukur serta berpuas hati dengan penambahbaikan perkhidmatan KGT yang terbaharu ini sesuai untuk mencipta peluang baharu kepada pengguna pada masa akan datang dan memperkasakan penggunaan dinar dan dirham ke suatu tahap yang lebih baik.

Hampir 1,000 peserta telah menukar simpanan dirham kepada produk emas 1 gram KGT atau 1 dinar dan menikmati kelebihan hasil simpanan tersebut pada masa hadapan.

**Penutup**

Pelaksanaan bagi menjadikan dinar dan dirham ini sebahagian daripada komponen kewangan akan diberi perhatian sewajarnya dengan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kajian bagi memastikan manfaat dinar dan dirham dapat dicapai oleh golongan sasar dan tidak hanya pada golongan berpendapatan tinggi.

Selain itu, PMBK dan KGT menzahirkan penghargaan terima kasih kepada masyarakat atas sokongan bagi sama-sama melihat sistem kewangan Islam ini dapat dilaksanakan dengan baik bermula di Kelantan seterusnya di peringkat nasional dan antarabangsa.



# TEROWONG MASA
## *TIME TUNNEL*

Sumber dan foto ehsan daripada Perbadanan Muzium Kelantan.

### ISTANA TENGKU SERI AKAR RAJA
**1930-an**

Istana Tengku Seri Akar Raja (Tengku Ahmad Zainal Abidin bin Tengku Abdul Kadir Kamarudin). Terletak di Jalan Hilir Balai, Kota Bharu. Gambar diambil pada tahun 1930-an.

*Tengku Seri Akar Raja Palace (Tengku Ahmad Zainal Abidin bin Tengku Abdul Kadir Kamarudin). Located on Hilir Balai Street, Kota Bharu. Photo was taken in 1930s.*



## BAZAR TENGKU ANIS
**2021**

Bazar Tengku Anis yang dibina di atas tapak tanah Istana Tengku Seri Akar. Gambar ini diambil pada tahun 2021.

*The Tengku Anis Bazaar which was built on the former land site of Tengku Seri Akar Palace. This picture was taken in 2021.*

KELANTANESE DIALECT

# Dialek KELANTAN

Oleh: Iman Mohd Yusoff
Disemak oleh Abdullah Mohd Yassin (Munsyi Dewan)

**Mari kita kenali alatan dan perkakasan di Kelantan.**



## SIKO
**PENYODOK (SHOVEL)**

Alat untuk menggali, mengaut tanah dan sebagainya. Sebutannya ialah 'si-ko'.



## SADAT
**SABIT (SICKLE)**

Alat seperti pisau melengkung yang digunakan untuk memotong padi, rumput, lalang dan sebagainya. Sebutannya ialah 'sa-dat'.



## COK
**CANGKUL (HOE)**

Alat untuk menggali, menggemburkan dan memecahkan tanah. Matanya dibuat daripada besi dan berhulu panjang. Sebutannya ialah 'cok'.



## COK BETO
**CANGKUL BERMATA LURUS**

Alat untuk menggali. Kegunaannya untuk mendalamkan tanah yang digali. Bentuk matanya lurus (tidak membengkok). Sebutannya 'cok beto'.



## CETONG

**GAYUNG**

Alat yang dibuat daripada plastik atau tempurung dan bertangkai, digunakan untuk mencedok air. Sebutannya ialah 'ce-tong'.



## TALI TEK

**PITA PENGUKUR (MEASURING TAPE)**

Alat yang digunakan untuk mengukur panjang, lebar dan tinggi sesuatu. Kiraannya dalam inci dan kaki. Sebutannya ialah 'ta-li tek'.



## PUTAR RELO

**GERUDI TANGAN (HAND DRILL)**

Alat gerudi menggunakan kuasa tangan (tanpa elektrik) yang digunakan untuk menebuk lubang pada kayu. Sebutannya ialah 'pu-tar re-lo'.



## KKORE

**KUKURAN**

Alat untuk mengukur isi kelapa yang bergerigi besi dan mempunyai tempat duduk. Sebutannya ialah 'kko-re'.



## KKATI

**PENGACIP PINANG**

Alat yang dibuat daripada besi atau tembaga yang digunakan untuk membelah dan meracik pinang. Sebutannya ialah 'kka-ti'.



## KUBA BESI
**JENTERA MEMBAJAK SAWAH**

Alat untuk membajak tanah sawah. Dikenali juga dengan panggilan 'kreto ggalo'. Sebutannya ialah 'ku-ba be-si'.



## BESI KUBA
**PENCABUT PAKU (WRECKING BAR/CROWBAR)**

Alat yang dibuat daripada besi dan di hujungnya mempunyai belahan digunakan untuk mencabut paku. Sebutannya ialah 'be-si ku-ba'.



## KELEWE
**KELEWANG**

Alat seperti pedang yang matanya semakin lebar dan nipis hingga ke hujung. Sebutannya ialah 'ke-le-we'.



## GOLOK
**PARANG PENDEK**

Alat berupa parang pendek yang matanya tirus ke hujung dan digunakan untuk memotong. Sebutannya ialah 'go-lok'.



## KAKOK TUO
**RAGUM KAKAK TUA**

Alat untuk mencabut paku dan memotong dawai besi halus. Sebutannya ialah 'ka-kok tuo'.



MAGHI BELI!
BARE MUROH, RAMA SUKO, PAKAT PUNGGOH, ADO BELAKO
#bazarviralkelate
BAZAR TOK GURU
PMBK
PUSAT JUALAN RUNCIT & BORONG TEKSTIL
MEDAN SELERA ( TINGKAT 3)
GALERI SENI (TINGKAT 3)
GALERI SWAFOTO & GRAFITI (TINGKAT 3)
PUSAT JAHITAN PAKAIAN KOTA BHARU (TINGKAT 2 & 3)
PUSAT SEHENTI OKU NEGERI KELANTAN (TINGKAT 3)
PUSAT USAHAWAN ONLINE KELANTAN (TINGKAT 3)
HUBUNGI
014-538 2083 (ADIB)
WAKTU OPERASI:
9.00 PAGI-6.30 PETANG
(SABTU-KHAMIS)
SEWA KEDAI MURAH
Kempen Pemilikan Lot Niaga Usahawan Kelantan
SEWA BELI RM350 SEBULAN
SEWAAN RM90 SEBULAN
#BAZARVIRALKELATE
HUBUNGI
019-932 2295 (GEE)
011-25469440 (YUS)
Bazar Tok Guru
bazarviralkelate
www.pmbk.gov.my/pemasaran
BAUCAR
BAUCAR
15% LOT BIASA
10% LOT PENJURU
DISKAUN BAGI 50 PEMBELI
#BAZARVIRALKELATE
www.pmbk.gov.my
Bazar Tok Guru
bazarviralkelate
NAMA:
NO. IC:
ALAMAT:
Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru

#kekaldirumah
#kitajagakita
#Allahjagakita



# SENTIASA WASPADA DAN AMALKAN KAWALAN KENDIRI

## ELAK 3C

1



**CROWDED PLACES**
(TEMPAT SESAK)

2



**CONFINED SPACES**
(TEMPAT SEMPIT DAN TERTUTUP)

3



**CLOSE CONVERSATION**
(SEMBANG DEKAT)

## AMAL 3W

1



**WEAR** (PAKAI) PAKAI PELITUP MUKA

2



**WASH** (CUCI) KERAP CUCI TANGAN DENGAN AIR SABUN

3



**WARN** (AMARAN)

- JANGAN BERSALAMAN ATAU BERSENTUHAN
- LAKUKAN DISINFEKSI